

MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KEDUA  
PARLIMEN KEEMPAT BELAS  
2019

**HARI KHAMIS : 25 JULAI 2019**

**NO SOALAN: 1**

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN NEGARA  
MESYUARAT KEDUA 2019, PENGGAL KEDUA,  
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

**PERTANYAAN : LISAN**  
**DARIPADA : YB DATO' SRI TI LIAN KER**  
**TARIKH : 25 JULAI 2019**

**Dato' Sri Ti Lian Ker** minta **MENTERI INDUSTRI UTAMA** menyatakan komitmen Kementerian bagi memberi kesedaran dan pendedahan kepada para pekebun kecil khususnya yang tinggal di kawasan pedalaman tentang kepentingan memiliki pensijilan Minyak Sawit Mampan (MSPO) yang bertujuan meningkatkan profil tanaman itu di peringkat pasaran global.

## NO SOALAN: 1

### JAWAPAN

Tuan Yang Di-Pertua,

Pelbagai langkah sedang dilaksanakan bagi memastikan pensijilan *Malaysian Sustainable Palm Oil* (MSPO) dapat dilaksanakan sepenuhnya seperti yang disasarkan. Kementerian melalui agensi seperti Lembaga Minyak Sawit Malaysia (MPOB) dan Majlis Pensijilan Minyak Sawit Malaysia (MPOCC) sedang menggiatkan usaha agar para pekebun kecil dapat mematuhi dan memperolehi pensijilan MSPO. Program Jelajah MSPO ke seluruh negara sedang dilaksanakan untuk memberi penerangan dan bantuan teknikal kepada para pekebun kecil ke arah pensijilan. Ini merupakan satu inisiatif turun padang untuk memberi pemahaman dan tunjuk ajar secara langsung kepada para pekebun kecil. Program ini turut dirangka mengikut kesesuaian penduduk setempat bagi memudahkan komunikasi dalam memastikan pemahaman tentang MSPO dan seterusnya diterima pakai oleh pekebun kecil.

Tuan Yang Di-Pertua,

Bagi menggalakkan lebih ramai pekebun kecil mendapatkan pensijilan MSPO dan pada masa yang sama mengurangkan bebanan mereka, Kerajaan telah menyediakan dana yang merangkumi kos yuran pensijilan, pembelian peralatan perlindungan diri (PPE) dan pembinaan rak bahan kimia. Selain itu, Kerajaan juga turut menanggung kos latihan dan taklimat kepada pekebun kecil sawit di seluruh negara. Pengumuman geran MSPO untuk pengusaha sawit oleh Kementerian Kewangan baru-baru ini juga

## **NO SOALAN: 1**

adalah merangkumi bantuan kepada pekebun kecil tersusun bagi menggalakkan lebih ramai penanam sawit mendapat pensijilan MSPO. Selain itu, pegawai TUNAS MPOB juga bersedia memberi khidmat nasihat teknikal mengenai Amalan Pertanian Baik (GAP) kepada para pekebun kecil.

Untuk makluman Yang Berhormat, Kerajaan tetap dengan pendirian untuk terus melaksanakan pensijilan MSPO bagi industri sawit negara dan memandatorikannya bermula 1 Januari 2020. Ini selaras dengan kenyataan oleh YAB Perdana Menteri semasa ucapan beliau dalam Perhimpunan Agung Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (PBB) pada 29 September 2018 iaitu Malaysia akan pastikan semua minyak sawitnya mematuhi standard MSPO menjelang 2020.

Sekian, terima kasih.

**NO SOALAN: 2**

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN NEGARA  
MESYUARAT KEDUA 2019, PENGGAL KEDUA,  
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

**PERTANYAAN : LISAN  
DARIPADA : YB DATUK RABIYAH BINTI ALI  
TARIKH : 25 JULAI 2019**

**Datuk Rabiyah Binti Ali** minta **MENTERI PERTAHANAN** menyatakan fokus Angkatan Tentera Malaysia dalam menangani ancaman musuh di Pantai Timur Sabah terutamanya dalam menghadapi kesan senario geopolitik antarabangsa dan politik Filipina.

## NO SOALAN: 2

### JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Kementerian Pertahanan sentiasa memandang serius tentang isu keselamatan negara dan ke arah itu, pelbagai usaha telah dan sedang diambil untuk memastikan kedaulatan negara akan terus dipelihara daripada sebarang bentuk ancaman. Sejak berakhirnya Op DAULAT pada 29 Jun 2013, Angkatan Tentera Malaysia (ATM) telah meneruskan usahanya untuk memperkukuhkan pertahanan dan kedaulatan negara termasuklah di negeri Sabah, khususnya di kawasan Pantai Timur Sabah.

Bagi menangani ancaman keselamatan dari luar di kawasan Pantai Timur Sabah, ATM memfokuskan peningkatan keupayaannya di negeri Sabah sebagai langkah menghadapi sebarang kemungkinan. Ketika ini, ATM mengekalkan atur gerak trup dan aset tambahan dari ketiga-tiga Perkhidmatan, iaitu Tentera Darat Malaysia (TDM), Tentera Laut Diraja Malaysia (TLDM) dan Tentera Udara Diraja Malaysia (TUDM) untuk memperkukuhkan kawalan keselamatan di Kawasan Tanggungjawab (KTJ) daripada dibolosi penjenayah rentas sempadan atau ancaman-ancaman yang lain serta memperagakan kehadiran (show of presence) bagi mencegah sebarang ancaman keselamatan.

Sebagai makluman, aset-aset ATM yang sedang beroperasi di negeri Sabah terdiri daripada beberapa Batalion Infantri, Kompeni *Parachute* dan Kompeni Mekanize Tentera Darat, aset-aset TLDM termasuk Pangkalan

## **NO SOALAN: 2**

Laut, aset-aset TUDM dan Pasukan-pasukan Khas daripada ketiga-tiga Perkhidmatan ATM.

Malaysia turut memeterai persepakatan dengan Filipina dan Indonesia melalui perjanjian *Trilateral Cooperative Arrangement (TCA) on Immediate Measures to Address Security Issues in the Maritime Areas of Common Concern* pada 14 Julai 2016 bagi kerjasama menghalang atau menghadapi ancaman keselamatan serta jenayah rentas sempadan di kawasan perairan Laut Sulu dan Laut Sulawesi.

**NO SOALAN: 3**

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN NEGARA  
MESYUARAT KEDUA 2019, PENGGAL KEDUA,  
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

**PERTANYAAN : LISAN  
DARIPADA : YB DATUK HAJI ISMAIL BIN IBRAHIM  
TARIKH : 25 JULAI 2019**

**Datuk Haji Ismail Bin Ibrahim** minta **MENTERI SUMBER MANUSIA** menyatakan hala tuju dan penguatkuasaan statutori dalam latihan keselamatan dan kesihatan pekerjaan oleh JKKP Malaysia dan bagaimana usaha Kerajaan untuk menjadikan NIOSH sebagai entiti Latihan KKP yang beroperasi mengikut perundangan OSHA 1994 atau mempunyai satu kerangka perundangan khusus bagi latihan dan penguatkuasaan.

## NO SOALAN: 3

### JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

1. Kerajaan melalui Kementerian Sumber Manusia menubuhkan Jabatan Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan atau JKKP bagi menguatkuasakan tempat kerja membabitkan aspek keselamatan dan kesihatan di tempat kerja melalui Akta Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan 1994.
2. Kerajaan juga menubuhkan sebuah institut bagi menjalankan aktiviti latihan, rundingan, penyelidikan dan pembangunan serta penyebaran maklumat. Institut ini dinamakan Institut Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan Negara atau NIOSH. Selain latihan berdasarkan perundangan, NIOSH juga membangunkan kokurikulum latihan berdasarkan kehendak majikan dari pelbagai sektor industri.
3. Pihak Kementerian melihat keperluan untuk memperkasakan keselamatan dan kesihatan di tempat kerja berdasarkan perkembangan teknologi dan pembangunan negara. Usaha proaktif dan penambahbaikan berterusan perlu diambil oleh pihak Kementerian bagi memastikan objektif untuk mengurangkan kes kemalangan di tempat kerja. Maka atas sebab itu, Kementerian melihat keperluan untuk JKKP dan NIOSH memainkan peranan masing-masing dengan lebih fokus dan khusus berdasarkan prinsip *Check and Balance*, bagi menambah keyakinan rakyat ke atas kualiti penyampaian perkhidmatan kerajaan kepada rakyat.

### **NO SOALAN: 3**

4. Pengasingan bidang kuasa JKPP di tempat kerja dan NIOSH di aspek latihan akan akhirnya dapat meningkatkan kecekapan kerajaan dan seterusnya memudah cara keperluan industri. Pihak Kementerian akan membentangkan cadangan melibatkan akta latihan keselamatan dan kesihatan pekerjaan (KKP) ini untuk persetujuan Jemaah Menteri sebelum di bawa ke Parlimen.

**NO SOALAN: 4**

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN NEGARA  
MESYUARAT KEDUA 2019, PENGGAL KEDUA,  
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

**PERTANYAAN : LISAN  
DARIPADA : YB PUAN HAJAH RAHEMAH BINTI IDRIS  
TARIKH : 25 JULAI 2019**

**Puan Hajah Rahemah Binti Idris** minta **PERDANA MENTERI** menyatakan audit yang dibuat oleh firma luar PWC menunjukkan Tabung Haji mengalami defisit RM4.1 Bilion pada tahun 2017. Apakah tindakan yang di ambil kepada firma audit sebelum itu yang melaporkan Tabung Haji memperoleh keuntungan dan juga Ketua Audit Negara yang telah meluluskan akaun Tabung Haji untuk tahun 2017 dengan tidak ada sebarang defisit.

## NO SOALAN: 4

### JAWAPAN

Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, auditan oleh Jabatan Audit Negara selesai pada 16 Julai 2018, manakala hibah bagi tahun 2017 diumumkan lebih awal oleh Lembaga Tabung Haji (**TH**) iaitu pada 7 Februari 2018. Pengisytiharan hibah oleh **TH** dalam bulan Februari 2018 adalah tidak tertakluk kepada selesainya auditan oleh Jabatan Audit Negara.

Penyata Kewangan **TH** bagi tahun berakhir 31 Disember 2017 yang telah diaudit Jabatan Audit Negara jelas menunjukkan bahawa jumlah aset pada tarikh penyata kewangan adalah sebanyak RM70.3 bilion manakala jumlah liabiliti dan kumpulan wang simpanan pendeposit (termasuk hibah bagi tahun 2017) adalah sebanyak RM74.4 bilion, menjadikan jumlah defisit yang dinyatakan dalam Penyata Kewangan yang telah diaudit sebanyak RM4.1 bilion pada 31 Disember 2017.

Jabatan Audit Negara juga melalui Laporan Ketua Audit Negara bertarikh 16 Julai 2018 telah menegur **TH** melalui dua (2) *Emphasis of Matter* seperti berikut:

1. Polisi rosot nilai yang tidak konsisten; dan
2. Kegagalan membuat peruntukan rosot nilai yang secukupnya dalam Penyata Untung & Rugi

## NO SOALAN: 4

Kaedah penetapan polisi rosot nilai aset kewangan **TH** tidak konsisten terutamanya pada tahun kewangan berakhir 31 Disember 2017 di mana polisi ini telah diubah sebanyak dua (2) kali. Perubahan polisi rosot nilai ini telah diguna pakai untuk membolehkan **TH** mengagihkan hibah yang tinggi untuk tahun 2017.

Lanjutan dari teguran dari Jabatan Audit Negara tersebut, **TH** telah mengambil khidmat nasihat tetuan PriceWaterhouseCoopers (PwC) bagi membuat penilaian (*financial review*) terhadap kedudukan kewangan **TH** bagi tahun berakhir pada 31 Disember 2017 (yang telah diaudit). Menurut penilaian kedudukan kewangan oleh PwC, **TH** yang merekodkan defisit sebanyak RM4.1 bilion adalah tidak berkeupayaan untuk mengagihkan hibah bagi tahun kewangan berakhir 31 Disember 2017 sebagaimana dikehendaki oleh Akta Tabung Haji 1995.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, tiada firma audit luar yang membuat auditan ke atas penyata kewangan **TH** sebelum ini. Laporan Polis DiRaja Malaysia (PDRM) berkaitan manipulasi perakaunan ini telah dibuat pada 16 Januari 2019. Kes ini masih dalam siasatan dan menunggu tindakan pihak berkuasa seterusnya tindakan sewajarnya mengikut lunas undang-undang akan diambil terhadap mereka yang didapati bersalah setelah hasil siasatan diperoleh kelak.

Sekian. Terima kasih.

**NO SOALAN: 5**

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN NEGARA  
MESYUARAT KEDUA 2019, PENGGAL KEDUA,  
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

**PERTANYAAN : LISAN  
DARIPADA : YB DATO' ONG CHONG SWEN  
TARIKH : 25 JULAI 2019**

**Dato' Ong Chong Swen** minta **MENTERI TENAGA, SAINS, TEKNOLOGI, ALAM SEKITAR DAN PERUBAHAN IKLIM** menyatakan :-

- (a) apakah keputusan dan laporan terkini mengenai punca pencemaran udara di Pasir Gudang yang telah berlaku untuk kali kedua; dan
- (b) apakah tindakan yang akan diambil ke atas kilang yang menjadi punca pencemaran di sekitar Pasir Gudang. Apakah juga tindakan yang akan diambil kepada Pegawai atau Menteri yang masih gagal mengenal pasti punca dan pencemar yang harus bertanggungjawab dalam insiden ini.

**JAWAPAN**

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat,

- (a) Sehingga kini, hasil siasatan mendapati tiada punca spesifik telah dikenalpasti menyebabkan masalah gangguan kesihatan di Pasir Gudang. Siasatan awal Jabatan Alam Sekitar (JAS) juga mengesahkan bahawa tiada sebarang kejadian pembuangan atau pelupusan haram buangan terjadual dikesan. Walau bagaimanapun, usaha-usaha bagi menyiasat punca-punca kejadian ini terus giat dilaksanakan dan skop serta bilangan pemeriksaan premis telah dipertingkatkan.
- (b) Sejak insiden berlaku pada 20 Jun 2019 sehingga 12 Julai 2019, sebanyak **255 premis industri telah diperiksa dimana 136 kompaun telah dikeluarkan dan 11 premis telah diberi penahanan operasi. Manakala sebanyak 3 syor tindakan mahkamah telah dikeluarkan.** MESTECC dengan kerjasama pelbagai jabatan dan agensi terus giat melaksanakan usaha-usaha bagi mengenal pasti punca masalah ini. Selain itu, pengawasan kualiti udara akan dipantau secara berterusan bagi memastikan tindakan awal dapat diambil sekiranya berlakunya sebarang insiden pencemaran gas toksik.

Sekian, terima kasih.

**NO SOALAN: 6**

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN NEGARA  
MESYUARAT KEDUA 2019, PENGGAL KEDUA,  
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

**PERTANYAAN : LISAN**  
**DARIPADA : YB PUAN ASMAK BINTI HUSIN**  
**TARIKH : 25 JULAI 2019**

**Puan Asmak Binti Husin** minta **MENTERI KESIHATAN** menyatakan langkah Kerajaan untuk mengawal persepsi kesihatan yang boleh mengancam kesihatan awam seperti perkhidmatan doula dan golongan anti vaksin.

**JAWAPAN**

**Yang di-Pertua,**

Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) menyedari perlunya mengawal persepsi kesihatan yang boleh mengancam kesihatan awam seperti wujudnya kelompok ibubapa yang menolak vaksin untuk diberi kepada bayi dan anak-anak mereka dengan alasan-alasan tertentu.

Untuk mengekang persepsi kesihatan yang negatif ini, KKM sentiasa proaktif mengadakan pendidikan kesihatan dengan menganjurkan kempen-kempen serta menerbitkan bahan-bahan pendidikan dan advokasi yang mengandungi informasi sesuai untuk orang awam mahupun anggota kesihatan. Maklumat yang jelas juga diberikan menerusi media konvensional seperti dalam bual bicara di TV dan radio contohnya untuk memberi kesedaran kepada ibu-ibu mengenai kelahiran selamat. KKM turut mengoptimalkan penggunaan media sosial dengan menyebarkan fakta terutamanya berkaitan vaksin dan imunisasi memandangkan kebanyakan mereka yang menolak vaksin adalah dalam kalangan warga yang *IT savvy*.

KKM memberi penekanan yang utama kepada kelahiran selamat yang disambut oleh anggota terlatih dan bertauliah dalam bidang kebidanan. Ini adalah untuk memastikan ibu bersalin tanpa komplikasi serta melahirkan bayi yang sihat. Bagi ibu yang berhasrat untuk bersalin di rumah, perlu memenuhi kriteria yang ditetapkan dalam Garis Panduan Pengurusan Ibu Hamil. Perbincangan juga perlu diadakan diantara anggota kesihatan (Pakar Obsetrik / Pakar Perubatan Keluarga / Pegawai Perubatan / anggota

## NO SOALAN: 6

jururawat yang mengendalikan ibu hamil bersama pasangan mengenai perancangan tempat bersalin.

Oleh itu, sebarang aktiviti oleh mana-mana pihak yang mempromosi serta mempengaruhi masyarakat dan mengakibatkan kepada kelahiran yang tidak selamat adalah bertentangan dengan pendirian KKM. Kumpulan *doula* atau bidan tanpa pengiktirafan adalah bukan jururawat kebidanan kerana mereka tidak berdaftar dibawah Akta Bidan 1966 (Akta 436).

Penyebaran pendirian dan dakyah golongan yang menolak vaksin dengan mengaitkan fakta-fakta yang salah berkaitan vaksin dan program imunisasi adalah satu fenomena yang tidak sihat kerana ianya menurunkan peratus penerimaan imunisasi seterusnya mendedahkan kepada penularan penyakit cegahan vaksin.

Untuk mengawal persepsi negatif ibubapa terhadap imunisasi dan vaksin, KKM telah mengadakan usaha meningkatkan kesedaran kebaikan vaksin dengan menggunakan pelbagai pendekatan antaranya:

1. Mengadakan kolaborasi dengan agensi berkaitan seperti JAKIM dan Pejabat Mufti untuk membetulkan pandangan masyarakat terutama tentang hukum dan fatwa berkaitan imunisasi yang mana topik berkaitan imunisasi dan vaksin adalah antara tajuk di dalam khutbah jumaat dan program Halal TV.

## **NO SOALAN: 6**

2. Bekerjasama dengan NGO seperti Malaysian Paediatrics Association (MPA), Immunise4Life dan *Medical Mythbusters Malaysia (M3)* dalam mempromosikan dan memberi maklumat tepat mengenai imunisasi kepada orang awam.
  
3. Mewujudkan kumpulan pengawasan isu di Unit Komunikasi Korporat (UKK) di KKM yang bertindak untuk menjawab dan memberi respon di media sosial bagi memperbetulkan persepsi masyarakat berkaitan imunisasi dan vaksinasi.

Sekian, terima kasih.

**NO SOALAN: 7**

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN NEGARA  
MESYUARAT KEDUA 2019, PENGGAL KEDUA,  
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

**PERTANYAAN : LISAN  
DARIPADA : YB DATUK THEODORE DOUGLAS LIND  
TARIKH : 25 JULAI 2019**

**Datuk Theodore Douglas Lind** minta **PERDANA MENTERI** menyatakan apakah tindakan yang telah dan akan ambil oleh Kerajaan untuk menjamin kebebasan dan kecekapan SPRM.

**JAWAPAN**

Yang di-Pertua,

Untuk makluman Yang Berhormat, sejak penubuhannya pada tahun 2009, SPRM sebagai agensi utama membanteras rasuah di negara ini telah mengambil langkah berani 'membenarkan' lima badan pengawasan bebas memantau dan menasihatinya. Lima badan yang dimaksudkan ialah Jawatankuasa Khas Mengenai Rasuah, Lembaga Penasihat Pencegahan Rasuah, Jawatankuasa Aduan, Panel Penilaian Operasi dan Panel Perundingan dan Pencegahan Rasuah. Dalam usaha memastikan kebebasan, ketelusan dan profesionalisme SPRM, badan-badan bebas ini bertindak sebagai mekanisme semak dan imbang. Selain ahli politik, ahli badan bebas juga terdiri dalam kalangan profesional, ahli akademik, bekas hakim, peguam dan individu yang terkenal dikalangan masyarakat

Dalam usaha untuk terus menjamin kebebasan dan kecekapan SPRM, beberapa inisiatif akan dilaksanakan untuk memperkasa SPRM selaras dengan tanda aras antarabangsa bagi memastikan inisiatif di peringkat domestik bergerak seiring dengan kehendak global. Antara inisiatif-inisiatif tersebut ialah:

- 1) Diwujudkan suatu Suruhanjaya Perkhidmatan Pencegahan Rasuah (SPPR) di bawah Perlembagaan Persekutuan dengan bidang kuasa pelantikan, pengesahan jawatan, kenaikan pangkat, pertukaran, kawalan tatatertib dan penamatan perkhidmatan pegawai SPRM;

## NO SOALAN: 7

- 2) Pindaan seksyen 20 ASPRM 2009 – bagi menambahbaik peruntukan berhubung kesalahan rasuah dalam perolehan Kerajaan.
- 3) Pindaan seksyen 3 – meluaskan tafsiran suapan. Tafsiran tersebut hendaklah termasuk juga suapan dalam bentuk apa-apa faedah yang lain (*pecuniary or other advantage*)
- 4) Pindaan seksyen 3 – pindaan tafsiran badan awam supaya merangkumi organisasi-organisasi lain yang boleh disifatkan sebagai “badan awam” disisi undang-undang.

Selain itu, peruntukan baharu lain juga turut dicadangkan bagi mengukuhkan lagi kapasiti kuasa SPRM untuk menyiasat kesalahan - kesalahan rasuah contohnya kewajipan mengisytiharkan pemilikan benefisiari (*beneficial ownership*).

Sekian, terima kasih.

**NO SOALAN: 8**

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN NEGARA  
MESYUARAT KEDUA 2019, PENGGAL KEDUA,  
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

**PERTANYAAN : LISAN**  
**DARIPADA : YB TUAN KAMARUDIN BIN ABDUN**  
**TARIKH : 25 JULAI 2019**

**Tuan Kamarudin bin Abdun** minta **MENTERI HAL EHWAL EKONOMI** menyatakan kedudukan ekonomi semasa negara dan sejauh mana kewujudan Majlis Tindakan Ekonomi (MTE) mampu membangunkan ekonomi negara. Adakah Menteri bercadang untuk membantu negeri Perlis khususnya dalam membangunkan ekonomi di masa hadapan yang jauh ketinggalan di belakang berbanding negeri-negeri lain.

**JAWAPAN**

Tuan Yang di-Pertua,

1. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, keluaran dalam negeri kasar (KDNK) Malaysia berkembang pada kadar 4.7% pada tahun 2018 dan menyederhana sedikit kepada 4.5% pada suku pertama 2019. Kadar pertumbuhan ini masih dalam lingkungan sasaran yang ditetapkan bagi tahun 2019, iaitu antara 4.3% hingga 4.8%. Penyederhanaan ini terutamanya disebabkan oleh ketegangan perdagangan antara Amerika Syarikat dan China, jangkaan pertumbuhan beberapa negara Asia termasuk China yang agak perlahan serta ketidaktentuan dasar monetari negara maju.
2. Pertumbuhan pada suku pertama 2019 telah didorong oleh aktiviti ekonomi domestik, terutamanya perbelanjaan penggunaan swasta yang meningkat sebanyak 7.6% ekoran pasaran buruh dan kadar upah yang kekal stabil. Kadar pengangguran terus berada pada tahap guna tenaga penuh, iaitu 3.3% pada suku pertama 2019. Kedudukan inflasi juga terus terkawal, iaitu pada kadar -0.3%.
3. Selain itu, berdasarkan pelaburan swasta yang telah diluluskan oleh MIDA bagi suku pertama tahun 2019, terdapat peningkatan sebanyak 3.1% kepada RM53.9 bilion berbanding suku yang sama tahun sebelumnya (RM52.3 bilion). Pertumbuhan ini dipacu oleh peningkatan yang ketara dalam sektor pembuatan sebanyak 126.8% kepada RM25.4 bilion daripada RM11.2 bilion. Perkembangan ini menggambarkan potensi pertumbuhan ekonomi pada masa hadapan.

## NO SOALAN: 8

4. Dari segi pengeluaran pula, pertumbuhan dipacu oleh peningkatan dalam sektor perkhidmatan dan pembuatan yang berkembang masing-masing sebanyak 6.4% dan 4.2%. Sementara itu, pertumbuhan sektor pertanian kembali positif pada kadar 5.6% setelah mengalami penguncupan pada suku keempat 2018. Walau bagaimanapun, sektor perlombongan (iaitu minyak dan gas) telah menguncup sebanyak 2.1%.

5. Walaupun ekonomi menunjukkan prestasi yang baik, namun Kerajaan sedar bahawa terdapat isu-isu sosioekonomi yang memberi tekanan kepada rakyat, termasuklah isu-isu berkaitan kos sara hidup, pengangguran dalam kalangan belia, kemiskinan dan pemilikan rumah. Bagi menangani isu-isu tersebut, Kerajaan telah menubuhkan Majlis Tindakan Ekonomi (*Economic Action Council* -EAC) pada 11 Februari 2019 yang dipengerusikan oleh YAB Perdana Menteri.

6. Matlamat utama EAC adalah untuk merancang dan merangsang pertumbuhan ekonomi, memastikan pengagihan kekayaan yang saksama dan seterusnya meningkatkan kesejahteraan rakyat. Selain itu, EAC bersifat *action-oriented* untuk menyahut dan bertindak dengan pantas ke atas maklum balas rakyat terhadap masalah yang mereka hadapi, khususnya yang berkaitan dengan hal ekonomi.

7. Antara langkah yang telah diputuskan oleh EAC bagi pelaksanaan segera untuk merencanakan pertumbuhan ekonomi negara adalah seperti berikut:

## NO SOALAN: 8

- (i) Mengurangkan kos menjalankan perniagaan dan merencanakan pelaburan swasta khususnya dalam industri pembinaan. Dalam hubungan ini, EAC memutuskan supaya tempoh proses urusan mendapatkan permit pembinaan dipendekkan dari 390 hari kepada 90 hari; dan
- (ii) Memacu agenda produktiviti negara secara menyeluruh dalam usaha meningkatkan daya saing Malaysia. EAC telah bersetuju supaya Majlis Produktiviti Negara (NPC) diaktifkan semula. Ini adalah selari dengan Blueprint Produktiviti Malaysia (MPB).

8. Perlis merupakan salah satu daripada enam negeri yang diberikan tumpuan dalam Kajian Separuh Penggal Rancangan Malaysia Kesebelas (KSP RMKe-11) melalui pengagihan peruntukan yang lebih baik.

9. Pelbagai usaha telah dilakukan oleh Kerajaan untuk memastikan pembangunan yang seimbang antara wilayah. Ini bagi membolehkan pengagihan manfaat sosioekonomi yang lebih baik untuk memastikan pertumbuhan saksama demi meningkatkan kesejahteraan rakyat.

10. Antara projek fizikal berimpak tinggi yang telah diluluskan dalam RMKe-11 di negeri Perlis adalah Perlis Inland Port (PIP) dan Kawasan Industri Lembah Chuping (CVIA) kini sedang dalam peringkat perancangan dan pelaksanaan kerja-kerja awalan. Projek CVIA, apabila siap dilaksana, dijangka akan mewujudkan sebanyak 12,674 peluang pekerjaan, manakala projek PIP sebanyak 4,056 peluang pekerjaan.

## **NO SOALAN: 8**

11. Kerajaan juga memberi penekanan kepada pembangunan modal insan bagi menyokong perkembangan industri di negeri Perlis. Dalam hal ini, Kerajaan telah meluluskan satu projek baharu tahun 2019 iaitu penubuhan Universiti Kuala Lumpur Asia Sustainable Transportation Institute di negeri Perlis dengan kos projek sebanyak RM196.9 juta. Projek di bawah seliaan Kementerian Pembangunan Luar Bandar ini merangkumi pusat pendidikan dan penyelidikan, hub logistik dan business park. Ianya akan dibangunkan di Chuping dan bakal menyokong pembangunan modal insan berkepakaran dalam bidang logistik.

12. Pada masa yang sama, peruntukan sebanyak RM239.5 juta juga turut disediakan kepada Universiti Malaysia Perlis (UniMAP) bagi pembinaan beberapa Pusat Pengajian termasuklah dalam bidang Kejuruteraan Bahan, Kejuruteraan Sistem Elektrik dan Kejuruteraan Mikroelektronik, di samping penyediaan beberapa kemudahan lain seperti makmal, bangunan pentadbiran, pusat kesihatan serta pembelian perolehan peralatan. Daripada jumlah peruntukan ini, sebanyak RM52.1 juta atau 21.75% adalah projek baharu tahun 2019. Usaha ini dilihat dapat membantu universiti tersebut menyediakan fasiliti dan kemudahan mengajar yang diperlukan dalam melahirkan tenaga kerja mahir yang akan menyumbang kepada pembangunan industri, khususnya di negeri Perlis.

13. Selain itu, Kerajaan juga menyediakan peruntukan sebanyak RM1.7 juta kepada Institut Latihan Perindustrian (ILP) Kangar bagi tujuan perolehan peralatan latihan untuk keperluan Revolusi Industri 4.0 dan Pelan Transformasi bagi institut latihan tersebut. Peruntukan ini bakal membantu

## **NO SOALAN: 8**

negeri Perlis bersedia mengharungi perubahan seiring dengan transformasi digital untuk maju dan berdaya saing.

14. Dalam aspek sosial pula, Kerajaan telah meluluskan pelbagai projek di Perlis di bawah RMKe-11 termasuk perumahan dan kesihatan dengan peruntukan sebanyak RM37.4 juta.

15. Di samping itu, pelbagai program pertanian bagi membantu pembangunan sektor pertanian juga telah diluluskan di negeri Perlis berjumlah RM80 juta.

16. Secara keseluruhannya, Kerajaan amat komited untuk memastikan pertumbuhan yang lebih seimbang antara negeri termasuklah Perlis. Ini adalah selaras dengan Gagasan Kemakmuran Bersama yang diumumkan oleh YAB Perdana Menteri.

Sekian, terima kasih.

**NO SOALAN: 9**

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN NEGARA  
MESYUARAT KEDUA 2019, PENGGAL KEDUA,  
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

**PERTANYAAN : LISAN**  
**DARIPADA : YB DATUK ABDUL GHANI BIN**  
**MOHAMED YASSIN**  
**TARIKH : 25 JULAI 2019**

**Datuk Abdul Ghani Bin Mohamed Yassin** minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan penerangan berkenaan jumlah pengangguran graduan yang semakin meningkat setiap tahun akibat bilangan tawaran kerja di pasaran adalah lebih rendah berbanding jumlah bilangan graduan yang dikeluarkan oleh universiti-universiti di seluruh Malaysia. Adakah pernah dilaksanakan kajian pasaran untuk memadankan graduan dengan pihak industri.

**JAWAPAN**

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, berdasarkan Kajian Pengesanan Graduan yang dijalankan oleh Kementerian Pendidikan Malaysia pada tahun 2018 seramai 57,411 orang (19.8%) graduan belum bekerja. Kadar ini telah menurun berbanding tahun 2017 yang menunjukkan seramai 53,373 orang (20.9%) dan pada tahun 2016 seramai 54,103 orang (22.7%).

Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) melalui Unit Kebolehpasaran Graduan melaksanakan Program Intervensi *Graduate Employability* (GE) yang melibatkan penawaran kerja di industri selepas pelajar menamatkan pengajian. Melalui program ini, jurang ketidakpadanan keperluan industri terhadap graduan bagi membolehkan diterima bekerja dapat dikurangkan dengan melibatkan industri secara langsung didalam pelaksanaan program. Sehingga bulan Jun 2019, sebanyak 19 program telah diluluskan untuk pelaksanaan melibatkan IPTA yang mempunyai kadar kebolehpasaran graduan yang rendah dan lima program di peringkat nasional yang melibatkan semua IPTA. Secara keseluruhan, pelaksanaan program ini akan memberi impak kepada 22,339 orang graduan.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Kementerian Hal Ehwal Ekonomi juga telah melaksanakan kajian mengenai penawaran program TVET dan permintaan modal insan TVET bermula tahun 2014. Kajian ini meliputi semua institusi TVET awam yang dikendalikan oleh Kementerian-

## NO SOALAN: 9

Kementerian berkaitan termasuk Kementerian Sumber Manusia dan Kementerian Belia dan Sukan. Dalam kajian ini juga program yang mempunyai pasaran pekerjaan yang tinggi telah dikenal pasti. Berdasarkan maklumat kajian tersebut, politeknik telah melaksanakan beberapa usaha bagi memastikan semua program yang ditawarkan menepati kehendak industri. Langkah-langkah yang dilaksanakan melibatkan:

1. *Eliminate and Relocate* : Penjumudan beberapa program tertentu di politeknik dan memindahkannya ke politeknik lain yang mempunyai permintaan pekerjaan lebih tinggi;
2. *Reduce* : Pengurangan pengambilan pelajar beberapa program tertentu yang tidak mempunyai permintaan pekerjaan yang tinggi;
3. *Raise* : Peningkatan pengambilan pelajar, keupayaan tenaga pengajar dan penglibatan industri dalam beberapa program pengajian; dan
4. *Create* : Penambahan program baharu dan pengambilan pensyarah yang mempunyai pengalaman bekerja dari industri.

Sekian, terima kasih.

**NO SOALAN: 10**

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN NEGARA  
MESYUARAT KEDUA 2019, PENGGAL KEDUA,  
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

**PERTANYAAN : LISAN  
DARIPADA : YB DATUK NG CHIANG CHIN  
TARIKH : 25 JULAI 2019**

**Datuk Ng Chiang Chin** minta **MENTERI SUMBER MANUSIA** menyatakan adakah Kerajaan akan memperbaiki undang-undang buruh dan memperbaharui pasaran buruh, berikutan hasil kajian yang mencadangkan pekerja di Malaysia tidak mendapat bayaran gaji setimpal untuk kerja yang dilakukan.

**JAWAPAN**

Tuan Yang di-Pertua,

1. Kerajaan melalui Kementerian Sumber Manusia sentiasa memastikan agar setiap pindaan yang dibuat ke atas undang-undang buruh di negara ini meletakkan kebajikan rakyat sebagai aspek utama yang perlu diberi perhatian.
2. Dalam usaha untuk memperbaharui pasaran buruh dan amalan-amalan pekerjaan, KSM sedang menambah baik standard minimum pekerjaan di bawah Akta Kerja 1955, selaras dengan standard perburuhan di peringkat antarabangsa. Ini termasuklah memperkenalkan peruntukan mengenai pelaksanaan waktu kerja yang lebih fleksibel, menetapkan tempoh waktu bekerja mingguan yang lebih baik dan meluaskan skop liputan Akta ini kepada semua pekerja.
3. Selain itu, berhubung dengan hasil kajian yang mencadangkan pekerja Malaysia tidak dibayar gaji yang setimpal, Kerajaan telah melaksanakan gaji minimum seragam seluruh negara pada kadar RM1,100 sebulan melalui Perintah Gaji Minimum (Pindaan) 2018 (PGM) di bawah Akta Majlis Perundingan Gaji Negara 2011 (Akta 732). Kadar tersebut adalah terpakai kepada seluruh pekerja sektor swasta yang bertujuan untuk memastikan rakyat mendapat hak yang sama rata dari aspek gaji tanpa mengira wilayah mahupun industri, malah ia telah memberi jaminan gaji minimum kepada pekerja kategori '*elementary*'.

## NO SOALAN: 10

4. Konsep dasar gaji minimum sedia ada adalah bertujuan untuk menetapkan gaji lantai (*floor wages*) atau gaji pokok sahaja. Bagaimanapun, pihak majikan dan pekerja boleh berunding untuk menentukan tangga gaji yang lebih tinggi berbanding dengan gaji minimum, setimpal dengan kelayakan dan kemahiran.

5. Sebagai panduan, Kementerian Sumber Manusia telah menerbitkan Panduan Gaji Permulaan 160 Pekerjaan Terpilih Berasaskan Kemahiran (Panduan Gaji). Intipati utama pengenalan panduan gaji adalah untuk mengiktiraf graduan lepasan institusi latihan kemahiran/universiti dan seterusnya meningkatkan penyertaan tenaga mahir dalam pasaran buruh negara. Kewujudannya tidak bersifat mandatori dan hanyalah sebagai panduan bagi majikan menetapkan gaji permulaan bagi sesuatu pekerjaan berasaskan kemahiran.

6. Kerajaan juga telah mengambil inisiatif dengan memperkenalkan Indeks Gaji Kebangsaan [*National Wage Index (NWI)*] yang akan digunakan sebagai penanda aras gaji terhadap trend pasaran buruh. NWI akan membolehkan Kerajaan menilai perubahan gaji dalam pasaran buruh di mana maklumat tersebut boleh dijadikan sebagai asas pertimbangan dalam penetapan gaji, kajian semula kadar gaji minimum dan dasar perburuhan di Malaysia.

7. Kesimpulannya dasar gaji minimum hanya merupakan salah satu dasar Kerajaan dan bukan satu-satunya dasar yang bertujuan membantu rakyat untuk meningkatkan pendapatan serta menampung keperluan asas. Dasar ini perlu juga dibantu oleh dasar-dasar Kerajaan yang lain bagi memastikan negara ini kekal produktif, berdaya saing dan perkembangan

## **NO SOALAN: 10**

ekonomi yang mampan disamping rakyat memperoleh pendapatan yang munasabah.

**NO SOALAN: 11**

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN NEGARA  
MESYUARAT KEDUA 2019, PENGGAL KEDUA,  
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

**PERTANYAAN : LISAN  
DARIPADA : YB TUAN ADRIAN BANIE LASIMBANG  
TARIKH : 25 JULAI 2019**

**Tuan Adrian Banie Lasimbang** minta **MENTERI PENGANGKUTAN** menyatakan adakah rancangan Kerajaan untuk memperkenalkan sistem Bas Rapid atau sistem alternatif seperti Autonomous Rail-Bus Rapid Transit untuk memperbaiki sistem pengangkutan awam di Kota Kinabalu.

**JAWAPAN**

Yang di-Pertua,

1. Untuk makluman Yang Berhormat, salah satu agensi yang diselia oleh Kementerian Pengangkutan yang bertanggungjawab terhadap pengangkutan awam di Sabah ialah LPKP dan LPKP berperanan mengenai pelesenan dan pengawalseliaan kenderaan perdagangan iaitu kenderaan barangan (Pembawa A dan C) dan kenderaan perkhidmatan awam (Bas dan Teksi) dan perkara-perkara yang berkaitan dengannya di Negeri Sabah dan W.P. Labuan seperti yang diperuntukkan di bawah Akta LPKP 1987 (Akta 334).
2. Dalam memastikan pembangunan perkhidmatan pengangkutan awam di Sabah setanding dengan yang dinikmati di semenanjung, LPKP Sabah sedang merangka untuk membuat kajian berhubung penambahbaikan sistem Bas Berhenti-Henti di Sabah khususnya di Bandaraya Kota Kinabalu. Perbincangan bersama pihak-pihak yang berkaitan sedang dijalankan untuk mendapatkan maklumbalas dan bantuan kepakaran dalam melaksanakan kajian tersebut.
3. LPKP Sabah juga mengambil maklum bahawa Kerajaan Negeri melalui Dewan Bandaraya Kota Kinabalu, Jabatan Kerja Raya Negeri Sabah dan Unit Perancang Ekonomi Negeri Sabah juga ada mengadakan kajian untuk memperkenalkan sistem Bas Rapid Transit (BRT) di Kota Kinabalu. LPKP Sabah bersedia untuk bekerjasama dengan Kerajaan Negeri dalam perkara-perkara berkaitan pelesenan sekiranya peruntukan kewangan untuk projek BRT di Negeri ini telah diluluskan oleh Kerajaan Pusat.

**NO SOALAN: 11**

Sekian, terima kasih.

**NO SOALAN: 12**

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN NEGARA  
MESYUARAT KEDUA 2019, PENGGAL KEDUA,  
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

**PERTANYAAN : LISAN  
DARIPADA : YB DATUK MOHAN A/L THANGARASU  
TARIKH : 25 JULAI 2019**

**Datuk Mohan a/l Thangarasu** minta **MENTERI WILAYAH PERSEKUTUAN** menyatakan status projek mega "Penang South Reclamation" yang dirancang untuk dilaksanakan oleh Kerajaan Negeri Pulau Pinang.

**JAWAPAN**

**Tuan Yang di-Pertua,**

Untuk makluman Yang Berhormat Senator, Kementerian Wilayah Persekutuan (KWP) melalui PLANMalaysia selaku Urusetia Mesyuarat Majlis Perancang Fizikal Negara (MPFN) telah menerima permohonan dari Kerajaan Negeri Pulau Pinang berkenaan Cadangan Pembangunan *Penang South Reclamation* (PSR).

Mesyuarat MPFN Ke-31 (Bil.1/2019) yang telah bersidang pada 18 April 2019 telah memberi nasihat ke atas projek tersebut. Pada mesyuarat berkenaan, wakil daripada pihak NGO *Penang Forum* juga telah diberi peluang untuk memberi pandangan mengenai Cadangan Pembangunan PSR dan Draf Rancangan Struktur Negeri Pulau Pinang 2030.

MPFN memandang serius terhadap pembangunan tebus guna secara besar-besaran ini yang berkeluasan 1,821.09 hektar (4,500 ekar) dengan pelbagai isu yang perlu diberi perhatian oleh Kerajaan Negeri. **MPFN tidak membuat sebarang kelulusan atau persetujuan ke atas projek tersebut tetapi telah menasihati Kerajaan Negeri** beserta dengan ulasan dan nasihat-nasihat tambahan yang telah dikemukakan oleh beberapa Kementerian yang menyentuh pelbagai aspek.

## NO SOALAN: 12

**Kerajaan Negeri juga telah dinasihatkan untuk terus mengadakan rundingan bersama masyarakat setempat dan rakyat yang akan terkesan** daripada pembangunan ini dan memastikan keperluan-keperluan mereka diberi perhatian sewajarnya.

**Tuan Yang di-Pertua,**

Laporan Penilaian Impak Sosial (SIA) bagi cadangan pembangunan ini **telah diluluskan dengan beberapa pindaan** pada 17 Mei 2019. Laporan mengenai pindaan-pindaan tersebut masih belum dikemukakan semula kepada Panel Penilai SIA. Laporan Penilaian Kesan Kepada Alam Sekeliling (EIA) Terperinci bagi cadangan ini telah diluluskan oleh Jabatan Alam Sekitar pada 28 Jun 2019 dengan beberapa syarat untuk dipatuhi.

**Status terkini projek ini adalah dalam tindakan pemohon (Kerajaan Negeri)** untuk membuat pindaan berdasarkan kepada nasihat-nasihat MPFN dan syarat-syarat SIA serta EIA sebelum dikemukakan kepada Pihak Berkuasa Perancangan Tempatan (PBPT).

**NO SOALAN: 13**

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN NEGARA  
MESYUARAT KEDUA 2019, PENGGAL KEDUA,  
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

**PERTANYAAN : LISAN**  
**DARIPADA : YB PROF EMERITUS TAN SRI DATO'**  
**SERI DR. IBRAHIM SHAH BIN ABU SHAH**  
**TARIKH : 25 JULAI 2019**

**Prof Emeritus Tan Sri Dato' Seri Dr. Ibrahim Shah Bin Abu Shah** minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan apakah usaha yang diambil oleh pihak Kementerian untuk membantu mereka yang ingin menyambung pendidikan ke peringkat PhD. Adakah MyBrain akan diwujudkan semula.

**JAWAPAN**

Tuan Yang di-Pertua,

Pada masa ini Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) ada menawarkan tajaan Biasiswa **Program MyBrainSc** merangkumi peringkat pengajian dari Ijazah Pertama ke peringkat Ph.D. Tajaan MyBrainSc adalah hanya merangkumi bidang Sains Tulen sahaja iaitu empat (4) bidang: Matematik, Fizik, Kimia dan Biologi dan Kementerian tidak merancang untuk memperluaskan ke bidang-bidang yang lain. Biasiswa MyBrainSc ini diperkenalkan pada tahun 2012 bertujuan untuk melahirkan pemenang Anugerah Nobel Laureate pertama dari Malaysia di dalam bidang penyelidikan.

Walau bagaimanapun tawaran baru Program MyBrain15 pada masa ini terpaksa ditangguhkan akibat kekangan kewangan negara. Namun demikian, Kementerian masih meneruskan pembiayaan baki 1,606 orang pelajar di bawah program MyBrain15 yang masih dalam tempoh penajaan sehingga tahun 2023.

Selain itu, Kementerian masih meneruskan pemberian *Fundamental Research Grant Scheme (FRGS)* kepada Universiti Awam (UA) di Malaysia yang dilihat mampu melahirkan pemegang Ph.D melalui pengajian peringkat pasca-siswazah yang lebih bersasar samada berfokus terhadap skop penyelidikan yang dilaksanakan oleh pihak UA mahupun pelajar yang lebih bertanggung jawab dalam menamatkan pengajian dengan kualiti akademik yang cemerlang mengikut tempoh masa yang ditetapkan (*Graduate on*

## **NO SOALAN: 13**

*Time*) melalui seliaan ketat penyelia kajian yang juga merupakan pensyarah mereka di UA berkaitan.

Sekian, terima kasih.

**NO SOALAN: 14**

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN NEGARA  
MESYUARAT KEDUA 2019, PENGGAL KEDUA,  
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

**PERTANYAAN : LISAN  
DARIPADA : YB DATUK IR. YONG WUI CHUNG  
TARIKH : 25 JULAI 2019**

**Datuk Ir. Yong Wui Chung** minta **MENTERI PERUMAHAN DAN KERAJAAN TEMPATAN** menyatakan usaha-usaha Kementerian dalam memperluaskan Skim Sewa Milik (Rent to Own) di seluruh negara khususnya di Sabah dan kawasan yang telah dikenal pasti bagi tujuan tersebut.

**JAWAPAN**

Yang di-Pertua,

1. Untuk makluman Yang Berhormat, Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan (KPKT) telah melaksanakan Skim Sewa Untuk Dimiliki atau *Rent To Own* (RTO) untuk Program Perumahan Rakyat (PPR). Skim RTO berkonsepkan pembiayaan mudah yang ditawarkan kepada pemohon atau bakal pembeli yang gagal mendapatkan pembiayaan daripada mana-mana institusi kewangan.
2. Skim RTO mula diperkenalkan sejak tahun 2017 di PPR Gua Musang (1,000 unit) berikutan majoriti pemohon pinjaman perumahan secara konvensional telah ditolak atas sebab tidak memenuhi kelayakan yang ditetapkan oleh pihak bank dan institusi kewangan.
3. Berikutan daripada sambutan yang menggalakkan, tindakan proaktif telah diambil oleh Kerajaan melalui KPKT dengan memperluaskan Skim RTO ini kepada projek-projek lain seperti PPR Taman Danau, Kg Hassan, Selangor (300 unit), PPR Taman Siliau Jaya, Negeri Sembilan (150 unit), PPR Lembah Subang 2, Selangor (842 unit), PPR Sri Aman Kepong, Kuala Lumpur (190 unit), PPR Sentul Murni, Kuala Lumpur (500 unit) dan PPR Kota Baharu, Kelantan (1,000 unit).
4. Sehingga 30 Jun 2019 KPKT telah menyiapkan sebanyak 30 projek PPR yang merangkumi 20,799 unit rumah di negeri Sabah. Kementerian juga telah menerima permohonan daripada Kerajaan

## **NO SOALAN: 14**

Negeri Sabah untuk melaksanakan Skim RTO di negeri berkenaan dan secara dasarnya KPKT tiada halangan terhadap permohonan ini. Namun begitu, terdapat beberapa perkara perundangan perlu diperhalusi terlebih dahulu sebelum keputusan muktamad dapat dibuat.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN NEGARA  
MESYUARAT KEDUA 2019, PENGGAL KEDUA,  
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

**PERTANYAAN : LISAN  
DARIPADA : YB TUAN NGA HOCK CHEH  
TARIKH : 25 JULAI 2019**

**Tuan Nga Hock Cheh** minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan :-

- (a) sama ada terma rujukan (Term(s) of Reference) telah diberi kepada pasukan petugas yang ditubuhkan untuk menyiasat kehilangan (enforced disappearances) Pastor Raymond Koh dan Amri Che Mat. Sekiranya jawapannya adalah ya, sila nyatakan terma rujukan (Term(s) of Reference) yang ditetapkan; dan
- (b) sama ada komposisi pasukan petugas tersebut akan dikaji semula untuk mempertahankan semangat Perintah mengikut undang-undang (to uphold the spirit of Rule of Law) untuk tidak memasukkan mana-mana ahli yang terlibat dengan dan/atau bertindak bagi pihak Polis Diraja Malaysia(PDRM) di Siasatan Suhakam (Suhakam Inquiry) mengenai kehilangan Pastor Raymond Koh and Amri Che Mat.

**JAWAPAN**

Tuan Yang Di-pertua,

Pasukan Petugas Khas (PPK) untuk menyiasat Laporan Pendengaran Awam SUHAKAM berhubung kes kehilangan Pastor Raymond Koh dan Amri bin Che Mat telah ditubuhkan pada 26 Jun 2019 dengan Terma Rujukan (*term of reference*) yang telah dipersetujui oleh Kerajaan. Walau bagaimanapun, terma rujukan tersebut tidak boleh didedahkan kepada umum kerana ia merupakan salah satu dokumen sulit yang tertakluk kepada Akta Rahsia Rasmi 1972. Justeru, pelaporan oleh PPK ini hanya akan dibentangkan kepada Jemaah Menteri setelah selesainya siasatan dalam masa enam (6) bulan yang telah diumumkan.

Kementerian Dalam Negeri juga telah meminda komposisi keahlian PPK setelah mengambil kira pandangan awam. Seorang ahli PPK, bekas Ketua Bahagian Perundangan, Polis Diraja Malaysia (PDRM) telah menarik diri secara sukarela dari menganggotai PPK ini. Keputusan tersebut dibuat atas rasa tanggungjawab beliau untuk memelihara integriti dan ketelusan PPK ekoran tindakan pihak tertentu yang mempersoalkan kesesuaian keanggotaan beliau dalam pasukan tersebut.

Susulan dari penarikan diri beliau, KDN telah melantik seorang pengganti dari Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia dan menambah seorang lagi ahli ke dalam PPK iaitu seorang pengamal bebas undang-undang yang mempunyai pengalaman yang luas. Pertambahan ahli baharu ini menjadikan komposisi PPK terkini adalah seramai tujuh (7) orang. Dengan pelantikan

## **NO SOALAN: 17**

dua (2) orang ahli baharu ini, diharapkan PPK ini dapat melaksanakan tugas yang diamanahkan dengan cekap, beramanah dan berintegriti tanpa menimbulkan apa-apa prejudis atau syak wasangka daripada mana-mana pihak

Walau bagaimanapun, keahlian seorang pegawai kanan dari Jabatan Integriti dan Pematuhan Standard (JIPS), PDRM adalah penting bagi melicinkan perjalanan PPK ini. Ini kerana, Pegawai JIPS ini mempunyai kuasa di bawah undang-undang untuk memanggil mana-mana anggota polis tampil untuk memberi keterangan kepada PPK yang telah ditubuhkan.

**NO SOALAN: 16**

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN NEGARA  
MESYUARAT KEDUA 2019, PENGGAL KEDUA,  
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

**PERTANYAAN : LISAN  
DARIPADA : YB TUAN AKNAN EHTOOK  
TARIKH : 25 JULAI 2019**

**Tuan Aknan Ehtook** minta **MENTERI PERTANIAN DAN INDUSTRI ASAS TANI** menyatakan berapakah keluasan tanaman mangga harum manis mengikut negeri di seluruh negara. Apakah tindakan Kementerian bagi memastikan penanam mangga harum manis mendapat harga yang berpatutan dan pengguna pula mendapat mangga harum manis yang berkualiti.

**JAWAPAN**

Tuan Yang di-Pertua,

1. Jumlah keseluruhan **keluasan mangga harumanis di Malaysia yang direkodkan adalah seluas 1,326.11 ha dan daripada jumlah tersebut Perlis merupakan negeri utama penanaman mangga harumanis dengan keluasan 1,254.11 hektar**. Ini disebabkan faktor kesesuaian tanah, cuaca dan persekitaran yang kondusif berbanding negeri-negeri lain.
2. Mangga harumanis juga turut ditanam di negeri lain iaitu di **Kubang Pasu dan Padang Terap, Kedah dengan keluasan 72 hektar**. Ini adalah kerana kedudukannya yang bersempadan dengan negeri Perlis dan mempunyai ciri-ciri iklim yang hampir sama. Selain daripada negeri Kedah dan Perlis, mangga harumanis juga ada ditanam di negeri-negeri lain dalam keluasan dan kuantiti yang sangat kecil dan tidak menghasilkan tekstur dan rasa yang sama seperti mangga harumanis Perlis kerana perbezaan cuaca dan kesesuaian tanah.
3. Bagi memastikan penanam mangga harumanis mendapat harga yang berpatutan Kementerian melalui FAMA telah melaksanakan **strategi pemasaran** seperti berikut :
  - i. **Belian dan Jualan terus oleh Pusat Operasi FAMA**

Penjualan secara terus oleh penanam ke Pusat Operasi FAMA yang terdapat di seluruh negara. Pihak FAMA akan menawarkan harga

## NO SOALAN: 16

kepada penanam yang berdaftar di bawah kontrak pemasaran mengikut harga pasaran dan disokong oleh harga lantai sekiranya harga pasaran semasa lebih rendah daripada harga dipersetujui dalam kontrak. Melalui kaedah ini, pasaran dan harga mangga harumanis adalah lebih terjamin.

Bagi musim pengeluaran pada tahun 2019, FAMA telah membantu seramai 182 penanam bagi mendapatkan harga yang berpatutan

### ii. **Jualan Terus dari Ladang**

Pihak FAMA juga menggalakkan penyertaan penanam mangga harumanis menjual hasil mereka di Program Jualan Terus Dari Ladang (JTDL). Pada tahun 2019, FAMA telah mengatur sebanyak 109 lokasi Jualan Terus Dari Ladang (JTDL) dan melibatkan penyertaan seramai 23 orang penanam mangga harumanis dengan nilai jualan terkumpul berjumlah RM1.1 juta.

### iii. **Jualan secara online**

Menggalakkan penanam untuk memasarkan mangga harumanis secara atas talian samada menggunakan platform Agrobazaar Online atau media sosial yang lain. Seramai, 50 orang penanam telah berdaftar dan membuat jualan di Portal Agrobazaar Online di bawah seliaan pihak FAMA.

### iv. **Pembangunan Produk Hiliran Harumanis**

Melalui inisiatif ini masalah lambakan buah yang tidak berkualiti dan tidak diterima pasaran secara segar dapat diatasi dengan

## **NO SOALAN: 16**

penghasilan produk hiliran harumanis seperti kordial, dadih, susu, aiskrim, jem, halwa, pau dan coklat dan seterusnya dapat meningkatkan kembali nilai komersial mangga harumanis.

4. Bagi memastikan buah harumanis yang dihasilkan berkualiti dan selamat, pihak FAMA turut menyediakan garis panduan berkaitan kaedah penggredan, pembungkusan dan pelabelan supaya penanam mematuhi panduan tersebut agar kualiti buah terjamin.
5. Selain itu, Jabatan Pertanian juga telah mensijilkan seluas 86.14ha ladang dengan pensijilan myGAP bagi menjaga kualiti pengeluaran buah. Usaha-usaha pembangunan dan pensijilan ini diharap dapat membantu petani mendapatkan harga jualan pada nilai yang berpatutan dan pengguna mendapat kualiti buah setimpal dengan harga yang dibayar.

Sekian, terima kasih.

**NO SOALAN: 17**

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN NEGARA  
MESYUARAT KEDUA 2019, PENGGAL KEDUA,  
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

**PERTANYAAN : LISAN  
DARIPADA : YB TUAN MANOLAN BIN MOHAMAD  
TARIKH : 25 JULAI 2019**

**Tuan Manolan bin Mohamad** minta **MENTERI KOMUNIKASI DAN MULTIMEDIA** menyatakan apakah langkah-langkah yang diambil untuk meningkatkan liputan jalur lebar di kawasan pedalaman khususnya di sekolah-sekolah dan di perkampungan Orang Asli.

**JAWAPAN**

Tuan Yang di-Pertua,

1. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat Senator, sehingga kini pihak Kerajaan sentiasa melaksanakan pelbagai inisiatif untuk meningkatkan liputan telekomunikasi di kawasan luar bandar termasuklah di kawasan perkampungan Orang Asli.
2. Sehingga kini, pihak Kerajaan telah membina sebanyak 92 menara komunikasi baharu yang beroperasi di sekitar kawasan perkampungan Orang Asli di seluruh negara.
3. Selain itu, tambahan 6 menara masih dalam peringkat pelaksanaan yang dijangka siap sepenuhnya pada suku keempat 2019 yang terletak di sekitar perkampungan Orang Asli.
4. Pihak Kerajaan juga telah merangka Pelan Gentian Optik dan Kesalinghubungan Negara (atau National Fiberisation and Connectivity Plan, ("NFCP")) bagi menambahbaik dan meningkatkan liputan jalur lebar seluruh negara bagi tempoh pelaksanaan selama 5 tahun (2019-2023). Antara sasaran yang telah ditetapkan di bawah NFCP adalah 98% kawasan berpenduduk di Malaysia akan mendapat kelajuan purata 30Mbps menjelang tahun 2023 dengan menggunakan teknologi yang bersesuaian di seluruh negara.

## **NO SOALAN: 17**

Proses penambahbaikan kualiti perkhidmatan komunikasi di kawasan luar bandar termasuklah perkampungan Orang Asli adalah proses yang berterusan dari semasa ke semasa.

**NO SOALAN: 18**

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN NEGARA  
MESYUARAT KEDUA 2019, PENGGAL KEDUA,  
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

**PERTANYAAN : LISAN  
DARIPADA : YB DATUK LIM PAY HEN  
TARIKH : 25 JULAI 2019**

**Datuk Lim Pay Hen** minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan :-

- (a) jumlah subsidi yang diberi untuk minyak petrol RON95 mengikut mingguan untuk 3 bulan yang lepas dan adakah harga diesel tinggi juga disebabkan oleh penambahan minyak bio-diesel; dan
- (b) adakah mekanisme penetapan harga petrol di pam akan dikekalkan.

**JAWAPAN**

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, jumlah subsidi bagi produk petrol RON95 yang ditanggung oleh Kerajaan bagi tempoh 3 bulan yang lepas iaitu mulai Mac 2019 sehingga Mei 2019 adalah sebanyak RM1.114 bilion. Jumlah pecahan subsidi mengikut bulan masing-masing adalah sebanyak RM246.58 juta bagi bulan Mac 2019, RM476.43 juta bagi bulan April 2019 dan RM390.68 juta bagi bulan Mei 2019. Sungguhpun harga runcit produk petroleum ditetapkan secara mingguan, namun bayaran subsidi kepada syarikat minyak dibuat secara bulanan berdasarkan tuntutan yang dikemukakan pada setiap bulan. Tanggungan subsidi bagi bulan Jun 2019 belum dapat dikenalpasti memandangkan tuntutan subsidi daripada syarikat minyak hanya akan diperolehi pada penghujung bulan Julai 2019. Walau bagaimanapun, anggaran subsidi yang perlu ditanggung oleh Kerajaan setiap minggu ada dinyatakan dalam Siaran Media Harga Runcit Produk Petroleum yang dikeluarkan oleh Kementerian Kewangan pada setiap hari Jumaat.

Bagi produk diesel, Kerajaan telah membuat keputusan pada 27 Februari 2019 untuk mengekalkan harga runcit diesel pada paras RM2.18 seliter sehingga kini. Harga yang dikekalkan ini adalah di bawah paras harga pasaran sebenar diesel di mana sebarang kenaikan harga pasaran akan ditampung melalui pemberian subsidi. Bagi tempoh yang sama iaitu Mac 2019 sehingga Mei 2019, jumlah tanggungan subsidi produk diesel adalah sebanyak RM546.50 juta. Peningkatan harga diesel dipengaruhi oleh harga

## **NO SOALAN: 18**

minyak mentah Brent yang kini dalam trend kenaikan serta faktor nilai matawang Ringgit berbanding US Dollar. Pelaksanaan program bio-diesel (B10) pada masa ini tidak memberi kesan yang ketara ke atas tanggungan subsidi Kerajaan memandangkan harga minyak sawit adalah pada paras yang rendah. Namun kesan subsidi akan lebih ketara apabila harga diesel dan harga minyak sawit mentah di pasaran dunia meningkat.

Berhubung dengan penetapan harga petrol di pam, mekanisme penetapan harga runcit produk petroleum melalui kaedah apungan terkawal (managed float) dengan menggunakan formula Automatic Pricing Mechanism (APM) masih lagi dikekalkan sehingga kini. Di bawah formula APM, kos produk petroleum yang telah diproses (refined petroleum product) mengikut harga sebenar pasaran dunia dan kadar tukaran wang asing berbanding Ringgit Malaysia merupakan dua komponen utama yang akan menentukan harga runcit produk petroleum setiap minggu.

Sungguhpun begitu, Kerajaan telah membuat keputusan untuk mengekalkan harga runcit produk petrol RON95 dan diesel masing-masing pada paras RM2.08 seliter dan RM2.18 seliter. Langkah ini adalah selaras dengan keputusan Kerajaan untuk menstabilkan harga runcit produk petroleum dan mengurangkan kos sara hidup rakyat. Pengekalan harga ini adalah sehingga program pemberian subsidi secara bersasar bagi produk petrol RON95 dilaksanakan kelak. Harga runcit petrol RON95 akan diapungkan semula secara managed float berdasarkan APM sebagaimana petrol RON97 yang telahpun diapungkan mengikut trend harga minyak mentah dunia memandangkan ia adalah produk premium yang tidak diberi subsidi.

**NO SOALAN: 19**

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN NEGARA  
MESYUARAT KEDUA 2019, PENGGAL KEDUA,  
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

**PERTANYAAN : LISAN  
DARIPADA : YB TUAN ALAN LING SIE KIONG  
TARIKH : 25 JULAI 2019**

**Tuan Alan Ling Sie Kiong** minta **MENTERI BELIA DAN SUKAN** menyatakan bolehkah Kementerian menerangkan lebih lanjut mengenai program Malaysia Future Leader School (MFLS) yang dilancarkan baru-baru ini supaya lebih ramai pelajar mengetahui dan dapat menyertai program tersebut.

**JAWAPAN**

Tuan Yang di-Pertua,

1. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Program Sekolah Kepimpinan Masa Depan Malaysia (*Malaysia Future Leaders School* (MFLS)) merupakan program yang dihasratkan oleh kerajaan bagi membentuk jati diri belia yang lebih berkualiti di masa hadapan. Proses pemilihan peserta MFLS pada tahun ini dibuat melalui saringan yang dijalankan bersama di antara empat (4) agensi yang terlibat iaitu Kementerian Belia dan Sukan (KBS), Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM), Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM) dan Majlis Amanah Rakyat (MARA). Seterusnya mulai tahun 2020, peserta yang berminat untuk hadir secara sukarela, boleh mengemukakan permohonan untuk menyertai program ini.
2. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Program MFLS telah bermula pada 1 April 2019. Sehingga kini, sebanyak 4 kohort Program MFLS telah dilaksanakan melibatkan seramai 5,940 orang peserta. Program ini mensasarkan penyertaan seramai 35,000 orang pada tahun 2019 yang terdiri daripada pelajar sekolah menengah yang berumur di antara 15 hingga 17 tahun seluruh Malaysia. Ianya dilaksanakan sebanyak 15 kohort di 16 Kem Wawasan Negara/ pusat latihan terlibat di seluruh negara.
3. Bagi memperkenalkan program ini, Kementerian Belia dan Sukan (KBS) telah mempromosikannya melalui taklimat kepada agensi yang berkolaborasi menjayakan program ini. Antaranya ialah Kementerian

## **NO SOALAN: 19**

Pendidikan Malaysia (KPM), Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM) dan Maktab Rendah Sains Mara (MRSM).

4. Promosi juga dilakukan melalui Portal MFLS, media sosial, Slot Temubual Promosi di media perdana, Pra-pelancaran Program MFLS, Pelancaran MFLS dan Kapsul MFLS.

Sekian, terima kasih.

**NO SOALAN: 20**

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN NEGARA  
MESYUARAT KEDUA 2019, PENGGAL KEDUA,  
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

**PERTANYAAN : LISAN  
DARIPADA : YB TUAN KHAIRUL AZWAN HARUN  
TARIKH : 25 JULAI 2019**

**Tuan Khairul Azwan Harun** minta **PERDANA MENTERI** menyatakan adakah Kerajaan mempunyai rancangan untuk menubuhkan kerangka perundangan atau pentadbiran bagi menangani isu pelarian masuk ke dalam negara.

**JAWAPAN**

Tuan Yang di-Pertua,

1. “Pelarian” seperti yang ditafsirkan di dalam Konvensyen Mengenai Status Pelarian 1951 ialah migran asing yang berada di dalam mana-mana negara atas sebab mempunyai ketakutan yang jelas ke atas keselamatan dirinya dan/atau berkemungkinan berlaku penganiayaan disebabkan latar belakang bangsa, etnik, agama, kewarganegaraan, keahlian kumpulan sosial tertentu, dan pendapat politik yang berbeza, yang mana pada pertimbangan dirinya bahawa beliau tidak akan mendapat perlindungan yang adil di negara asalnya atau telah diberikan status pemohon suaka atau pelarian oleh PBB melalui Pesuruhjaya Tinggi Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu untuk Pelarian (UNHCR).
2. Namun demikian, Kerajaan tidak mengiktiraf status “pelarian” oleh pemegang Kad UNHCR memandangkan Malaysia Bukan Negara Ahli kepada Konvensyen Mengenai Status Pelarian 1951 atau Protokol 1967. Walau bagaimanapun, atas dasar kemanusiaan, Kerajaan membenarkan “pelarian” yang memegang Kad UNHCR untuk tinggal sementara di negara ini, sehingga mereka ditempatkan ke negara ketiga ataupun pulang secara sukarela ke negara asal. Dasar Negara mengenai perkara ini adalah menggunakan asas “satu kes ke satu kes” (*case-to-case basis*).

## **NO SOALAN: 20**

3. Pada ketika ini Arahan Majlis Keselamatan Negara No. 23: Mekanisme Pengurusan PATI Pemegang Kad UNHCR (2009) merupakan satu-satunya mekanisme secara pentadbiran mengenai pengurusan pelarian di dalam negara. Namun, berikutan peningkatan ketara jumlah pemegang Kad UNHCR dan proses penghantaran pulang ke negara asal atau penempatan ke negara ke-tiga yang dilaksanakan oleh pihak UNHCR amatlah perlahan, Kerajaan sedang menyemak semula, menambahbaik serta memperkemaskan dasar dan mekanisme pengurusan ke atas pemegang Kad UNHCR dengan penglibatan kementerian, jabatan, agensi Kerajaan, pihak UNHCR dan pertubuhan bukan kerajaan. Ini bagi memastikan dasar dan mekanisme pengurusan pemegang Kad UNHCR tersebut dapat menjamin keselamatan dan kedaulatan negara.

Sekian, terima kasih.

**NO SOALAN: 21**

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN NEGARA  
MESYUARAT KEDUA 2019, PENGGAL KEDUA,  
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

**PERTANYAAN : LISAN  
DARIPADA : YB TUAN IR. MD. NASIR BIN HASHIM  
TARIKH : 25 JULAI 2019**

**Tuan Ir. Md. Nasir bin Hashim** minta **MENTERI PERTANIAN DAN INDUSTRI ASAS TANI** menyatakan rancangan dan inisiatif pertanian bagi menjadikan negara ini berkeupayaan untuk mengeluarkan dan membekalkan makanan kepada rakyatnya sendiri.

**JAWAPAN****Tuan Yang di-Pertua,**

Tidak keterlaluan untuk menyatakan bahawa sektor agromakanan negara telah berjaya membekalkan sebahagian besar keperluan makanan penduduk. Tahap Sara Diri (*Self Sufficiency Level – SSL*) bagi komoditi daging ayam / itik dan telur ayam / itik telah melebihi 100%. Walau bagaimanapun, prestasi SSL terkini beberapa komoditi agromakanan yang lain adalah tidak mencapai 100% seperti berikut:

<b>Komoditi agromakanan</b>	<b>Kadar SSL (%)</b>
<b>Tanaman</b>	
Beras (IPB)	69.5
Sayur-sayuran	46.6
Buah-buahan	77.5
<b>Ternakan</b>	
Daging Lembu/Kerbau	22.2
Susu Segar (Liter)	58.3
<b>Ikan Makanan</b>	92.8

Pada tahun 2018, negara mengimport sejumlah RM50.1 bilion makanan berbanding export sebanyak RM31.5 bilion menjadikan defisit Imbangan Dagangan bernilai RM18.6 bilion. Perangkaan ini sebenarnya menunjukkan peningkatan sebanyak RM0.9 bilion berbanding tahun 2017, sebahagiannya disumbangkan oleh usaha-usaha Kerajaan bagi meningkatkan SSL.

## **NO SOALAN: 21**

Antara rancangan dan inisiatif Pertanian bagi menjadikan negara ini berkeupayaan untuk mengeluarkan dan membekalkan makanan kepada rakyatnya sendiri adalah seperti berikut:

- i. Melaksanakan pembangunan empat Kawasan Pembangunan Pertanian Bersepadu (IADA) iaitu Pekan dan Rompin di Pahang, Batang Lupar di Sarawak dan Kota Belud di Sabah sebagai jelapang padi negara yang baharu. Dengan pembukaan empat kawasan baharu ini beserta inisiatif-inisiatif lain seperti penggunaan variety padi sah baharu yang berhasil tinggi dan rintang penyakit, hasil pengeluaran padi negara dijangka akan meningkat sehingga ke Tahap Sara Diri (SSL) sebanyak 75 peratus pada tahun 2020 dan seterusnya mengurangkan kebergantungan kepada import beras;
- ii. Meningkatkan pengeluaran dalam sektor perikanan menerusi pengukuhan pengurusan perikanan tangkapan, mentransformasi infrastruktur dan prasarana pendaratan ikan, menguatkuasakan Pemantauan, Kawalan dan Pengawasan (MCS) dan memperkaas industri akuakultur; dan
- iii. Meningkatkan pengeluaran sayur-sayuran menerusi pelbagai inisiatif penanaman seperti peluasan tanaman dalam Taman Kekal Pengeluaran Makanan (TKPM), penggunaan teknologi Pertanian moden dan sebagainya.

## NO SOALAN: 21

- iv. Meningkatkan populasi ternakan ruminan melalui pelaksanaan Projek Ladang Satelit dan Taman Kekal Pengeluaran Ruminan. Kerajaan juga sedang melaksanakan sebanyak lima Lembah Tenusu dengan mensasarkan tambahan susu segar sebanyak 20 juta liter dalam tempoh lima tahun; dan
- v. Melaksanakan pelbagai projek agromakanan yang mempunyai potensi pertumbuhan tinggi seperti akuakultur, rumpai laut dan sarang burung walit, mempergiatkan Program Agropreneur Muda dan membangunkan industri jagung bijian bagi menangani kebergantungan import bahan makanan untuk ternakan.

Sebahagian daripada bahan makanan masih tetap perlu diimport bagi memenuhi permintaan sebagai bahan mentah untuk industri pembuatan yang mempunyai kualiti dan spesifikasi yang berbeza. Sebahagian lagi adalah bahan makanan yang tidak ekonomik dan sesuai untuk dihasilkan dalam negara seperti buah-buahan dan sayur-sayuran *temperate* dan tropika, gandum, gula dan sediaan gula.

Sekian, terima kasih.

**NO SOALAN: 22**

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN NEGARA  
MESYUARAT KEDUA 2019, PENGGAL KEDUA,  
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

**PERTANYAAN : LISAN  
DARIPADA : YB PUAN RAJ MUNNI BINTI SABU  
TARIKH : 25 JULAI 2019**

**Puan Raj Munni binti Sabu** minta **PERDANA MENTERI** menyatakan status pembinaan laluan pejalan kaki berbumbung yang menghubungkan Kompleks Kastam, Imigresen dan Kuarantin (CIQ), Johor Bahru ke laluan pejalan kaki di sebelah Singapura yang dianggarkan menelan kos sebanyak RM15 juta.

**JAWAPAN**

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, pada masa ini tiada laluan pejalan kaki di bahagian sempadan Malaysia mahupun Singapura di atas Tambak Johor. Sebarang cadangan pembinaan laluan pejalan kaki akan memerlukan penelitian serta penilaian secara menyeluruh oleh pelbagai Jabatan/Agensi di bawah Kerajaan Persekutuan sebelum sebarang keputusan boleh dimuktamadkan.

Sekian, terima kasih.

**NO SOALAN: 23**

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN NEGARA  
MESYUARAT KEDUA 2019, PENGGAL KEDUA,  
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

**PERTANYAAN : LISAN**  
**DARIPADA : YB PUAN ASMAK BINTI HUSIN**  
**TARIKH : 25 JULAI 2019**

**Puan Asmak Binti Husin** minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan adakah Kerajaan berhasrat meminda Bahagian I, Jadual Kesepuluh, Perlembagaan Persekutuan bagi meningkatkan pemberian ikut kepala sesuai dengan keperluan semasa kepada negeri-negeri.

**JAWAPAN**

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Pemberian Mengikut Kepala (*Capitation Grant*) berdasarkan kepada peruntukan Perkara 109(1)(a) dan Bahagian I, Jadual Kesepuluh, Perlembagaan Persekutuan. Pemberian ini dikira berdasarkan Akta 622 yang berkuat kuasa mulai pada 1 Januari 2002 seperti berikut:

100,000 orang yang pertama	-	RM72.00	seorang
500,000 orang berikutnya	-	RM10.20	seorang
500,000 orang berikutnya	-	RM10.80	seorang
Baki selebihnya	-	RM11.40	seorang

Setiap tahun, Kementerian Kewangan akan mengguna pakai data bilangan penduduk yang dikeluarkan oleh Jabatan Perangkaan Malaysia bagi pengiraan pemberian ini. Penyaluran pemberian akan dibuat 2 kali setahun iaitu pada bulan Januari dan Julai.

Buat masa kini, Kerajaan Persekutuan belum bercadang untuk mengkaji kadar Pemberian Mengikut Kepala.

**NO SOALAN: 24**

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN NEGARA  
MESYUARAT KEDUA 2019, PENGGAL KEDUA,  
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

**PERTANYAAN : LISAN**  
**DARIPADA : YB DATUK HAJI ABIDULLAH BIN**  
**SALLEH**  
**TARIKH : 25 JULAI 2019**

**Datuk Haji Abidullah Bin Salleh** minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan jumlah terkini permohonan warganegara Malaysia dari orang asing sama ada penduduk tetap atau warganegara dan berapakah bilangan yang telah berjaya diproses dan telah mendapat status warganegara Malaysia sepenuhnya.

**JAWAPAN**

Yang di-Pertua,

Berdasarkan rekod dari tahun 2015 sehingga 2018, Jabatan Pendaftaran Negara (JPN) telah menerima sebanyak 28,481 permohonan kewarganegaraan daripada warga asing. Dalam tempoh yang sama, terdapat seramai 14,110 orang pemohon telah dianugerahkan kewarganegaraan Malaysia.

**NO SOALAN: 25**

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN NEGARA  
MESYUARAT KEDUA 2019, PENGGAL KEDUA,  
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

**PERTANYAAN : LISAN**  
**DARIPADA : YB LAKSAMANA PERTAMA (B) HAJI**  
**MOHAMAD IMRAN BIN ABD HAMID**  
**TARIKH : 25 JULAI 2019**

**Laksamana Pertama (B) Haji Mohamad Imran bin Abd Hamid** minta **MENTERI PERTANIAN DAN INDUSTRI ASAS TANI** menyatakan bagaimanakah Kerajaan bertindak untuk mencegah penyelewengan subsidi padi seperti yang di laporkan dalam akhbar dalam usaha membantu meningkatkan taraf hidup petani dengan kadar segera.

**JAWAPAN**

**Tuan Yang di-Pertua,**

Kerajaan memandang serius isu penyelewengan subsidi padi khususnya baja subsidi walaupun insiden yang berlaku masih terkawal. Untuk tujuan itu, sepanjang tahun 2018, Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani dengan kerjasama Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna (KPDNHEP), Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM), serta jabatan dan agensi di bawah Kementerian telah menjalankan enam operasi Ops Tabur yang menemukan baja bersubsidi berada di premis yang tidak dibenarkan. Berdasarkan rekod, Kementerian telah menyerahkan perkara ini untuk tindakan undang-undang lanjut oleh KPDNHEP dan SPRM. Kementerian melalui PPK sentiasa mengambil langkah-langkah pengawalan bagi mencegah berlakunya penyelewengan dan ketirisan sepanjang aktiviti pengedaran dilaksanakan. Agensi di bawah Kementerian iaitu Lembaga Pertubuhan Peladang telah dilantik sebagai penyelia pelaksanaan Skim Bantuan Kerajaan kepada Industri Padi bagi pembekalan Skim Baja Padi Kerajaan Persekutuan (SBPKP) dan Skim Insentif Pengeluaran Padi (SIPP) kepada pesawah.

Sebanyak 198 Pertubuhan Peladang Kawasan (PPK) memainkan peranan mendaftarkan pesawah-pesawah dan melaksanakan pengedaran input pertanian seperti diperlukan. Kementerian melalui Lembaga Pertubuhan Peladang (LPP) juga telah membangunkan suatu Manual Pelaksanaan Skim Baja Padi Kerajaan Persekutuan (SBPKP) yang menggariskan secara terperinci berhubung kaedah pengendalian baja SBPKP termasuk

## **NO SOALAN: 25**

pendaftaran pesawah yang layak, keperluan baja, kaedah terimaan, pengedaran, dan pelupusan, serta kawalan baja. Selain daripada mengawasi kaedah pengagihan, Kerajaan juga sedang giat melakukan usaha pemutihan pesawah bagi memastikan hanya golongan sasaran yang sebenar layak menerima subsidi berkenaan selain pengagihan juga adalah berdasarkan keperluan sebenar penanaman yang diusahakan.

Sekian, terima kasih.

**NO SOALAN: 26**

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN NEGARA  
MESYUARAT KEDUA 2019, PENGGAL KEDUA,  
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

**PERTANYAAN : LISAN**  
**DARIPADA : YB. DATO' SRI KHAIRUDIN SAMAD**  
**TARIKH : 25 JULAI 2019**

**Dato' Sri Khairudin Samad** minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan apakah rancangan-rancangan yang dibuat oleh Kerajaan bagi menangani potensi ketirisan di bawah cukai SST.

**JAWAPAN**

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, memandangkan cukai jualan dan cukai perkhidmatan merupakan sistem cukai kepenggunaan seperingkat, masalah ketirisan kutipan hasil boleh berlaku sekiranya tidak ditangani dengan efektif dan efisien berikutan aktiviti pindahan harga (*transfer pricing*) dan kegiatan ekonomi yang tidak sah. Sehubungan itu, Kerajaan telah mengambil beberapa langkah bagi menangani potensi ketirisan di bawah cukai jualan dan cukai perkhidmatan, antaranya ialah:

- i. Perkongsian maklumat secara berterusan antara Jabatan Kastam Diraja Malaysia (JKDM), Lembaga Hasil Dalam Negeri dan Suruhanjaya Syarikat Malaysia;
- ii. Penilaian risiko serta auditan yang lebih efisien oleh JKDM melalui pangkalan data yang dibangunkan semasa era GST;
- iii. Memantap dan menambah baik pelaksanaan cukai jualan dan cukai perkhidmatan di bawah model baharu berbanding sistem percukaian cukai jualan dan cukai perkhidmatan terdahulu. Ini termasuk penggunaan sistem atas talian (*online*) yang lebih mesra perniagaan dan kurang birokrasi berbanding proses manual yang diguna pakai semasa era sistem cukai jualan dan cukai perkhidmatan terdahulu; dan

**NO SOALAN: 26**

- iv. Pelaksanaan Program *Inform Compliance* (IC) ke atas pengilang dan penyedia perkhidmatan berdaftar yang berisiko secara berkala oleh JKDM berdasarkan indikator-indikator yang telah ditetapkan.

**NO SOALAN: 27**

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN NEGARA  
MESYUARAT KEDUA 2019, PENGGAL KEDUA,  
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

**PERTANYAAN : LISAN**  
**DARIPADA : YB. TUAN SURESH SINGH A/L**  
**RASHPAL SINGH**  
**TARIKH : 25 JULAI 2019**

**Tuan Suresh Singh a/l Rashpal Singh** minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan jumlah graduan dari maktab dan universiti swasta dari bidang perguruan, farmasi serta kedokteran yang masih menunggu untuk ditempatkan. Apakah langkah-langkah yang diambil untuk mempercepatkan proses penempatan mereka.

**JAWAPAN**

Tuan Yang di-Pertua,

Urusan pengambilan guru adalah dilaksanakan oleh Suruhanjaya Perkhidmatan Pelajaran (SPP) selaku Pihak Berkuasa Melantik (PBM). Keutamaan pengambilan adalah daripada graduan Ijazah Sarjana Muda Pendidikan (ISMP) keluaran Institut Pendidikan Guru Malaysia (IPGM) dan universiti awam yang memenuhi syarat kelayakan yang ditetapkan oleh SPP.

Bagi urusan pengisian yang berikutnya, terdapat seramai 2,253 graduan IPGM yang telah bergraduasi pada Jun 2019 sedang ditemuduga oleh SPP mulai 2 Julai 2019. Bagi Graduan Ijazah Sarjana Muda Pendidikan (ISMP) keluaran universiti awam, temu duga akan dijalankan pada bulan Ogos 2019.

Bilangan kemasukan, enrolmen dan graduan bagi bidang Perguruan, Farmasi dan Kedokteran bagi Tahun 2018 ialah masing-masing seramai 21,455 orang , 5,128 orang dan 7,022 orang.

Sehingga Jun 2019, 22 buah IPTS yang menawarkan bidang pengajian Perguruan, 20 IPTS menawarkan bidang Farmasi dan 13 IPTS menjalankan program Kedokteran.

## **NO SOALAN: 27**

Sebagai makluman Ahli Yang Berhormat, sehingga 23 Julai 2019, seramai 2,487 orang graduan perubatan dan 128 orang graduan farmasi yang masih belum mendapat tempat untuk menjalani latihan siswazah dan khidmat wajib. Antara langkah-langkah yang dilaksanakan oleh Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) bagi penempatan graduan tersebut adalah seperti berikut:

### **Graduan Perubatan**

Sepertimana Yang Berhormat sedia maklum, graduan perubatan yang ingin mengamal di Malaysia adalah tertakluk kepada Akta Perubatan 1971 yang mana mereka perlu menjalani latihan siswazah. Bagi mempercepatkan penempatan graduan perubatan untuk menjalani latihan siswazah, Kementerian telah melaksanakan beberapa inisiatif seperti berikut:

1. melantik dan menempatkan Pegawai Perubatan Siswazah ke Hospital latihan Siswazah (HLS) setiap 2 bulan iaitu dalam 6 kali setahun.
2. pemilihan penempatan untuk latihan siswazah dibuat sendiri oleh graduan perubatan secara atas talian melalui sistem *e-houseman*;
3. melanjutkan pelaksanaan moratorium bagi Penawaran Kursus Baru Bidang Perubatan di Institut Pengajian Tinggi (IPT) dalam negara selama 5 tahun sehingga 2021; dan

## **NO SOALAN: 27**

4. meningkatkan bilangan hospital baru yang memenuhi syarat akreditasi untuk dijadikan sebagai Hospital Latihan Siswazah. Buat masa ini terdapat sebanyak 46 buah Hospital Latihan Siswazah dengan jumlah slot latihan sebanyak 12,033. Sebanyak 8 buah hospital sedia ada sedang diteliti untuk dikitiraf sebagai Hospital Latihan Siswazah dalam tempoh 2 tahun (2020-2021).

### **Graduan Farmasi**

Bagi graduan farmasi pula, langkah yang telah dilaksanakan oleh Kerajaan adalah seperti berikut:

1. memperluaskan premis latihan siswazah di KKM. Sehingga Julai 2019 terdapat 130 hospital dan 155 klinik kesihatan (jumlah : 285) telah dijadikan sebagai premis latihan; dan
2. melaksanakan pendekatan liberalisasi yang mana graduan farmasi tidak lagi terikat untuk berkhidmat dengan Kerajaan bagi menjalani latihan siswazah atau khidmat wajib. Berdasarkan pendekatan tersebut, graduan farmasi dibenarkan untuk memohon pekerjaan dengan sektor swasta (premis-premis yang diiktiraf oleh Lembaga Farmasi Malaysia) bagi maksud memenuhi keperluan Akta Pendaftaran Ahli Farmasi 1951. Sehingga Julai 2019, sebanyak 693 premis latihan siswazah secara liberalisasi telah didaftarkan merangkumi Komuniti Farmasi (600), hospital swasta (37), industri mengilang (25), industri tidak mengilang (22) serta pusat kajian dan pembangunan di universiti (9).

**NO SOALAN: 27**

Sekian, terima kasih.

**NO SOALAN: 28**

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN NEGARA  
MESYUARAT KEDUA 2019, PENGGAL KEDUA,  
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

**PERTANYAAN : LISAN**  
**DARIPADA : YB. DATUK MUSTAPA KAMAL BIN**  
**MOHD YUSOFF**  
**TARIKH : 25 JULAI 2019**

**Datuk Mustapa Kamal Bin Mohd Yusoff** minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan berapakah jumlah kemalangan dan kematian akibat kemalangan jalan raya yang direkodkan sepanjang Ops Selamat sewaktu musim Aidilfitri yang lalu serta apakah faktor utama yang dikenal pasti menjadi punca kemalangan.

**JAWAPAN**

Tuan Yang di-Pertua,

Op Selamat 15/19 yang bermula pada 29 Mei hingga 12 Jun 2019 telah mencatatkan jumlah kemalangan sebanyak 24,461 kes dan telah merekodkan sebanyak 249 kematian.

Punca utama kemalangan jalan raya adalah disebabkan oleh faktor kemanusiaan yang gagal dan cuai semasa mengendalikan kenderaan. Antara faktor-faktor lain yang dikenal pasti menjadi penyumbang kepada berlakunya kemalangan adalah seperti berikut:

- i. Cuai ketika melintas jalan (pejalan kaki);
- ii. Terbabas sendiri (satu kenderaan);
- iii. Masuk laluan bertentangan;
- iv. Cuba/sedang memotong / menukar lorong (*lane*);
- v. Cuai ketika keluar / masuk simpang atau susur;
- vi. Tidak nampak / perasan ada kenderaan lain; dan
- vii. Melakukan pusingan "U".

**NO SOALAN: 29**

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN NEGARA  
MESYUARAT KEDUA 2019, PENGGAL KEDUA,  
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

**PERTANYAAN : LISAN  
DARIPADA : YB. DATUK DONALD PETER MOJUNTIN  
TARIKH : 25 JULAI 2019**

**Datuk Donald Peter Mojuntin** minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan berapakah jumlah jalan raya di bawah program MARRIS dan secara keseluruhannya berapakah panjang jalan raya tersebut di negeri Sabah.

**JAWAPAN**

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Peruntukan Pemberian Penyelenggaraan Jalan Negeri (MARRIS) disediakan berdasarkan peruntukan Perkara 109(1)(b) Perlembagaan Persekutuan yang bertujuan untuk membantu Kerajaan Negeri menyenggara jalan negeri di negeri masing-masing. Asas pemberian dan skop penyelenggaraan adalah dikira berdasarkan Peruntukan Bahagian II Jadual Kesepuluh Perlembagaan Persekutuan dan Garis Panduan MARRIS yang berkuat kuasa.

Kategori jalan yang layak menerima peruntukan MARRIS adalah seperti yang digariskan di dalam Garis Panduan Tatacara Pengurusan Pemberian Penyelenggaraan Jalan Negeri iaitu jalan raya negeri, jalan raya bandaran, jalan kawasan perumahan kos rendah, lorong belakang, jalan kampung, jalan pertanian dan jalan pulau pelancongan. Bagi melayakkan negeri-negeri menerima peruntukan MARRIS, jalan-jalan di negeri masing-masing perlu didaftarkan di dalam Sistem MARRIS Online. Jumlah keseluruhan panjang jalan raya negeri yang didaftarkan di dalam sistem MARRIS sehingga 31 Disember 2108 adalah 225,861.9 km iaitu termasuk jalan raya negeri Sabah sepanjang 37,034.3 km.

**NO SOALAN: 30**

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN NEGARA  
MESYUARAT KEDUA 2019, PENGGAL KEDUA,  
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

**PERTANYAAN : LISAN**  
**DARIPADA : YB. DATIN RAHIMAH BINTI HAJI**  
**MAHAMAD**  
**TARIKH : 25 JULAI 2019**

**Datin Rahimah Binti Haji Mahamad** minta **MENTERI PENGANGKUTAN** menyatakan perangkaan kenderaan Thailand yang masuk melalui pintu masuk sempadan Kelantan-Thailand dan sejauh mana JPJ menjalankan penguatkuasaan agar pemandu asing ini mematuhi peraturan-peraturan jalan raya.

**JAWAPAN**

Yang Di-Pertua,

1. Untuk makluman Yang Berhormat, pihak Kementerian menerusi Jabatan Pengangkutan Jalan (JPJ) sentiasa melaksanakan tugas penguatkuasaan di sempadan pintu masuk utama ke Negara, terutama di negeri-negeri yang mempunyai akses masuk melalui jalan darat termasuk sempadan negeri Kelantan-Thailand. Di bawah peruntukan Seksyen 21 dan 25 Akta Pengangkutan Jalan (APJ) 1987 serta Kaedah-Kaedah Kenderaan Motor (Peredaran Antarabangsa) 1967, kenderaan-kenderaan persendirian dari negara-negara asing dibenarkan kemasukan sementara ke dalam negara dan dikawal melalui pengeluaran Permit Peredaran Antarabangsa (*International Circulation Permit - ICP*) oleh JPJ. ICP dikeluarkan terhadap kenderaan-kenderaan persendirian negara asing dari Thailand dan Indonesia yang memasuki Malaysia melalui jalan darat.
2. Pada 2016 sebanyak 25,684 ICP, pada tahun 2017 sebanyak 41,046 ICP, pada tahun 2018 sebanyak 37,619 ICP dan sehingga Jun tahun ini sebanyak 18,461 telah dikeluarkan oleh JPJ kepada kenderaan Thailand yang masuk dan keluar ke Malaysia menerusi sempadan negeri Kelantan.
3. Dari segi penguatkuasaan pula, pihak Kementerian melalui peranan yang dimainkan oleh Jabatan Pengangkutan Jalan telah mengeluarkan notis JPJ (P) 22 untuk kesalahan yang berkaitan

## **NO SOALAN: 30**

dengan tiada lesen pelawat dan tiada insurans (bagi lesen pelawat) kepada kenderaan dari Thailand yang melalui pintu sempadan Kelantan-Thailand. Jumlah notis saman terhadap dua jenis kesalahan melibatkan Permit Edaran Antarabangsa (ICP) yang dikeluarkan bermula dari 2015 sehingga Jun 2019 adalah sebanyak 13, 831 kes.

Sekian, terima kasih.

**NO SOALAN: 31**

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN NEGARA  
MESYUARAT KEDUA 2019, PENGGAL KEDUA,  
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

**PERTANYAAN : LISAN  
DARIPADA : YB PUAN LIM HUI YING  
TARIKH : 25 JULAI 2019**

**Puan Lim Hui Ying** minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan jumlah bilangan kes-kes jenayah seks yang melibatkan kanak-kanak untuk setiap tahun dari tahun 2013 sehingga kini.

**JAWAPAN**

Tuan Yang Di-Pertua,

Berdasarkan statistik daripada Polis Diraja Malaysia (PDRM), sebanyak 16,081 kes telah dilaporkan yang melibatkan jenayah seksual ke atas kanak-kanak berumur bawah 18 tahun sejak tahun 2013 sehingga 31 Mei 2019.

Daripada jumlah tersebut, sebanyak 14,885 kes telah diambil tindakan di bawah Kanun Keseksaan iaitu 8,981 kes rogol, 1,451 kes sumbang mahram, 3,368 kes cabul, 1,079 kes perbuatan luar tabii dan 16 kes berkaitan bahan-bahan lucah dan berunsur seks.

Manakala baki 1,186 kes pula merupakan kes-kes yang diambil tindakan di bawah Akta Kesalahan Seksual Terhadap Kanak-kanak 2017 [Akta 792] di mana kes-kes tersebut merangkumi pornografi kanak-kanak, berkomunikasi secara seksual dengan kanak-kanak dan pengantunan kanak-kanak (*child grooming*).

**NO SOALAN: 32**

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN NEGARA  
MESYUARAT KEDUA 2019, PENGGAL KEDUA,  
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

**PERTANYAAN : LISAN**  
**DARIPADA : YB. DATUK RABIYAH BINTI ALI**  
**TARIKH : 25 JULAI 2019**

**Datuk Rabiyah Binti Ali** minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan status terkini sektor pelancongan kesihatan di Malaysia pada tahun 2018 hingga Jun 2019 dan bagaimana Majlis Pelancongan Penjagaan Kesihatan Malaysia (MHTC) memberikan fokus terhadap galakan segmen pelancong ini.

**JAWAPAN**

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Kerajaan telah mengenalpasti pelancongan kesihatan sebagai salah satu sektor penyumbang untuk melonjakkan pertumbuhan ekonomi Negara. Usaha-usaha promosi yang dilaksanakan sehingga kini terbukti melalui rekod kenaikan data pelancongan kesihatan serta pelbagai pengiktirafan antarabangsa yang memberikan kesan positif kepada negara. Antaranya ialah Malaysia telah dianugerahkan sebagai Destinasi Pelancongan Kesihatan oleh International Medical Travel Journal (IMTJ) yang berpusat di United Kingdom, sebanyak tiga kali berturut-turut pada tahun 2015, 2016 dan 2017.

Sementara itu International Living yang berpusat di Amerika Syarikat telah menamakan Malaysia sebagai negara terbaik di dunia bagi penjagaan kesihatan bagi tahun 2015-2017 dan juga 2019.

Prestasi pelancong kesihatan ke Malaysia menunjukkan peningkatan yang memberangsangkan iaitu dengan purata pertumbuhan sebanyak 16% antara tahun 2011 hingga 2018.

Pada tahun 2018, Malaysia Healthcare mencatatkan pendapatan hampir RM1.5 bilion melalui hasil hospital (hospital revenue) iaitu peningkatan melebihi 15%. Untuk tahun 2019, MHTC menyasarkan pertumbuhan pelancong kesihatan melebihi 20%.

## **NO SOALAN: 32**

Sehubungan itu, untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Kerajaan melalui Malaysia Healthcare Travel Council (MHTC) ditubuhkan pada tahun 2009 untuk mempromosi dan memudahcara pembangunan industri pelancongan kesihatan Malaysia. MHTC telah melaksanakan pelbagai inisiatif di bawah jenama Malaysia Healthcare untuk meletakkan Malaysia sebagai destinasi pilihan antarabangsa bagi penjagaan kesihatan.

MHTC telah merangka strategi untuk merancakkan inisiatif promosi dan pemasaran pelancongan kesihatan negara iaitu melalui pemudahcaraan (facilitation), pemasaran digital dan kelestarian industri (industry sustainability) dengan menekankan pemasaran bersasarkan kepada conversion dan pengukuran data yang efektif.

Antara langkah strategi pemasaran yang telah dilaksanakan oleh MHTC adalah seperti berikut:

1. Berperanan sebagai pemudahcaraan industri bagi menekankan khidmat kesihatan bernilai tinggi yang menawarkan rawatan perubatan khusus (niche) termasuk rawatan kesuburan seperti IVF, rawatan jantung (cardiology), rawatan onkologi (oncology), rawatan ortopedik (orthopaedic) dan lain-lain rawatan yang bernilai tinggi;
2. Menawarkan inisiatif berasaskan perniagaan (business-to-business atau B2B) bagi memastikan pengalaman perkhidmatan penjagaan kesihatan yang lancar (seamless end-to-end experience) i.e. medical check up;

## NO SOALAN: 32

3. Peningkatan usaha melalui kerjasama antara Malaysia dengan agensi- agensi kerajaan di luar negara (Government-to-Government atau G2G) bagi membuka laluan kepada hospital swasta menerima pesakit-pesakit dari luar negara; dan
4. Menggiatkan pemasaran digital dengan pengaplikasian internet dan media sosial termasuk Facebook dan Twitter untuk liputan tempatan dan antarabangsa melalui media massa untuk meningkatkan visibiliti Malaysia sebagai destinasi pelancongan kesihatan.

Sehubungan itu, bagi memantapkan pemasaran secara agresif dan berkesan, MHTC telah mengenal pasti lima (5) negara bagi fokus utama, iaitu Indonesia, Republik Rakyat China, Myanmar, Vietnam dan India. Di samping itu, MHTC akan terus menembusi pasaran-pasaran lain seperti Singapura, Brunei, Bangladesh, Timur Tengah, Australia, dan Kemboja.

Selain itu, MHTC juga telah merangka inisiatif jangka panjang untuk pelancongan kesihatan Malaysia iaitu meningkatkan kesedaran Malaysia sebagai destinasi pelancongan kesihatan yang utama melalui kempen Malaysia Year of Healthcare Travel 2020 yang dilaksanakan bersama Visit Malaysia 2020.

Kerajaan juga yakin dengan strategi yang telah dirangka serta sokongan padu daripada semua, tidak kira sama ada pihak Kerajaan, bukan Kerajaan, sektor swasta dan rakyat, Malaysia akan berjaya merealisasikan matlamat negara untuk menjadi destinasi pelancongan kesihatan pilihan di rantau ini.

**NO SOALAN: 33**

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN NEGARA  
MESYUARAT KEDUA 2019, PENGGAL KEDUA,  
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

**PERTANYAAN : LISAN**  
**DARIPADA : YB DATUK JOHN AMBROSE**  
**TARIKH : 25 JULAI 2019**

**Datuk John Ambrose** minta **MENTERI PENGANGKUTAN** menyatakan penerangan tentang harga tiket kapal terbang MAS WING yang diberikan subsidi oleh Kementerian tetapi merupakan harga tiket kapal terbang paling mahal dalam Malaysia bagi penerbangan dari Labuan - Kota Kinabalu - Labuan (kos sehala ialah RM196.00 untuk penerbangan selama 25 minit).

**JAWAPAN**

Yang di-Pertua,

1. Untuk makluman Yang Berhormat, kadar tambang yang dikenakan oleh syarikat MASwings ke kawasan luar bandar di Sabah dan Sarawak di bawah laluan Perkhidmatan Udara Luar Bandar (*Rural Air Services – RAS*) adalah berdasarkan siling yang telah ditetapkan oleh Kerajaan. Perkara ini juga terpakai terhadap kadar tambang yang dikenakan bagi laluan Kota Kinabalu – Labuan, yang juga merupakan salah satu laluan RAS iaitu sebanyak RM137 sahaja. Walau bagaimanapun, harga siling ini adalah tidak termasuk bayaran cukai dan lain-lain caj.
2. Kajian semula siling kadar tambang ini akan dilaksanakan dari masa ke semasa dan ia ditetapkan berdasarkan persetujuan bersama di antara Kementerian Pengangkutan, MAVCOM dan operator mengikut keperluan semasa. Kerajaan akan memaparkan harga siling tambang bagi setiap laluan setelah kajian dilaksanakan dari semasa ke semasa.
3. Berkaitan subsidi yang diberikan oleh Kerajaan kepada MASwings, adalah perlu untuk difahami bahawa subsidi yang disediakan adalah bagi menampung kerugian oleh MASwings yang melaksanakan perkhidmatan udara luar bandar tersebut sebagai memenuhi Obligasi Perkhidmatan Awam dan bukanlah secara terus kepada harga tambang. Sekiranya harga yang lebih rendah ditetapkan oleh Kerajaan dan MASwings bagi penerbangan luar bandar ini, kerugian MASwings

## **NO SOALAN: 33**

akan meningkat dan seterusnya menyebabkan bebanan subsidi yang lebih tinggi kepada Kerajaan.

4. Walau bagaimanapun, sebagai usaha untuk tidak membebankan rakyat, Kerajaan akan tetap memantau dan menetapkan siling kepada harga tambang ini agar kemudahan ini dapat dinikmati oleh penduduk di kawasan luar bandar pada kadar harga yang munasabah.

Sekian, terima kasih.

**NO SOALAN: 34**

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN NEGARA  
MESYUARAT KEDUA 2019, PENGGAL KEDUA,  
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

**PERTANYAAN : LISAN**  
**DARIPADA : YB DATUK SAMBANTHAN A/L**  
**MANICKAM**  
**TARIKH : 25 JULAI 2019**

**Datuk Sambanthan A/L Manickam** minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan berapakah jumlah Sekolah Jenis Kebangsaan Tamil di seluruh negara yang telah dibantu dari aspek penambahbaikan infrastruktur bangunan dan keperluan asas sekolah sejak Pakatan Harapan mengambil alih tampuk pemerintahan negara.

**JAWAPAN**

Tuan Yang di-Pertua,

Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) mengambil maklum akan keperluan sekolah-sekolah. Namun, peruntukan yang diterima oleh KPM setiap tahun adalah terhad.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, peruntukan harta modal seperti perabot dan peralatan pengajaran dan pembelajaran hanyalah untuk Sekolah Kerajaan sahaja dan bukannya sekolah bantuan kerajaan mahupun swasta. Sehubungan itu, hanya sekolah jenis kebangsaan Tamil (SJKT) yang bertaraf sekolah kerajaan akan mendapat peruntukan daripada KPM. Untuk makluman juga, Jabatan Pendidikan Negeri akan mengagihkan peruntukan dengan menyemak semua permohonan daripada sekolah-sekolah yang layak dan membuat senarai keutamaan berdasarkan keadaan sekolah-sekolah yang berkaitan termasuklah SJKT yang bertaraf sekolah kerajaan.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, sebanyak RM236,100 telah disalurkan pada 28 Februari 2019 mengikut keperluan kepada 44 buah SJKT bagi penggantian perabot dan bahan pengajaran dan pembelajaran. Selain itu, Peruntukan Mengurus bagi SJKT sejak kerajaan baru mengambil alih (bermula tahun 2018) di bawah dasar sedia ada adalah sebanyak RM1,169,453,934 juta (2018), dan RM1,182,545,281 juta untuk tahun ini.

Sekian, terima kasih.

**NO SOALAN: 35**

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN NEGARA  
MESYUARAT KEDUA 2019, PENGGAL KEDUA,  
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

**PERTANYAAN : LISAN**  
**DARIPADA : YB DATO' HAJI MOHD SUHAIMI BIN**  
**ABDULLAH**  
**TARIKH : 25 JULAI 2019**

**Dato' Haji Mohd Suhaimi Bin Abdullah** minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan adakah pihak Kementerian akan meminda SOP bagi menangkap PATI supaya kumpulan PATI yang dalam perjalanan pulang ke negara asal mereka tidak ditangkap, sebaliknya hanya dilakukan proses identifikasi dan dokumentasi sahaja agar beban kos banduan warga asing dapat dikurangkan.

**JAWAPAN**

Tuan Yang Di Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, adalah menjadi satu kesalahan di bawah Seksyen 5(2) Akta Imigresen 1959/63 iaitu mana-mana orang yang masuk dan keluar dari Malaysia melalui jalan yang tidak dibenarkan atau jalan yang tidak diwartakan. Sehubungan itu, warga asing yang didapati melakukan kesalahan tersebut, meskipun didapati dalam perjalanan pulang ke negara asal dikategorikan sebagai Pendatang Asing Tanpa Izin (PATI) dan akan ditahan berdasarkan prosedur di bawah Jabatan Imigresen Malaysia (JIM).

Setiap tangkapan yang dilakukan ke atas PATI hendaklah berasaskan kepada seksyen kesalahan yang membawa kepada hukuman tertinggi atau paling berat jika disabitkan kesalahan. Semakan pertama ke atas dokumen, pas dan visa PATI akan dilakukan terdahulu menggunakan *mobile enforcement* di lapangan sebelum PATI dibawa ke pejabat Imigresen untuk tindakan selanjutnya. Mana-mana warga asing yang diperiksa mempunyai dokumen dan pas yang sah dalam simpanan mereka sendiri setelah disemak akan dilepaskan tanpa dibawa ke pejabat Imigresen.

Warga asing yang ditangkap bagi kesalahan di bawah Akta Imigresen 1959/63 [Akta 155], Peraturan-Peraturan 1963, Akta Pasport 1966 [Akta 150] dan Akta Antipemerdagangan Orang dan Antipenyeludupan Migran 2007 [Akta 670] boleh ditahan bagi tempoh tidak lebih empat belas (14) hari dari masa ditangkap bagi tujuan siasatan. Penahanan yang memerlukan

## NO SOALAN: 35

tempoh yang lebih lama perlu dikemukakan ke hadapan majistret di bawah Seksyen 51(5)(b) Akta Imigresen 1959/63 [Akta 155]. Proses pengesahan dan penyediaan dokumen perjalanan oleh Perwakilan Asing dilaksanakan semasa tempoh menunggu sebelum penghantaran pulang seseorang warga asing ke negara asal.

Selain itu, bagi tujuan penyerahan diri warga asing secara sukarela untuk pulang ke negara asal, Kerajaan akan melaksanakan Program *Back For Good* oleh JIM ke atas PATI yang melakukan kesalahan di bawah Seksyen 6(1)(c) Akta Imigresen 1959/63 bagi kesalahan tanpa pas yang sah dan Seksyen 15(1)(c) Akta Imigresen 1959/63 bagi kesalahan tinggal lebih masa.

Program ini akan dilaksanakan di Semenanjung Malaysia sahaja selama tempoh lima (5) bulan iaitu mulai 1 Ogos 2019 sehingga 31 Disember 2019.

Antara objektif Program ini adalah bagi:

- i. **mengurangkan kebanjiran PATI;**
- ii. **menjimatkan perbelanjaan Kerajaan** berhubung isu PATI khususnya dari segi penyediaan makan dan minum tahanan serta lain-lain kos mengurus tahanan di depot;
- iii. **meningkatkan kutipan hasil Kerajaan** melalui bayaran kompaun yang dikenakan ke atas PATI;
- iv. **menggalakkan PATI menyerah diri ke JIM dan pulang ke negara asal melalui kaedah yang selamat** kerana tiada pendakwaan dan tidak perlu ditahan dalam depot tahanan imigresen; dan

## **NO SOALAN: 35**

- v. **mengusir keluar PATI yang gagal program regularisasi (pemutihan) yang dilaksanakan oleh Kerajaan terdahulu seperti Program Penggajian dan Penempatan Semula PATI (Program *Rehiring*) dan Program Program Penyelesaian Menyeluruh atau Program 6P.**

**NO SOALAN: 36**

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN NEGARA  
MESYUARAT KEDUA 2019, PENGGAL KEDUA,  
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

**PERTANYAAN : LISAN**  
**DARIPADA : YB DATO' KESAVADAS A/L**  
**A.ACHYUTHAN NAIR**  
**TARIKH : 25 JULAI 2019**

**Dato' Kesavadas A/L A.Achyuthan Nair** minta **PERDANA MENTERI** menyatakan Apakah polisi Kerajaan terhadap graduan yang menerima biasiswa Jabatan Perkhidmatan Awam (JPA) yang tidak kembali untuk memenuhi ikatan mereka (bond) dengan Kerajaan. Berapakah bilangan graduan yang tidak kembali dan yang telah membayar kembali wang tajaan JPA serta berapakah jumlah perbelanjaan dan kutipan yang telah dibuat.

**JAWAPAN**

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, secara dasarnya semua pemegang biasiswa JPA terikat dengan kontrak Perjanjian Biasiswa Persekutuan. Mereka diwajibkan untuk berkhidmat dengan Kerajaan, atau mana-mana agensi atau pertubuhan Kerajaan yang dipersetujui tertakluk kepada perjanjian yang ditandatangani dan syarat lantikan oleh Pihak Berkuasa Melantik (PBM). Pemegang biasiswa JPA yang telah tamat pengajian dengan jayanya dikehendaki untuk melapor diri dan seterusnya berusaha mendapatkan tempat dalam perkhidmatan awam dalam tempoh 12 bulan sepertimana yang dinyatakan di dalam Perjanjian Biasiswa Persekutuan.

Mulai tahun 2009, Kerajaan dengan kerjasama TalentCorp telah melaksanakan inisiatif Program Scholarship Talent Attraction and Retention (STAR) yang membenarkan pemegang biasiswa JPA untuk memenuhi syarat kontrak berkhidmat dengan mana-mana agensi termasuk syarikat atau agensi swasta yang tersenarai di bawah program tersebut.

Ia juga merupakan salah satu alternatif kepada pemegang biasiswa JPA yang telah berusaha untuk memasuki perkhidmatan awam tetapi tidak berjaya mendapat tempat dan tidak ditawarkan sebarang jawatan oleh Kerajaan selepas tempoh dua belas (12) bulan untuk mendapatkan pekerjaan seterusnya memenuhi syarat kontrak berkhidmat dengan Kerajaan.

## NO SOALAN: 36

Sebarang pelanggaran atau pecah kontrak sepertimana yang termaktub di dalam Perjanjian Biasiswa Persekutuan termasuklah ingkar untuk pulang berkhidmat di Malaysia, pemegang Biasiswa JPA boleh dikenakan tindakan tuntutan dengan membayar balik Nilai Biasiswa yang telah dibelanjakan sepanjang tempoh penajaan kepada Kerajaan dalam tempoh yang telah ditetapkan.

Maklumat Pecahan Pelajar Tajaan JPA Luar Negara Yang Telah Dikenakan Tuntutan Gantirugi Kerana Melanggar Perjanjian Mulai Tahun Taja 2015 Hingga 2018 adalah seperti berikut:

<b>Tahun Penajaan</b>	<b>Bilangan Pelajar</b>	<b>Jumlah Tuntutan</b>
2015	2	RM1,615,228.43
2016	4	RM2,403,579.28
2017	28	RM21,575,453.45
2018	3	RM2,384,397.10
<b>Jumlah</b>	<b>37</b>	<b>RM27,978,658.26</b>

Sekian, terima kasih.

**NO SOALAN: 37**

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN NEGARA  
MESYUARAT KEDUA 2019, PENGGAL KEDUA,  
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

**PERTANYAAN : LISAN  
DARIPADA : YB DATUK HAJI ISMAIL BIN IBRAHIM  
TARIKH : 25 JULAI 2019**

**Datuk Haji Ismail Bin Ibrahim** minta **MENTERI PEMBANGUNAN LUAR BANDAR** menyatakan bilangan pembangunan Maktab Rendah Sains MARA baru dalam tahun 2019 selaras dengan perancangan Rancangan Malaysia ke-11.

**JAWAPAN**

Tuan Yang Di-Pertua,

Untuk makluman YB Senator, jumlah Maktab Rendah Sains MARA (MRSM) baru yang diluluskan di bawah RMKe-11 tahun 2019 ialah MRSM Dungun dan MRSM Lawas.

MRSM Dungun diluluskan peruntukan keseluruhan sebanyak RM130 juta dan penyaluran sebanyak RM4 juta untuk tahun 2019 bagi kerja-kerja awalan.

Bagi projek yang melebihi kos RM50 juta, Value Management (VM) perlu dilaksanakan bagi memastikan projek tersebut memberi pulangan yang bersesuaian dengan pelaburan kerajaan (value for money). Proses VM mengambil masa selama 6 bulan sebelum perolehan tender dilaksanakan. Pra-pelaksanaan Value Management (VM) projek MRSM Dungun bersama Bahagian Pengurusan Nilai, Kementerian Hal Ehwal Ekonomi akan diadakan pada 28 Ogos 2019. Projek MRSM Dungun dijangka siap pada tahun 2023.

Untuk makluman Yang Berhormat Senator jua, MRSM Lawas diluluskan peruntukan keseluruhan sebanyak RM140 juta dengan penyaluran sebanyak RM5 juta untuk tahun 2019 bagi kerja-kerja awalan. Status MRSM Lawas sedang dalam proses perolehan tanah.

**NO SOALAN: 38**

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN NEGARA  
MESYUARAT KEDUA 2019, PENGGAL KEDUA,  
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

**PERTANYAAN : LISAN**  
**DARIPADA : YB. TUAN MOHD YUSMADI BIN MOHD**  
**YUSOFF**  
**TARIKH : 25 JULAI 2019**

**Tuan Mohd Yusmadi bin Mohd Yusoff** minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan apakah penilaian impak (impact assessment) terhadap strategi penggunaan teknologi digital untuk pendidikan pelajar-pelajar di desa.

**JAWAPAN**

Tuan Yang di-Pertua,

Sehingga tahun 2018, sebanyak 98 peratus (9,970) daripada 10,171 buah sekolah kendalian Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) yang ditaraf telah mencapai tahap bestari minimum 3-bintang melalui *Smart School Qualification Standards (SSQS)*. SSQS mengukur pembudayaan penggunaan teknologi maklumat dan komunikasi (ICT) dalam pengajaran dan pembelajaran (PdP) dan pengurusan dan pentadbiran (PdT) melalui penarafan sendiri responden berkaitan pencapaian tahap minimum pembangunan profesionalisme pentadbir dan guru; kemahiran murid; kepimpinan pentadbir; pengupayaan persekitaran yang menyokong pengintegrasian teknologi dalam PdP dan PdT; pelaksanaan kurikulum dan penilaian; dan pembelajaran berpusatkan murid.

Laporan daripada SSQS 2018 menunjukkan bahawa, 198 daripada 201 buah sekolah yang belum mencapai tahap bestari minimum 3-bintang adalah terdiri daripada sekolah rendah yang terletak di kawasan luar bandar dan pedalaman. Keadaan ini disokong oleh faktor geografi, infrastruktur, teknologi dan sosioekonomi tempatan. Laporan Standard Kompetensi Digital (*Digital Competency Score – DCS*) pada tahun 2018, menunjukkan tiada perbezaan yang ketara antara murid bandar dan luar bandar dalam tiga (3) domain yang dinilai iaitu kognitif, kewarganegaraan digital dan teknologi. Ini menunjukkan keseimbangan dalam pengintegrasian inisiatif-inisiatif literasi digital yang tidak mengira lokasi.

**NO SOALAN: 38**

Sekian, terima kasih.

**NO SOALAN: 39**

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN NEGARA  
MESYUARAT KEDUA 2019, PENGGAL KEDUA,  
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

**PERTANYAAN : LISAN  
DARIPADA : YB. PUAN HAJAH SABANI BINTI MAT  
TARIKH : 25 JULAI 2019**

**Puan Hajah Sabani binti Mat** minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan apakah langkah-langkah yang diambil oleh Kerajaan bagi menangani isu pencerobohan nelayan asing di negara kita yang semakin berleluasa.

**JAWAPAN**

Tuan Yang di-Pertua,

Jemaah Menteri pada 24 April 2019 telah mengarahkan penubuhan *Task Force* bagi mengambil tindakan yang lebih berkesan bagi menangani isu pencerobohan Vesel Nelayan Asing Vietnam (VNAV) di perairan Pantai Timur. Mesyuarat pertama *Task Force* yang diterajui oleh KDN pada 25 April 2019 telah membincangkan isu-isu berkaitan pencerobohan nelayan asing di perairan negara dan memutuskan penubuhan dua (2) jawatankuasa pelaksanaan yang bertanggungjawab melapor kepada KDN. Dua jawatankuasa pelaksanaan tersebut adalah Jawatankuasa Penguatkuasaan secara Bersepadu yang diterajui oleh Agensi penguatkuasaan Maritim Malaysia (APMM) dan Jawatankuasa Dasar dan Perundangan yang diterajui oleh Kementerian Dalam Negeri (KDN).

Sehingga kini Jawatankuasa Penguatkuasaan secara Bersepadu telah melancarkan Operasi Penguatkuasaan Bersepadu yang dikenali sebagai Ops Naga Lanjutan itu, Ops Naga telah dilancarkan pada 2 hingga 31 Mei 2019 dan berjaya melaksanakan pemeriksaan secara keseluruhan terhadap 519 buah vesel yang membawa kepada tangkapan 44 buah vesel secara keseluruhan. Operasi Ops Naga fasa kedua telah diteruskan dengan pelancaran Ops Naga Barat bermula 1 Jun 2019 dan berfokus di sebelah Pantai Timur Semenanjung Malaysia.

## **NO SOALAN: 39**

Jawatankuasa Penguatkuasaan secara Bersepadu diketuai oleh Agensi Penguatkuasaan Maritim Malaysia (APMM) dan dianggotai oleh Tentera Laut DiRaja Malaysia (TLDM), Tentera Udara DiRaja Malaysia (TUDM), Pasukan Polis Marin, Polis DiRaja Malaysia (PPM), Jabatan Perikanan Malaysia, Jabatan Laut Malaysia dan Lembaga Kemajuan Ikan Malaysia (LKIM) berfungsi untuk menjalankan operasi dan penguatkuasaan secara bersepadu bagi menangani isu pencerobohan kapal nelayan asing di perairan Negara.

Pasukan Khas ini masih kekal melaksanakan operasi yang telah dirancang sehingga pencerobohan VNAV dapat dibendung secara maksimum.

**NO SOALAN: 40**

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN NEGARA  
MESYUARAT KEDUA 2019, PENGGAL KEDUA,  
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

**PERTANYAAN : LISAN  
DARIPADA : YB DATUK PAUL IGAI  
TARIKH : 25 JULAI 2019**

**Datuk Paul Igai** minta **MENTERI BELIA DAN SUKAN** menyatakan memandangkan selalu berlakunya kecederaan dalam kegiatan sukan berpunca dari kurang fahaman dalam bidang fisiologi dalam kalangan atlit khususnya di peringkat sekolah, adakah Kementerian berhasrat menempatkan perkhidmatan pakar fisiologi di peringkat daerah.

**JAWAPAN**

Tuan Yang di-Pertua,

1. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, pihak Kementerian sentiasa prihatin terhadap isu kecederaan dalam sukan khususnya di peringkat akar umbi. Buat masa ini, Kementerian tidak berhasrat menempatkan pegawai fisiologi senam di daerah-daerah. Ini adalah kerana, Kementerian melalui Akademi Kejurulatihan Kebangsaan (AKK) di bawah Institut Sukan Negara (ISN) telah mengambil pelbagai inisiatif dalam aspek pendidikan dan pengetahuan mengenai pengurusan kecederaan.
2. Antaranya adalah dengan meningkatkan tahap kesedaran terhadap kecederaan sukan melalui Kursus Sains Sukan tahap 1, 2 dan 3. Kursus ini memberi pendedahan terhadap komponen-komponen perubahan sukan sebagai pendedahan awal khususnya kepada jurulatih-jurulatih sukan terutama di peringkat akar umbi di seluruh Malaysia.
3. Selain itu, Kementerian juga turut bekerjasama dengan Kementerian Pendidikan Malaysia dan Majlis Sukan Negeri dalam menganjurkan kursus-kursus sains sukan di peringkat negeri bagi memastikan pendidikan sains dan perubahan sukan ini dapat diterapkan secara sepenuhnya dalam program latihan secara lebih saintifik dan sistematik. Antara kandungan modul kecederaan di bawah skop perubahan sukan adalah:

## NO SOALAN: 40

- (a)kecederaan dan punca kecederaan sukan;
- (b)keselamatan sukan;
- (c) Pencegahan kecederaan;
- (d) asas pertolongan cemas;
- (e)rawatan pendarahan;
- (f) CPR;
- (g)jenis-jenis dan pengurusan kecederaan;
- (h)kesihatan atlet sewaktu latihan dalam cuaca panas/ sejuk;  
kaedah-kaedah pemulihan;
- (i) larangan dadah dalam sukan;
- (j) persiapan pertandingan; dan
- (k)rehabilitasi sukan.

4. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, pendedahan kecederaan sukan melalui kursus sains sukan ini dapat mewujudkan kesedaran yang tinggi dalam kalangan jurulatih-jurulatih di peringkat daerah dan negeri yang dapat diaplikasikan bagi mengelak dan meminimumkan tahap kecederaan dalam kalangan atlit. Adalah diharapkan lebih ramai lagi guru-guru, pengamal sukan, dan jurulatih-jurulatih di peringkat daerah dan negeri dapat menggunakan peluang mengikuti kursus ini dan bersama-sama dengan AKK dalam usaha menangani masalah kecederaan sukan. Bagi tahun 2019, AKK telah mensasarkan 24 kursus sains sukan pelbagai tahap bersama Majlis Sukan Negeri di seluruh Malaysia di samping 11 kursus pendidikan berterusan bagi memantapkan lagi kualiti kejurulatihan negara.

Sekian, terima kasih.

**NO SOALAN: 41**

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN NEGARA  
MESYUARAT KEDUA 2019, PENGGAL KEDUA,  
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

**PERTANYAAN : LISAN**  
**DARIPADA : YB DATO' HAJI HUSAIN BIN AWANG**  
**TARIKH : 25 JULAI 2019**

**Dato' Haji Husain Bin Awang** minta **MENTERI SUMBER MANUSIA** menyatakan sejauh mana kajian yang dilakukan menteri untuk mengambil pekerja asing dari Afrika dalam menampung keperluan tenaga asing dalam sektor perladangan.

**JAWAPAN**

Tuan Yang di-Pertua,

1. Cadangan untuk membawa masuk pekerja asing dari Afrika telah dikemukakan oleh majikan di Cameron Highlands semasa sesi pertemuan Menteri Sumber Manusia dengan pihak pekebun pada 28 Jun 2019. Cadangan ini dibangkitkan susulan daripada masalah kekurangan pekerja yang serius berikutan kesukaran untuk mendapatkan tenaga kerja dari Indonesia dan Vietnam.

2. Namun begitu, Kerajaan telah menggugurkan cadangan pengambilan pekerja asing dari Afrika dan menegaskan pembukaan mana-mana negara sumber akan diperhalusi dan diperinci dengan teliti mengambil kira aspek keperluan dan kesesuaian pekerjaan, implikasi sosial serta keselamatan negara.

**NO SOALAN: 42**

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN NEGARA  
MESYUARAT KEDUA 2019, PENGGAL KEDUA,  
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

**PERTANYAAN : LISAN  
DARIPADA : YB DATO' DR. ANANTHAN A/L  
SOMASUNDARAM  
TARIKH : 25 JULAI 2019**

**Dato' Dr. Ananthan A/L Somasundaram** minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan mengenai mekanisme baharu pembayaran balik pinjaman PTPTN yang telah dikenal pasti dan di senarai pendek dalam Kertas Konsultasi Rakyat PTPTN.

**JAWAPAN**

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Kertas Konsultasi Rakyat (KKR) telah diterbitkan bermula 16 Mei hingga 13 Jun 2019 bagi mendapat pandangan dan maklumbalas rakyat mengenai 10 idea yang dicadangkan, iaitu:-

- i. Penangguhan Bayaran Balik Bagi Peminjam Berpendapatan RM2,000 Ke Bawah;
- ii. Penangguhan Bayaran Balik Bagi Peminjam Berpendapatan RM4,000 Ke Bawah;
- iii. Menggantikan Sistem Bayaran Balik Sedia Ada Kepada Skim Bayaran Balik Berasaskan Pendapatan Untuk Peminjam Baharu - *Income Based Repayment (IBR)*;
- iv. Potongan Gaji Mandatori untuk peminjam sedia ada dan baharu;
- v. Melaksanakan Penguatkuasaan Sepenuhnya;
- vi. Penguatkuasaan Yang Lebih Tegas Terhadap Mereka Yang Tidak Membayar Balik Dalam Tempoh Yang Lama;
- vii. Melaksanakan Sistem Penjamin;

## **NO SOALAN: 42**

- viii. Pemansuhan Pengecualian Bayaran Balik Graduan Kelas Pertama Atau Digantikan Dengan Pengecualian Separa;
- ix. Mengurangkan Jumlah Pinjaman Dan Secara Beransur-ansur Menamatkan Pinjaman Kepada Institusi Pendidikan Tinggi Swasta (IPTA) Dan Kursus Yang Berprestasi Rendah; dan
- x. Menaikkan Caj Ujrah 1% Kepada Peminjam Baharu.

Dapatan daripada KKR akan dianalisis serta diperhalusi oleh satu Panel Penasihat Khas bagi mengenalpasti cadangan terbaik yang boleh dilaksanakan sebagai mekanisme baharu pembayaran balik PTPTN. Cadangan tersebut akan dibentangkan kepada Jemaah Menteri untuk kelulusan, sebelum diumumkan mengenai pelaksanaannya.

Sekian, terima kasih.

**NO SOALAN: 43**

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN NEGARA  
MESYUARAT KEDUA 2019, PENGGAL KEDUA,  
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

**PERTANYAAN : LISAN  
DARIPADA : YB TUAN ISMAIL BIN YUSOP  
TARIKH : 25 JULAI 2019**

**Tuan Ismail bin Yusop** minta **MENTERI LUAR NEGERI** menyatakan apakah usaha dan pendekatan yang diambil oleh Kerajaan dalam membasmi persepsi islamophobia yang amat membimbangkan susulan Malaysia sebagai pihak ketiga dalam membantu menyelesaikan krisis keamanan Selatan Thailand.

**JAWAPAN**

Tuan Yang di-Pertua,

Saya mengucapkan terima kasih kepada Yang Berhormat Senator Tuan Ismail bin Yusop di atas pertanyaan yang dikemukakan.

Tuan Yang di-Pertua,

2. Malaysia amat berbesar hati kerana telah diberi kepercayaan untuk dilantik sebagai Fasilitator bagi proses dialog damai di Selatan Thailand. Malaysia telah dan akan terus memainkan peranan penting dalam proses dialog damai ini bagi memastikan keadilan, kestabilan dan kemakmuran yang berterusan di Selatan Thailand dapat dicapai.

3. Selanjutnya, sukacita saya ingin memberikan sedikit pencerahan di mana Kementerian Luar Negeri berpandangan bahawa isu di Selatan Thailand adalah merupakan isu politik dan keselamatan dalaman Thailand, dan tidak mempunyai hubungan secara langsung dengan isu Islamofobia. Semenjak dari awal, penglibatan Malaysia dalam isu konflik di Selatan Thailand adalah berkaitan usaha untuk mencapai perdamaian antara masyarakat Islam di Selatan Thailand dengan Kerajaan Thailand.

Tuan Yang di-Pertua,

## NO SOALAN: 43

4. Mengenai isu Islamofobia, Malaysia menangani gejala Islamofobia melalui beberapa platform antarabangsa seperti di Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (PBB) dan Pertubuhan Kerjasama Islam (*Organization of Islamic Cooperation* – OIC). Untuk makluman Dewan yang mulia ini, Malaysia telah menyokong Resolusi 16/18 bertajuk “*Combating intolerance, negative stereotyping and stigmatization of, and discrimination, incitement to violence and violence against persons based on religion or belief*” yang diperkenalkan oleh OIC semasa persidangan Majlis Hak Asasi Manusia PBB (MHAM) ke-16 pada bulan Mac 2011 dan berjaya diterima pakai secara konsensus (*adopted by consensus*) oleh MHAM.

5. Resolusi ini merupakan satu pencapaian yang besar bagi negara-negara Islam di mana mereka berjaya memperjuangkan konsep “*defamation of religions*”. Resolusi ini juga telah diangkat untuk perbincangan dan pertimbangan pada sesi persidangan MHAM yang diadakan pada bulan Mac setiap tahun. Baru-baru ini, Resolusi MHAM 40/25 dengan tajuk yang sama telah diterima pakai semasa persidangan sesi ke-40 pada 22 Mac 2019.

6. Antara lainnya, Resolusi tersebut menyeru agar negara-negara ahli PBB “berjuang menentang sikap tidak bertoleransi, tanggapan stereotaip yang negatif, pengaiban, diskriminasi, hasutan untuk melakukan keganasan, dan keganasan terhadap seseorang atas sebab agama atau pegangan iman mereka”. Selain itu, Resolusi tersebut juga menggalakkan negara-negara Ahli PBB untuk memupuk persefahaman, toleransi dan semangat saling hormat-menghormati dalam isu-isu yang berkaitan dengan kebebasan beragama atau kepercayaan.

## NO SOALAN: 43

Tuan Yang di-Pertua,

7. Di peringkat OIC pula, Malaysia dan negara-negara anggota pertubuhan berkenaan telah menubuhkan suatu platform yang dikenali sebagai Suara Hikmat (*Sawt Al-Hikmah*) bertujuan untuk membetulkan persepsi tentang Islam serta mengekang fahaman keganasan dan fahaman pelampau keganasan (*violent extremism*), termasuk persepsi Islamofobia, melalui laman sosial. Semasa Mesyuarat Tergempar di peringkat Menteri-Menteri Luar Negeri yang diadakan di Istanbul, Turki pada 22 Mac 2019, negara-negara OIC sebulat suara mengutuk serangan pengganas berunsurkan Islamofobia di dua (2) masjid di Christchurch, New Zealand pada 15 Mac 2019.

8. Semasa mesyuarat tersebut, Malaysia telah menzahirkan kesungguhan Kerajaan Malaysia dalam menangani isu Islamofobia dan fahaman pelampau keganasan. Selain itu, Kerajaan Malaysia turut memberi sokongan kepada umat Islam di New Zealand yang menjadi mangsa serangan berkenaan.

Sekian, terima kasih.

**NO SOALAN: 44**

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN NEGARA  
MESYUARAT KEDUA 2019, PENGGAL KEDUA,  
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

**PERTANYAAN : LISAN  
DARIPADA : YB PUAN SITI FATIMAH BINTI YAHAYA  
TARIKH : 25 JULAI 2019**

**Puan Siti Fatimah binti Yahaya** minta **MENTERI PERTANIAN DAN INDUSTRI ASAS TANI** menyatakan strategi Kerajaan untuk memastikan keselamatan makanan (food security) di negara ini di samping usaha yang dilakukan untuk mengurangkan import makanan dari luar negara khususnya bahan makanan utama seperti beras, daging, ikan dan sayur-sayuran.

**JAWAPAN**

**Tuan Yang di-Pertua,**

Untuk makluman Yang Berhormat Senator, pada tahun 2018, negara mengimport sejumlah RM50.1 bilion makanan berbanding export sebanyak RM31.5 bilion menjadikan defisit Imbangan Dagangan bernilai RM18.6 bilion. Perangkaan ini sebenarnya menunjukkan peningkatan sebanyak RM0.9 bilion berbanding tahun 2017, sebahagiannya disumbangkan oleh usaha-usaha Kerajaan bagi meningkatkan SSL.

Antara rancangan dan inisiatif Pertanian bagi menjadikan negara ini berkeupayaan untuk mengeluarkan dan membekalkan makanan kepada rakyatnya sendiri adalah seperti berikut:

- i. Melaksanakan pembangunan empat Kawasan Pembangunan Pertanian Bersepadu (IADA) iaitu Pekan dan Rompin di Pahang, Batang Lupar di Sarawak dan Kota Belud di Sabah sebagai jelapang padi negara yang baharu. Dengan pembukaan empat kawasan baharu ini beserta inisiatif-inisiatif lain seperti penggunaan variety padi sah baharu yang berhasil tinggi dan rintang penyakit, hasil pengeluaran padi negara dijangka akan meningkat sehingga ke Tahap Sara Diri (SSL) sebanyak 75 peratus pada tahun 2020 dan seterusnya mengurangkan kebergantungan kepada import beras;

## NO SOALAN: 44

- ii. Meningkatkan pengeluaran dalam sektor perikanan menerusi pengukuhan pengurusan perikanan tangkapan, mentransformasi infrastruktur dan prasarana pendaratan ikan, menguatkuasakan Pemantauan, Kawalan dan Pengawasan (MCS) dan memperkaas industri akuakultur; dan
- iii. Meningkatkan pengeluaran sayur-sayuran menerusi pelbagai inisiatif penanaman seperti peluasan tanaman dalam Taman Kekal Pengeluaran Makanan (TKPM), penggunaan teknologi Pertanian moden dan sebagainya.
- iv. Meningkatkan populasi ternakan ruminan melalui pelaksanaan Projek Ladang Satelit dan Taman Kekal Pengeluaran Ruminan. Kerajaan juga sedang melaksanakan sebanyak lima Lembah Tenusu dengan mensasarkan tambahan susu segar sebanyak 20 juta liter dalam tempoh lima tahun; dan
- v. Melaksanakan pelbagai projek agromakanan yang mempunyai potensi pertumbuhan tinggi seperti akuakultur, rumpai laut dan sarang burung walit, mempergiatkan Program Agropreneur Muda dan membangunkan industri jagung bijian bagi menangani kebergantungan import bahan makanan untuk ternakan.

Tidak keterlaluan untuk menyatakan bahawa sektor agromakanan negara telah berjaya membekalkan sebahagian besar keperluan makanan penduduk. Tahap Sara Diri (*Self Sufficiency Level – SSL*) bagi komoditi daging ayam / itik dan telur ayam / itik telah melebihi 100%. Walau

## NO SOALAN: 44

bagaimanapun, prestasi SSL terkini beberapa komoditi agromakanan yang lain adalah tidak mencapai 100% seperti berikut:

Komoditi agromakanan	Kadar SSL (%)
<b>Tanaman</b>	
Beras (IPB)	69.5
Sayur-sayuran	46.6
Buah-buahan	77.5
<b>Ternakan</b>	
Daging Lembu/Kerbau	22.2
Susu Segar (Liter)	58.3
<b>Perikanan</b>	
Ikan Makanan	92.8

Sebahagian daripada bahan makanan masih tetap perlu diimport bagi memenuhi permintaan sebagai bahan mentah untuk industri pembuatan yang mempunyai kualiti dan spesifikasi yang berbeza. Sebahagian lagi adalah bahan makanan yang tidak ekonomik dan sesuai untuk dihasilkan dalam negara seperti buah-buahan dan sayur-sayuran *temperate* dan tropika, gandum, gula dan sediaan gula.

Sekian, terima kasih.

**NO SOALAN: 45**

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN NEGARA  
MESYUARAT KEDUA 2019, PENGGAL KEDUA,  
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

**PERTANYAAN : LISAN  
DARIPADA : YB DR. AHMAD AZAM BIN HAMZAH  
TARIKH : 25 JULAI 2019**

**Dr. Ahmad Azam bin Hamzah** minta **MENTERI KESIHATAN** menyatakan :-

- (a) adakah masalah kurang zat bagi orang asal Kampung Koh yang menyebabkan masalah pernafasan dan lain-lain masalah kesihatan turut sama dialami oleh masyarakat orang asal di tempat-tempat lain juga; dan
- (b) berapa jumlah orang asal yang telah dirawat kerana kekurangan zat.

**JAWAPAN**

**Yang di-Pertua,**

Walaupun kekurangan zat makanan bukan merupakan penyebab kematian secara langsung, kecuali dalam situasi yang teruk seperti kebuluran, kekurangan zat makanan diketahui merupakan salah satu faktor risiko untuk mendapat jangkitan penyakit dan seterusnya ia boleh menyebabkan kematian. Di samping itu, seseorang yang mempunyai penyakit atau ketahanan badan yang rendah juga boleh menjejaskan status pemakanan dan seterusnya penyakit menjadi lebih teruk.

Namun begitu, berdasarkan kepada maklumat yang diperolehi, sehingga kini, tiada kejadian yang menyebabkan masalah pernafasan dan lain-lain masalah kesihatan yang dialami oleh masyarakat orang asal di lokaliti-lokaliti lain seperti Kampung Koh.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, kekurangan zat makanan merupakan masalah di kalangan kanak-kanak orang asal terutamanya di kawasan pedalaman seperti di negeri Kelantan, Pahang dan Perak. Sehingga kini, 819 kanak-kanak orang asal telah menerima bantuan bakul makanan di bawah Program Pemulihan Kanak-kanak Kekurangan Zat Makanan (PPKZM) di seluruh Malaysia. Sementara itu, sejumlah 1,158 orang kanak-kanak orang asal yang berumur 6 bulan hingga 6 tahun terlibat di dalam Program *Community Feeding* (PCF). Dalam program ini, sukarelawan daripada masyarakat kampung tersebut dilatih dalam penyediaan makanan tambahan kepada kanak-kanak yang terlibat sebanyak 5 kali seminggu.

**NO SOALAN: 45**

Sekian, terima kasih.

**NO SOALAN: 46**

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN NEGARA  
MESYUARAT KEDUA 2019, PENGGAL KEDUA,  
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

**PERTANYAAN : LISAN**  
**DARIPADA : YB DATUK SR. HAJI HANAFI BIN HAJI**  
**MAMAT**  
**TARIKH : 25 JULAI 2019**

**Datuk Sr. Haji Hanafi bin Haji Mamat** minta **MENTERI PEMBANGUNAN LUAR BANDAR** menyatakan apakah projek-projek infrastruktur luar bandar yang telah diluluskan untuk negeri Kelantan pada tahun 2019 dan berapakah jumlahnya.

**JAWAPAN**

Tuan Yang Di-Pertua,

Untuk makluman Yang Berhormat Senator, bagi Negeri Kelantan tahun 2019, sebanyak 3 projek baru di bawah Program Jalan Luar Bandar (JALB) dengan anggaran kos sebanyak RM143.6juta telah diluluskan.

Di bawah Program Bekalan Air Luar Bandar (BALB) pula, sebanyak 31 projek baru telah pun diluluskan untuk pelaksanaan dengan anggaran kos sebanyak RM 7.8 juta.

Bagi projek-projek di bawah Program Jalan Perhubungan Desa, sehingga Jun 2019, sebanyak 119 projek baru telah diluluskan dengan anggaran kos sebanyak 8.09 juta manakala bagi projek di bawah Program Ameniti Sosial (PAMS), sebanyak 43 projek baru dengan anggaran kos sebanyak RM3.88 juta telah diluluskan. Kesemua projek-projek ini berada pada pelbagai peringkat pelaksanaan.

Secara keseluruhannya, jumlah projek yang telah diluluskan dibawah Kementerian sehingga Jun 2019 adalah sebanyak 196 projek dengan anggaran kos sebanyak RM163.3 juta.

**NO SOALAN: 47**

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN NEGARA  
MESYUARAT KEDUA 2019, PENGGAL KEDUA,  
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

**PERTANYAAN : LISAN  
DARIPADA : YB PUAN HAJAH RAHEMAH BINTI IDRIS  
TARIKH : 25 JULAI 2019**

**Puan Hajah Rahemah Binti Idris** minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan sehingga bilakah sekolah 3 aliran akan diteruskan di Malaysia dan tidakkah Kerajaan bercadang untuk menyeragamkan sekolah di Malaysia kepada 1 aliran sahaja yang lebih bersifat menyeluruh, seimbang dan bersepadu.

**JAWAPAN**

Tuan Yang di-Pertua,

Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) berpandangan cadangan untuk memperkenalkan sistem pendidikan sekolah satu bahasa pengantar (aliran) memerlukan perbincangan yang lebih khusus dan perlu mendapat pandangan dan persetujuan daripada pelbagai pihak.

Buat masa ini, KPM masih mengekalkan dasar sedia ada memandangkan penekanan terhadap budaya integrasi nasional dan perpaduan dalam pendidikan yang dilaksanakan oleh KPM sekarang masih relevan.

Sekian, terima kasih.

**NO SOALAN: 48**

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN NEGARA  
MESYUARAT KEDUA 2019, PENGGAL KEDUA,  
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

**PERTANYAAN : LISAN**  
**DARIPADA : YB DATUK NG CHIANG CHIN**  
**TARIKH : 25 JULAI 2019**

**Datuk Ng Chiang Chin** minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan perkembangan terkini jawatankuasa yang melibatkan Kementerian Dalam Negeri dan Kementerian Sumber Manusia bagi menyelesaikan isu taraf kewarganegaraan melibatkan pemohon-pemohon daripada golongan minoriti yang telah lama tertangguh. Berapakah jumlah permohonan taraf kewarganegaraan mengikut kaum dan umur dan berapa ramai pemohon yang telah diberikan kelulusan sejak Mei 2018 mengikut kaum dan umur.

**JAWAPAN**

Yang di-Pertua,

Kementerian Dalam Negeri (KDN) telah melaksanakan tindakan segera selaras dengan pengumuman YAB Perdana Menteri pada 14 Ogos 2018 serta keputusan Mesyuarat Jemaah Menteri pada 17 Ogos 2018 agar pemegang Kad Pengenalan Pemastautin Tetap (MyPR) berumur 60 tahun dan ke atas yang memenuhi syarat di bawah Bahagian III Perlembagaan Persekutuan, *Citizenship Rules* 1964 [LN.82/1964] serta perundangan berkaitan yang berkuat kuasa seperti peraturan imigresen, keberadaan yang sah dan lain-lain dipertimbangkan untuk dianganugerahkan kewarganegaraan Malaysia. Walau bagaimanapun, tiada Jawatankuasa yang ditubuhkan secara bersama antara Kementerian ini dengan Kementerian Sumber Manusia (KSM) bagi tujuan tersebut.

Dari bulan Mei 2018 sehingga 30 Jun 2019, Kementerian ini melalui Jabatan Pendaftaran Negara (JPN) telah menerima sebanyak 16,777 permohonan kewarganegaraan Malaysia. Berhubung dengan perincian statistik tersebut, dimaklumkan bahawa perekodan permohonan kewarganegaraan adalah berdasarkan maklumat negara asal pemohon. Sehubungan dengan itu, tiga (3) negara asal yang tertinggi adalah dari Indonesia seramai 2,820 orang, Filipina seramai 804 orang dan India seramai 579 orang. Perincian mengikut kategori umur adalah seperti mana berikut:

**NO SOALAN: 48**

<b>Kategori Umur (Tahun)</b>	<b>Jumlah (Permohonan)</b>
59 dan ke bawah	13,386
60 dan ke atas	3,391
<b>Jumlah Keseluruhan (Permohonan)</b>	<b>16,777</b>

Manakala dalam tempoh yang sama, terdapat seramai 3,622 orang pemohon telah dianugerahkan kewarganegaraan Malaysia. Dalam hal ini, tiga (3) negara asal tertinggi adalah dari Indonesia seramai 1,262 orang, India seramai 412 orang dan Thailand seramai 263 orang. Perincian mengikut kategori umur adalah seperti mana berikut:

<b>Kategori Umur (Tahun)</b>	<b>Jumlah (Permohonan)</b>
59 dan ke bawah	2,284
60 dan ke atas	1,338
<b>Jumlah Keseluruhan (Permohonan)</b>	<b>3,622</b>

**NO SOALAN: 49**

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN NEGARA  
MESYUARAT KEDUA 2019, PENGGAL KEDUA,  
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

**PERTANYAAN : LISAN  
DARIPADA : YB PUAN NURIDAH BINTI MOHD SALLEH  
TARIKH : 25 JULAI 2019**

**Puan Nuridah binti Mohd Salleh** minta **MENTERI BELIA DAN SUKAN** menyatakan jumlah fasiliti sukan mesra wanita Islam dan perancangan masa depan dalam menggalakkan lebih ramai wanita Islam bersukan.

**JAWAPAN**

Tuan Yang di-Pertua,

1. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, setakat ini terdapat sebanyak lima puluh (50) buah Kompleks Sukan di seluruh negara yang terdiri daripada empat belas (14) Kompleks Belia dan Sukan (KOMBES), enam belas (16) Kompleks Rakan Muda (KRM), enam belas (16) Kompleks Sukan Komuniti (KSK) dan empat (4) Kompleks Sukan (KS). Selain itu, terdapat Gelanggang Futsal di seluruh negara sebanyak 1,871 dan Gim Rakyat Malaysia sebanyak 82 unit.
2. Kementerian Belia dan Sukan sentiasa menitikberatkan kemudahan bagi peminat dan pengguna yang terdiri daripada pelbagai agama khususnya agama Islam untuk menggunakan kemudahan yang disediakan secara optimum.
3. Justeru, infrastruktur yang dibina turut mengambil kira kemudahan yang sesuai dan diasingkan mengikut jantina seperti penggunaan tandas, surau dan bilik persalinan yang berasingan. Ia juga turut dipanjangkan kepada jadual penggunaan khas untuk wanita pada hari tertentu seperti penggunaan Gimnasium dan Dewan Tertutup. Keadaan ini akan memberikan keselesaan dan privasi untuk golongan wanita Islam bagi menggunakan kemudahan yang disediakan.

## NO SOALAN: 49

4. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, program pembangunan sukan Kementerian Belia dan Sukan bersifat inklusif melibatkan para wanita, orang kelainan upaya (OKU) dan kanak-kanak tanpa mengira latar belakang bangsa atau agama. Inisiatif Kementerian adalah seperti berikut:

- (a) pelaksanaan hari khas untuk wanita menggunakan gimnasium rakyat seminggu sekali di 30 gimnasium rakyat seliaan Jabatan Belia dan Sukan Negara di seluruh negara;
- (b) program sukan wanita dan veteran dilaksanakan di lapan negeri terpilih di seluruh Malaysia dengan sasaran penyertaan sekurang-kurangnya 500 peserta di setiap program;
- (c) RM299,200.00 telah diperuntukkan untuk setengah tahun pertama 2019 bagi pelaksanaan program ini dengan segmentasi Fun Walk 3km, Awareness dan Active & Creative termasuklah ceramah kesihatan, pemeriksaan kesihatan, aktiviti kecergasan dan sukan rakyat. Sehingga April 2019, seramai 3,761 orang telah menyertai program ini; dan
- (d) Kementerian turut merancang untuk mengadakan Women Sports Challenge di peringkat zon seluruh Malaysia pada tahun 2020. Program ini menyasarkan penyertaan seramai 2600 orang peserta berbentuk pertandingan bola jaring, bola tampar dan silat yang boleh disertai oleh golongan anak muda dari peringkat sekolah rendah dan wanita.

## **NO SOALAN: 49**

5. Kementerian Belia dan Sukan juga turut menyokong penuh dan mengalu-alukan inisiatif daripada mana-mana pihak seperti Kerajaan Negeri/ Pihak Berkuasa Tempatan dan Agensi Swasta untuk membantu menyediakan infrastruktur dan kemudahan sukan khususnya bagi kegunaan wanita Islam dan rakyat Malaysia amnya.

Sekian, terima kasih.

**NO SOALAN: 50**

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN NEGARA  
MESYUARAT KEDUA 2019, PENGGAL KEDUA,  
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

**PERTANYAAN : LISAN**  
**DARIPADA : YB DATUK TEO ENG TEE @ TEO KOK**  
**CHEE**  
**TARIKH : 25 JULAI 2019**

**Datuk Teo Eng Tee @ Teo Kok Chee** minta **MENTERI PERUMAHAN DAN KERAJAAN TEMPATAN** menyatakan jumlah sisa plastik yang telah dihantar ke Malaysia bagi tujuan pelupusan sejak 5 tahun kebelakangan ini dan cara pelupusan tersebut.

**JAWAPAN**

Yang di-Pertua,

1. Untuk makluman Yang Berhormat, jumlah skrap plastik (*plastic scrap*) import yang telah diluluskan oleh Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan (KPKT) setelah diambil alih daripada Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri (MITI) mulai 2 Februari 2015 adalah seperti berikut:

<b>Bil</b>	<b>Tahun</b>	<b>Jumlah Sisa Plastik Diimport (Tan)</b>
1.	2015	249,949
2.	2016	287,689
3.	2017	549,786
4.	2018	872,531

*(Sumber: Jabatan Perangkaan Malaysia)*

2. KPKT melalui Jabatan Pengurusan Sisa Pepejal Negara (JPSPN) hanya membenarkan pengimportan skrap plastik bernilai tinggi, bersih dan homogen (*homogeneous*) yang dijana daripada sumber perindustrian atau daripada pasca pengguna untuk tujuan kitar semula. Skrap plastik import tersebut dibeli oleh pengimport tempatan dari negara-negara maju untuk dikitar semula menjadi resin atau emping (*flakes*) yang akan dijadikan bahan mentah kepada produk baharu seperti pakaian, bekas makanan dan sebagainya. Skrap plastik tersebut diimport untuk tujuan pelupusan.

**NO SOALAN: 50**

Sekian, terima kasih.

**NO SOALAN: 51**

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN NEGARA  
MESYUARAT KEDUA 2019, PENGGAL KEDUA,  
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

**PERTANYAAN : LISAN  
DARIPADA : YB DATUK IR. YONG WUI CHUNG  
TARIKH : 25 JULAI 2019**

**Datuk Ir. Yong Wui Chung** minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan status terkini nasib pekerja pembersihan dan pengawal keselamatan kontrak yang telah ditamatkan perkhidmatan akibat pengurangan bajet Kementerian bagi tujuan tersebut.

**JAWAPAN**

Tuan Yang di-Pertua,

Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) sentiasa memandang serius isu yang berkaitan dengan pelaksanaan Kontrak Kawalan Keselamatan serta Kontrak Kebersihan Bangunan dan Kawasan di sekolah dan institusi pendidikan. Justeru, KPM telah mengambil inisiatif dengan mengkaji semula norma dan skop kontrak berdasarkan peruntukan perbelanjaan kerajaan tanpa mengetepikan kualiti perkhidmatan yang diberikan agar selari dengan dasar mengoptimumkan penggunaan sumber kewangan kerajaan seperti yang diamalkan sekarang serta berdasarkan keperluan sebenar sekolah atau institusi pendidikan yang terlibat.

Untuk makluman, kontraktor yang dilantik oleh KPM bertanggungjawab sepenuhnya dalam segala urusan pelantikan pengawal keselamatan dan pekerja kebersihan secara kontrak dengan kontraktor berkenaan. Pada kebiasaannya, kontraktor akan menggunakan khidmat pengawal keselamatan dan pekerja kebersihan sedia ada di premis yang terlibat kerana mempunyai pengalaman dalam melaksanakan Perkhidmatan Kawalan Keselamatan dan Perkhidmatan Kebersihan Bangunan dan Kawasan bagi memastikan kelancaran perkhidmatan dapat diberikan di sekolah dan institusi pendidikan. Walau bagaimanapun kontraktor baharu yang dilantik berhak memilih mana-mana pekerja sedia ada ataupun pekerja baharu yang mempunyai kemampuan untuk melaksanakan tugas berkenaan.

## **NO SOALAN: 51**

Untuk memastikan kerajaan menerima perkhidmatan yang setara dengan perbelanjaan yang diperuntukan serta memenuhi ekspektasi semua pihak, KPM sentiasa mengadakan perbincangan dan usaha sama dengan agensi-agensi kerajaan yang lain seperti Kementerian Kewangan, Kementerian Sumber Manusia dan Pertubuhan Bukan Kerajaan bagi mencari jalan penyelesaian bagi isu-isu yang melibatkan dasar dan bidang kuasa agensi-agensi yang terlibat.

Sekian, terima kasih.

**NO SOALAN: 52**

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN NEGARA  
MESYUARAT KEDUA 2019, PENGGAL KEDUA,  
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

**PERTANYAAN : LISAN**  
**DARIPADA : YB TUAN HAJI MUHAMAD BIN**  
**MUSTAFA**  
**TARIKH : 25 JULAI 2019**

**Tuan Haji Muhamad Bin Mustafa** minta **MENTERI HAL EHWAL EKONOMI** menyatakan apakah usaha Kerajaan dalam mengurangkan beban kos sara hidup golongan B40 dan M40.

**JAWAPAN**

Tuan Yang di-Pertua,

1. Sepertimana Ahli Yang Berhormat sedia maklum, Kerajaan akan terus komited untuk mengurangkan kos sara hidup dalam kalangan isi rumah B40 dengan melaksanakan beberapa inisiatif, di antaranya adalah;

- i) menangani herotan pasaran dengan menggalakkan persaingan pasaran yang lebih dinamik dan cekap, menggalakkan inovasi, meningkatkan produktiviti dan memperkukuh pertumbuhan ekonomi serta mendorong kepada kecekapan pasaran bagi meningkatkan kepuasan dan kesejahteraan pengguna;
- ii) mewujudkan lebih banyak ruang penawaran barangan dan perkhidmatan pada harga yang berpatutan dan kompetitif untuk meningkatkan kecekapan pasaran;
- iii) penguatkuasaan ke atas peraturan kawalan harga di bawah Akta Kawalan Harga dan Antipencatutan 2011 diteruskan untuk mencegah amalan pencatutan;
- iv) meningkatkan tahap konsumerisme serta subsidi yang hanya diberi kepada kumpulan sasaran bagi barangan asas terpilih berdasarkan prinsip keperluan di kalangan pengguna untuk memainkan peranan yang lebih besar dalam melaporkan amalan perniagaan tidak beretika melalui pelbagai saluran

## NO SOALAN: 52

termasuk Skwad Pengguna, persatuan pengguna, *Friends of KPDNHEP* dan sistem EZ Adu; dan

- v) dalam Bajet 2019 ada digariskan inisiatif kerajaan untuk memudahkan rakyat mendapatkan pembiayaan perumahan di mana untuk golongan berpendapatan tidak lebih RM2,300 sebulan memiliki rumah buat kali pertama, dana berjumlah RM1 bilion telah ditubuhkan oleh Bank Negara untuk pembelian rumah mampu milik berharga sehingga RM150,000. Mulai 1 Januari 2019, dana ini tersedia di AmBank, CIMB Bank, Maybank, RHB dan BSN melalui kadar pembiayaan serendah 3.5%. Ini akan turut mengurangkan jumlah bayaran ansuran bulanan kepada peminjam.

2. Selain itu, Kerajaan sentiasa prihatin membantu rakyat terutama kategori M40 bagi mengurangkan beban kos sara hidup merangkumi gender, etnik, status sosioekonomi dan kedudukan geografi. Pelbagai usaha diambil, di antaranya adalah;

- i) memperkukuhkan pemantauan dan penguatkuasaan peraturan berkaitan kawalan harga; di mana Kerajaan telah menubuhkan Majlis Tindakan Sara Hidup Negara yang bertujuan menangani isu-isu dan cabaran berhubung kenaikan kos sara hidup yang memberi kesan kepada kesejahteraan rakyat. Selain itu, Kerajaan sedang meneliti pelaksanaan inisiatif Program Barang Asas 100 (BA100) yang dijangka boleh mengurangkan harga barangan, mengurangkan peranan orang tengah dan

## **NO SOALAN: 52**

mengeluarkan sendiri barangan keperluan asas melalui program pembangunan pemborongan, peruncitan dan pertanian;

- ii) Menggalakkan penggunaan pengangkutan awam; di mana Kerajaan telah melaksanakan Pas Perjalanan Tanpa Had MY100 dan MY50 mulai 1 Januari 2019. Pas ini memberikan penjimatan apabila pengguna perkhidmatan pengangkutan awam Rapid KL, termasuk pengguna dalam kalangan isi rumah M40 (warganegara Malaysia). Pas MY100, yang berharga RM100, boleh digunakan selama 30 hari tanpa had untuk penggunaan di semua servis tren dan bas RapidKL iaitu LRT, MRT, BRT, Monorel dan bas RapidKL. Manakala pas MY50, yang berharga RM50, boleh digunakan tanpa had selama 30 hari bagi perkhidmatan bas RapidKL sahaja, termasuk bas MRT, kecuali bas BRT;
- iii) Pemberian diskaun sebanyak 20% bagi kadar tambang KTM Komuter yang dinamakan sebagai Extra20 akan memberi manfaat besar khususnya kepada pengguna KTM Komuter di bandar dan luar bandar dan telah dilancarkan pada April 2019; dan
- iv) meningkatkan penyediaan rumah mampu milik; di mana Kerajaan menerusi KPKT telah menawarkan insentif RM30,000 seunit yang memberi faedah kepada pembeli dan pemaju rumah. Skim MyHome 2 telah dilaksanakan kepada individu

## **NO SOALAN: 52**

yang berpendapatan bulanan isi rumah RM4,001 – RM6,000 untuk memiliki rumah.

3. Adalah menjadi harapan Kerajaan supaya inisiatif dan usaha ini dapat dimanfaatkan sepenuhnya oleh semua golongan rakyat terutama golongan B40 dan M40 bagi mengurangkan kos sara hidup mereka.

Sekian, terima kasih.

**NO SOALAN: 53**

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN NEGARA  
MESYUARAT KEDUA 2019, PENGGAL KEDUA,  
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

**PERTANYAAN : LISAN  
DARIPADA : YB DATUK RAZALI BIN IDRIS  
TARIKH : 25 JULAI 2019**

**Datuk Razali bin Idris** minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan apakah langkah penguatkuasaan yang telah diambil dan keberkesanannya serta berapa tangkapan sehingga kini oleh Pasukan Petugas Khas yang membabitkan 4 kementerian dan 7 agensi bagi membanteras pencerobohan nelayan asing yang menceroboh perairan negara.

**JAWAPAN**

Tuan Yang Di-Pertua,

Jawatankuasa Pasukan Petugas Khas ini telah melancarkan Operasi Bersepadu bersama agensi-agensi terlibat yang dikenali sebagai OP NAGA Siri 1/2019 yang dilancarkan pada 2 Mei 2019 hingga 31 Mei 2019. Operasi ini telah dilanjutkan dengan pelancaran OP NAGA BARAT yang diaktifkan semula pada 1 Jun 2019 disebabkan aktiviti pencerobohan Vesel Nelayan Asing (VNA) yang masih berlaku di beberapa kawasan tertentu di perairan negara. Operasi ini akan diteruskan sehingga pencerobohan VNA dapat dibenteras pada tahap yang paling minima.

Dalam Operasi Bersepadu ini sebanyak 30 buah aset telah digerakkan membabitkan lima (5) buah agensi Kerajaan iaitu Agensi Penguatkuasaan Maritim Malaysia (APMM), Tentera Laut Diraja Malaysia (TLDM), Polis Diraja Malaysia (PDRM), Jabatan Perikanan Malaysia (DOF) dan Tentera Udara Diraja Malaysia (TUDM). Jenis aset yang digerakan adalah terdiri daripada 12 buah kapal, 14 buah bot dan 4 buah pesawat.

Melalui pelaksanaan dua (2) operasi bersepadu di kawasan perairan pantai timur (Pahang, Terengganu, Kelantan), dilihat VNA telah mula beralih arah ke kawasan perairan Sabah dan Sarawak. Ini secara langsung telah menunjukkan hasil yang positif terhadap operasi bersepadu yang telah dijalankan diantara pelbagai agensi.

## **NO SOALAN: 53**

Jumlah tangkapan keseluruhan Vesel Nelayan (VN) setelah OP NAGA dilancarkan adalah sebanyak 62 buah yang membabitkan 14 buah Vesel Nelayan Tempatan (VNT) dan 48 Vesel Nelayan Asing (VNA). Daripada 48 Vesel Nelayan Asing tersebut, 46 buah daripadanya adalah daripada Vesel Nelayan Asing Vietnam manakala 2 buah lagi adalah Vesel Nelayan Asing Thailand yang melibatkan 567 krew keseluruhannya.

**NO SOALAN: 54**

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN NEGARA  
MESYUARAT KEDUA 2019, PENGGAL KEDUA,  
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

**PERTANYAAN : LISAN**  
**DARIPADA : YB DATO' FAHARIYAH BT HJ MD**  
**NORDIN**  
**TARIKH : 25 JULAI 2019**

**Dato' Fahariyah Binti Hj Md Nordin** minta **MENTERI SUMBER MANUSIA** menyatakan perancangan dan hala tuju baru sektor guna tenaga tempatan dalam sektor pertanian dan perladangan agar pergantungan kepada pekerja asing dapat dikurangkan.

**JAWAPAN**

Tuan Yang di-Pertua,

1. Pengambilan pekerja asing di dalam pasaran kerja tempatan adalah secara khususnya bagi menampung kekosongan pekerja di dalam sektor dan industri yang berintensifkan tenaga buruh kurang mahir atau tidak mahir. Penggajian pekerja asing di negara kita diluluskan untuk pekerjaan tertentu dalam enam (6) sektor sahaja iaitu sektor Pembinaan, Pertanian, Perladangan, Perkilangan, Perkhidmatan dan Pembantu Rumah Asing (PRA).

2. Berdasarkan statistik yang dikeluarkan oleh Laporan Penyiasatan Tenaga Buruh, Jabatan Perangkaan Malaysia (DOSM) sehingga 30 Jun 2019, jumlah pekerja asing dalam sektor pertanian adalah 156,334 orang manakala sektor perladangan adalah 273,079 orang.

3. Antara usaha-usaha yang telah dan sedang dilaksanakan oleh Kerajaan bagi mengurangkan kebergantungan terhadap pekerja asing adalah seperti berikut:

- (i) Menggalakkan sektor-sektor yang berintensif buruh beralih kepada penggunaan mekanisasi dan automasi bagi mengurangkan kebergantungan ke atas pekerja asing. Di samping itu, ia akan dapat memastikan pekerja asing tidak melebihi lima belas peratus (15%) daripada jumlah tenaga menjelang tahun 2020 seperti yang digariskan dalam Rancangan Malaysia Ke-11 (RMK11).

## NO SOALAN: 54

- (ii) Kerajaan juga turut mengenakan syarat yang ketat ke atas majikan yang ingin mengajikan pekerja asing dengan mewajibkan mereka mengiklankan kekosongan sesuatu jawatan dalam *Portal JobsMalaysia* dan berusaha mendapatkan pekerja tempatan terlebih dahulu. Setelah terbukti tiada pekerja tempatan yang berminat baharulah Jabatan Tenaga Kerja (JTK) mengeluarkan Sijil Perakuan Pengesahan Majikan. Pendekatan ini adalah bagi memastikan keutamaan mengisi sesuatu kekosongan jawatan diberikan terlebih dahulu kepada rakyat tempatan. Hanya jawatan yang tidak dapat diisi oleh pekerja tempatan sahaja dibenarkan untuk mengajikan pekerja asing;
- (iii) Meningkatkan aktiviti pemeriksaan berkanun terhadap majikan bagi memastikan majikan mematuhi undang-undang dan kebajikan pekerja terus terpelihara;
- (iv) Menambahbaikkan sistem pengurusan pekerja asing sedia ada bagi tujuan pemantauan penggajian pekerja asing di semua sektor melibatkan semua agensi Kerajaan yang berkaitan agar pemantauan yang lebih berkesan dapat dijalankan;
- (v) Syarat-syarat permohonan pekerja asing diperketatkan dari segi penetapan nisbah pengambilan berdasarkan komposisi pekerja tempatan dan pekerja asing;
- (vi) Jabatan Tenaga Kerja (JTK) akan membuat saringan bagi memastikan hanya majikan yang berkeupayaan (*genuine*) dan

## NO SOALAN: 54

mematuhi standard perburuhan seperti pematuhan gaji minimum, menyediakan kemudahan kediaman berserta kemudahan asas dan tiada rekod pelanggaran kes buruh sahaja dipertimbangkan memohon pekerja asing;

(vii) Menambahbaikkan sistem pengurusan pekerja asing sedia ada bagi tujuan pemantauan penggajian pekerja asing di semua sektor melibatkan semua agensi Kerajaan yang berkaitan agar pemantauan yang lebih berkesan dapat dijalankan; dan

(viii) Menyediakan *exit policy* penggajian pekerja asing melalui pelaksanaan pelan latihan kemahiran kepada pekerja warganegara, memberi keutamaan kepada mekanisme *Industrialised Building System* (IBS) dalam sektor pembinaan, peralihan kepada intensif automasi dan mekanisasi, restoran berkonsepkan *self-service* dan sebagainya.

Tuan Yang di-Pertua,

4. Bagi perancangan dan hala tuju baru dalam sektor pertanian dan perladangan adalah di bawah bidang kuasa Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani.

**NO SOALAN: 55**

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN NEGARA  
MESYUARAT KEDUA 2019, PENGGAL KEDUA,  
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

**PERTANYAAN : LISAN  
DARIPADA : YB DATUK THEODORE DOUGLAS LIND  
TARIKH : 25 JULAI 2019**

**Datuk Theodore Douglas Lind** minta **MENTERI PENGANGKUTAN** menyatakan adakah Kementerian sudah bersedia untuk mengadakan rancangan yang terperinci untuk memindahkan Lapangan Terbang Antarabangsa Kota Kinabalu (KKIA) ke satu kawasan yang sesuai untuk memenuhi permintaan trafik udara dan penumpang yang akan bertambah di masa akan datang.

**JAWAPAN**

Yang di-Pertua,

1. Untuk makluman Yang Berhormat, Lapangan Terbang Antarabangsa Kota Kinabalu (KKIA) sedia ada direkabentuk untuk menampung pengendalian 9 juta penumpang setahun (mppa). Jumlah penumpang yang telah dikendalikan pada tahun 2018 di KKIA telah mencapai sebanyak 8.6 juta penumpang iaitu hampir 95% daripada kapasiti sedia ada. Malaysia Airports Holdings Berhad (MAHB) sebelum dari ini telah mengunjurkan kapasiti KKIA dijangka akan mencapai had kapasiti maksimum pada tahun 2021.
2. Pada ketika ini, Kerajaan tidak mempunyai sebarang perancangan untuk memindahkan KKIA ke lokasi yang baharu mengambil kira pelaburan sebanyak RM1.6 billion pada tahun 2006 yang telah dibuat oleh Kerajaan untuk menaiktaraf lapangan terbang tersebut.
3. Sehubungan itu, Kerajaan mempunyai perancangan untuk menaiktaraf KKIA bagi meningkatkan lagi kapasiti sedia ada bagi menampung perkembangan industri penerbangan. Satu Kajian Pelan Induk mengenai pembesaran KKIA akan dijalankan oleh Malaysia Airports Holdings Berhad dan pihak perunding kajian dijadualkan akan dilantik pada bulan Ogos 2019. Kajian tersebut akan mengambil masa selama 7 bulan dan dijangka siap pada suku kedua tahun 2020. Hasil kajian ini akan menentukan samada KKIA ini akan diperbesarkan atau dipindahkan ke satu tempat yang sesuai.

## **NO SOALAN: 55**

4. Dalam pada itu, Kementerian ini juga mengambil maklum bahawa Sabah Economic Development and Investment Authority (SEDIA) sedang menjalankan Kajian Pelan Induk untuk Hub Penerbangan Dan Logistik Fret Udara di Sabah. Kajian ini menggariskan beberapa opsyen sama ada menaiktaraf KKIA sedia ada atau memindahkan KKIA ke lokasi baru. Namun demikian, kajian ini masih berjalan dan di peringkat Laporan Draf Akhir. Kerajaan akan meneliti cadangan kajian setelah ianya dimuktamad dan dikemukakan oleh SEDIA.

Sekian, terima kasih.

**NO SOALAN: 56**

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN NEGARA  
MESYUARAT KEDUA 2019, PENGGAL KEDUA,  
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

**PERTANYAAN : LISAN  
DARIPADA : YB DATO' ONG CHONG SWEN  
TARIKH : 25 JULAI 2019**

**Dato' Ong Chong Swen** minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan :-

- (a) apakah justifikasi Kerajaan dalam usaha dekriminasi penagih dadah dan mentakrifkan penagih dadah sebagai pesakit dan adakah pentakrifan baru ini betul-betul dapat membantu penagih dadah; dan
- (b) apakah langkah-langkah Kerajaan dalam menangani kes jenayah yang dilakukan oleh penagih dadah dan adakah penagih dadah akan dikecualikan daripada menerima hukuman setelah ditakrifkan sebagai pesakit seperti kes-kes pesakit masalah jiwa.

**JAWAPAN**

Tuan Yang Dipertua,

Pendekatan Kerajaan berkaitan *decriminalization* adalah beranggapan bahawa penagih adalah sebagai pesakit dan penagihan adalah satu penyakit dimana proses kepulihannya adalah sepanjang hayat. Justeru, *decriminalization* untuk penagih dadah ini adalah diharap dapat memberi peluang kedua kepada penagih dadah terutamanya yang telah pulih dalam membina semula kehidupan mereka. Walaubagaimanapun, Kementerian ini kekal dengan pendirian pemilikan dadah masih menjadi satu kesalahan jenayah. Mentakrifkan penagih sebagai pesakit diharap dapat membuang stigma masyarakat terhadap penagih dadah sebagai bekas banduan / penjenayah dan sebagainya seterusnya memudahkan penagih-penagih ini kembali kepada masyarakat.

Kementerian Dalam Negeri (KDN) melalui Agensi Antidadah Kebangsaan (AADK) membantu penagih dadah melalui konsep perkhidmatan “*open access services*” yang dilaksanakan melalui:

- (i) Model *Cure and Care* yang dipraktiskan di Klinik Cure & Care, AADK yang menekankan proses kemasukan dan penyediaan perkhidmatan secara sukarela, tanpa melalui proses perundangan dan pelaksanaan program mengikut keperluan kepulihan klien;
- (ii) Memberi keutamaan kepada hak-hak klien untuk mendapatkan perkhidmatan; dan

## **NO SOALAN: 56**

- (iii)** Peluang kepada penyalahguna dan penagih dadah untuk mendapatkan perkhidmatan.

Mengikut statistik AADK, sehingga 8 Julai 2019, jumlah keseluruhan klien AADK yang direkodkan adalah seramai 2,632 orang. Bagi kemasukan klien melalui perintah mahkamah dibawah seksyen 6(1)(a) adalah seramai 2,095 orang berbanding dengan kemasukan secara sukarela dibawah seksyen 8(3) cuma seramai 537 orang. Ini menunjukkan bahawa masih ramai penagih yang enggan datang secara sukarela untuk mendapatkan rawatan di AADK.

Bagi menjawab soalan kedua, beberapa kriteria diambil kira oleh pihak Kerajaan untuk mengenal pasti kes jenayah yang dilakukan oleh penagih dadah. Antara langkah-langkah tindakan oleh pihak kerajaan melalui AADK dan PDRM adalah seperti berikut;-

- (i)** Profil penagih dadah yang disimpan juga memasukkan sejarah penglibatan penagih dalam kesalahan jenayah untuk rujukan;
- (ii)** Penagih didaftarkan di dalam rekod jenayah khususnya di bawah seksyen 15 Akta Dadah Berbahaya 1952;
- (iii)** Setakat ini, kaedah rawatan mandatori kepada penagih dadah dapat dilaksanakan melalui perintah mahkamah;
- (iv)** Penguatkuasaan syarat-syarat pengawasan kepada Orang Kena Pengawasan (OKP);

## **NO SOALAN: 56**

- (v)** Pemilikan dadah untuk kegunaan sendiri adalah sesuatu kesalahan yang boleh dijatuhkan hukuman sebagaimana yang termaktub di dalam Akta Dadah Berbahaya (ADB) 1952;

Bagi kes-kes dimana pengidap tersebut dikenalpasti mempunyai masalah kesihatan mental maka ia akan dirujuk kepada Unit Psikiatri di hospital Kerajaan untuk menjalani rawatan.

**NO SOALAN: 57**

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN NEGARA  
MESYUARAT KEDUA 2019, PENGGAL KEDUA,  
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

**PERTANYAAN : LISAN  
DARIPADA : YB TUAN MANOLAN BIN MOHAMAD  
TARIKH : 25 JULAI 2019**

**Tuan Manolan bin Mohamad** minta **MENTERI KESIHATAN** menyatakan bentuk kerjasama yang boleh diambil di antara JAKOA dan hospital Kerajaan untuk memudahkan para pesakit Orang Asli yang menerima rawatan kerana ada hospital yang meminta surat jaminan (Guarantee Letter) JAKOA dari pesakit untuk mendapatkan pengecualian kos perubatan dan pendaftaran.

**JAWAPAN**

**Yang di-Pertua,**

Untuk makluman, masyarakat Orang Asli di Semenanjung Malaysia adalah dikecualikan daripada bayaran rawatan hospital semasa mendapat rawatan di wad kelas tiga dan juga di Jabatan Pesakit Luar Am / Pakar di bawah Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM). Walau bagaimanapun, untuk menikmati kemudahan pengecualian rawatan tersebut, pesakit-pesakit berkenaan perlu membawa dan memberikan surat pengenalan diri yang dikeluarkan oleh Pejabat Jabatan Kemajuan Orang Asli (JAKOA) sebagai dokumen pengenalan diri. Bagi kes-kes kecemasan yang memerlukan rawatan serta merta, pesakit dibenarkan masuk tanpa mengemukakan *guarantee letter* (GL). Waris pesakit boleh mengemukakan GL JAKOA dalam tempoh 24 jam untuk membolehkan pesakit menikmati pengecualian rawatan.

Sekian, terima kasih.

**NO SOALAN: 58**

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN NEGARA  
MESYUARAT KEDUA 2019, PENGGAL KEDUA,  
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

**PERTANYAAN : LISAN**  
**DARIPADA : YB DATUK LEE TIAN SING**  
**TARIKH : 25 JULAI 2019**

**Datuk Lee Tian Sing** minta **MENTERI SUMBER MANUSIA** menyatakan justifikasi mengenai keperluan penguasaan bahasa ketiga dalam memenuhi permintaan sektor pekerjaan khususnya sektor swasta di negara ini dan apakah inisiatif Kementerian dalam menangani polemik diskriminasi peluang pekerjaan yang melanda di sektor swasta.

**JAWAPAN**

Tuan Yang di-Pertua,

1. Keperluan penguasaan bahasa adalah bergantung kepada sesuatu pekerjaan yang ditawarkan dan berasaskan budi bicara majikan sepenuhnya.
2. Kementerian Sumber Manusia (KSM) sedang dalam usaha meminda Akta Kerja 1955 (Akta 265) dengan mentakrif diskriminasi dalam kerjaya, pekerjaan dan memasukkan larangan diskriminasi terhadap pekerja sebagai salah satu cadangan pindaan. Melalui cadangan pindaan ini, mana-mana majikan yang mengamalkan diskriminasi dalam pekerjaan boleh didakwa atas kesalahan tersebut dan boleh dikenakan penalti jika sabit kesalahan.
3. Bab khusus berkaitan larangan diskriminasi dicadang dimasukkan dalam pindaan Akta Kerja 1955, yang akan merangkumi diskriminasi skop jantina, agama, bangsa atau ketidakupayaan, selaras dengan saranan daripada Pertubuhan Buruh Antarabangsa melalui *Discrimination (Employment and Occupation) Convention No. 111 (1998)*. Walau bagaimanapun, keperluan khusus sesuatu pekerjaan itu bukanlah satu bentuk diskriminasi.

**NO SOALAN: 59**

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN NEGARA  
MESYUARAT KEDUA 2019, PENGGAL KEDUA,  
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

**PERTANYAAN : LISAN  
DARIPADA : YB TUAN ALAN LING SIE KIONG  
TARIKH : 25 JULAI 2019**

**Tuan Alan Ling Sie Kiong** minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan apakah tindakan Kementerian bagi menangani isu permasalahan pengedaran dan penyalahgunaan dadah serta isu judi haram di Sarawak.

**JAWAPAN**

Tuan Yang di-Pertua,

Kementerian Dalam Negeri melalui PDRM setiasa komited dalam usaha membanteras kegiatan pengedaran dan penagihan dadah di seluruh negara termasuk di kawasan luar bandar. PDRM sentiasa mengambil pendekatan yang holistik dalam usaha membendung masalah pengedaran dan penyalahgunaan dadah di kawasan luar bandar melalui langkah-langkah seperti berikut :-

- 1) Bekerjasama dengan masyarakat melalui pengkongsian maklumat dengan melaksanakan Program Kepolisan Masyarakat (Community Policing). Melalui program ini, platform “One Stop Committee” (OSC) digunakan untuk merekodkan maklumat dadah bagi diambil tindakan segera;
- 2) Meningkatkan kerjasama dengan pelbagai agensi Kerajaan/Swasta, Pejabat Daerah, NGO, Persatuan Penduduk, JKKK dan masyarakat dalam pengkongsian maklumat serta operasi bersama;
- 3) Menjalankan Operasi Sarang selepas mengenalpasti sarang-sarang penagih dan juga pengedar-pengedar dadah di kawasan luar bandar bagi membanteras kegiatan penagihan dan pengedaran dadah;
- 4) Mempertingkatkan tindakan penguatkuasaan bagi mengesan dan menangkap serta mengambil tindakan undang-undang ke atas

## **NO SOALAN: 59**

individu atau sindiket pengedaran dadah melalui tindakan undang-undang dibawah Akta Dadah Berbahaya 1952 dan Akta Dadah Berbahaya (Langkah-Langkah Pencegahan Khas) 1985;

- 5) Memperkasakan program-program pemulihan dadah di bawah AADK melalui pelan rawatan dan pemulihan yang komprehensif dan terkini;
- 6) Memperkasakan jalinan kerjasama dengan rakan strategik di bawa Pusat Pemulihan Dadah Persendirian (PPDP) melalui penyediaan dana yang mencukupi oleh Kerajaan dalam menyokong usaha bersama memerangi gejala penyalahgunaan dadah; dan
- 7) Mengadakan ceramah dan pameran berkaitan dadah kepada masyarakat terutamanya di luar bandar bagi memberi pengetahuan dan kesedaran berkaitan bahayanya dadah.

Ahli Yang Berhormat sekalian,

Bagi isu judi haram pula, berdasarkan statistik daripada PDRM, sebanyak 3,197 serbuan ke atas pusat-pusat perjudian tidak berlesen telah berjaya dilakukan di negeri Sarawak bagi tahun 2018 hingga 31 Jun 2019. Kejayaan operasi berkenaan telah menyebabkan 4087 orang telah ditangkap, 1340 unit mesin perjudian dan wang tunai RM1,099,638 telah turut dirampas.

Dalam hal ini, PDRM akan terus melakukan tindakan penguatkuasaan bagi membanteras sindiket perjudian tidak berlesen sehingga membawa kepada penutupan premis berkenaan.

## **NO SOALAN: 59**

Pada masa yang sama, Kementerian Dalam Negeri juga telah turut dilibatkan dalam kajian undang-undang berkaitan perjudian yang sedang dijalankan oleh Kementerian Kewangan Malaysia (MOF) untuk ditambah baik supaya sentiasa selaras dengan perkembangan semasa.

**NO SOALAN: 60**

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN NEGARA  
MESYUARAT KEDUA 2019, PENGGAL KEDUA,  
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

**PERTANYAAN : LISAN**  
**DARIPADA : YB PUAN SOPIAH BINTI SHARIF**  
**TARIKH : 25 JULAI 2019**

**Puan Sopiah binti Sharif** minta **MENTERI KESIHATAN** menyatakan adakah benar terdapat pengamal perubatan dari kalangan warga asing yang bekerja di Malaysia dan beroperasi secara tidak sah. Sekiranya benar, bilangan yang telah dikesan dan tindakan yang telah diambil terhadap mereka.

**JAWAPAN**

**Yang di-Pertua,**

Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) melalui Majlis Perubatan Malaysia (MMC) adalah bertanggungjawab untuk mendaftar dan melesenkan pengamal perubatan di bawah Akta Perubatan 1971 (Akta 50). Buat masa ini, MMC tidak mengesan sama ada terdapat pengamal perubatan warga asing yang bekerja di Malaysia dan beroperasi dengan tidak mematuhi Akta Perubatan 1971 (Akta 50) tersebut.

Dalam hal ini, orang awam boleh mengemukakan aduan dan menyalurkan maklumat berkaitan mana - mana pengamal perubatan yang tidak berlesen agar tindakan sewajarnya dapat diambil oleh KKM bagi memastikan kepatuhan kepada peruntukan undang- undang yang dikuatkuasakan oleh KKM.

Sekian, terima kasih.

**NO SOALAN: 61**

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN NEGARA  
MESYUARAT KEDUA 2019, PENGGAL KEDUA,  
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

**PERTANYAAN : LISAN  
DARIPADA : YB TUAN AKNAN EHTOOK  
TARIKH : 25 JULAI 2019**

**Tuan Aknan Ehtook** minta **MENTERI INDUSTRI UTAMA** menyatakan sejauh manakah kejayaan usaha Kementerian untuk meningkatkan penggunaan minyak sawit dalam kalangan rakyat tempatan. Adakah khidmat nasihat yang diperolehi dari pakar pemakanan berjaya membantu meningkatkan keyakinan pengguna terhadap kebaikan minyak sawit.

**JAWAPAN**

Tuan Yang Di-Pertua,

Sepertimana Yang Berhormat sedia maklum, Kementerian telah melancarkan Kempen Sayangi Sawitku yang telah dirasmikan oleh YAB Perdana Menteri pada 24 Mac 2019 yang lalu. Kempen Sayangi Sawitku ini yang akan diadakan sepanjang tahun 2019 adalah bertujuan untuk memberi kesedaran kepada rakyat Malaysia mengenai kebaikan dan khasiat minyak sawit dan juga cabaran yang dihadapi oleh komoditi sawit. YAB Perdana Menteri semasa perasmian tersebut juga telah menyebut untuk mengambil sesudu minyak sawit untuk menggalakkan rakyat Malaysia terhadap penggunaan minyak sawit negara. Disamping itu, kempen ini juga adalah untuk mempertahankan komoditi sawit dan menjadikan rakyat Malaysia sebagai jurucakap sawit melalui pendekatan dengan izin '*from Malaysia, we speak to the world*'.

Pelbagai aktiviti dan program di peringkat domestik dan antarabangsa telah dijalankan seperti publisiti video dan poster Kempen Sayangi Sawitku di KLIA, publisiti melalui *in-flight magazine* oleh MAS, Air Asia dan Malindo, program tanam semula pokok hutan dan konservasi Orang Utan dan Gajah Pygmy di Sabah, sesi taklimat dan pameran produk sawit di Parlimen, *Student Ambassador Programme*, pertandingan memasak menggunakan minyak sawit, sesi kunjungan dan penerangan kepada Menteri Kabinet dan Ketua Menteri yang berkaitan, pertandingan atas talian dan lain-lain. Bagi melaksanakan aktiviti-aktiviti Kempen Sayangi Sawitku yang telah dirangka, Kementerian telah memperuntukkan sebanyak RM6 juta pada tahun ini.

## **NO SOALAN: 61**

Tuan Yang Dipertua,

Sebenarnya, masih terlalu awal untuk mengukur prestasi pelaksanaan kempen ini memandangkan ianya masih berjalan sehingga ke akhir tahun ini. Walau bagaimanapun, Kementerian sedang menjalankan pemerhatian dan bancian bagi mengukur keberkesanan kempen ini dalam membantu meningkatkan industri sawit negara. Didapati pada masa ini, lebih ramai rakyat Malaysia daripada pelbagai lapisan masyarakat telah tampil untuk menyuarakan sokongan terhadap industri sawit negara termasuk pemimpin utama negara, tokoh korporat, personaliti media, ketua masyarakat, pelajar dan lain-lain. Manakala industri lain seperti penerbangan, pelancongan dan hiburan juga turut bekerjasama menjayakan kempen ini melalui penajaan dan publisiti. Adalah penting bagi seluruh rakyat Malaysia untuk menunjukkan rasa kecintaan kepada produk komoditi negara dan mempertahankannya dari sebarang serangan dari pihak luar.

Sekian, terima kasih.

**NO SOALAN: 62**

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN NEGARA  
MESYUARAT KEDUA 2019, PENGGAL KEDUA,  
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

**PERTANYAAN : LISAN**  
**DARIPADA : YB DATUK MOHAN A/L THANGARASU**  
**TARIKH : 25 JULAI 2019**

**Datuk Mohan a/l Thangarasu** minta **MENTERI PERTAHANAN** menyatakan mengenai kenyataan rasmi pihak Kementerian berhubung kelewatan pesawat MH002 pada malam 15 Jun 2019 yang sepatutnya membawa YB Menteri Pertahanan untuk singgah berjumpa dengan YAB Perdana Menteri di London dan apakah rasional di sebalik tindakan pihak Kementerian untuk menggunakan dokumen rasmi Kerajaan bagi mengeluarkan suatu kenyataan yang seolah-olah bertujuan untuk mengutuk dan memalukan syarikat penerbangan rasmi negara hanya kerana masalah yang timbul akibat isu teknikal yang melibatkan keselamatan YB Menteri Pertahanan sendiri.

**NO SOALAN: 62**

**JAWAPAN**

Tuan Yang Dipertua,

Perkara ini telah diselesaikan selepas saya mengadakan pertemuan dengan Ketua Pegawai Eksekutif (CEO) MAS, iaitu sehari selepas saya mengeluarkan kenyataan bagi mendapat penjelasan berhubung dengan kelewatan berkenaan. Saya tiada niat untuk memalukan syarikat penerbangan rasmi negara.

**NO SOALAN: 63**

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN NEGARA  
MESYUARAT KEDUA 2019, PENGGAL KEDUA,  
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

**PERTANYAAN : LISAN  
DARIPADA : YB PUAN LIM HUI YING  
TARIKH : 25 JULAI 2019**

**Puan Lim Hui Ying** minta **MENTERI PEMBANGUNAN WANITA, KELUARGA DAN MASYARAKAT** menyatakan perancangan Kementerian untuk membantu kanak-kanak autisme.

**JAWAPAN**

Tuan Yang di-Pertua,

Orang Kurang Upaya (OKU) merupakan salah satu daripada kumpulan sasar Kementerian yang sentiasa diberi keutamaan dan hak untuk mendapatkan perkhidmatan dan keistimewaan yang ditawarkan oleh Kerajaan.

Bagi memastikan hak OKU terpelihara, perancangan ke arah memperkasa OKU dibuat secara berkala mengikut kesesuaian tempoh sama ada jangka pendek atau panjang dengan berlandaskan kepada sumber utama iaitu Dasar Orang Kurang Upaya, Akta Orang Kurang Upaya 2008 dan Pelan Tindakan OKU 2016-2022. Perancangan ini meliputi pelbagai kategori OKU termasuk autisme dan merentasi pelbagai agensi sama ada kerajaan, swasta dan NGO.

Selaras dengan Pelan Tindakan Orang Kurang Upaya 2016-2022, pencapaian status tindakan bagi program dan aktiviti oleh setiap badan peneraju turut dipantau bagi memastikan setiap perancangan yang telah dipersetujui dapat disempurnakan mengikut perancangan dan sasaran yang telah ditetapkan.

Antara perancangan yang telah berjaya dilaksanakan berkaitan autisme adalah :

- i) **Kad OKU Sub Kategori Pembelajaran:**

## **NO SOALAN: 63**

Kad OKU Sub Kategori Pembelajaran telah dilancarkan pada 7 Mac 2019. Melalui inisiatif ini, OKU Masalah Pembelajaran dikenali sebagai OKU Pembelajaran terbahagi kepada enam sub kategori iaitu Global Development Delay (GDD), Sindrom Down, Attention Deficit Hyperactivity Disorder (ADHD), Austisme, Intellectual and Specific Learning Disability.

Perubahan ini bertujuan untuk mewujudkan persekitaran yang lebih positif kepada OKU Pembelajaran selain dapat memastikan program pemulihan dapat dilaksanakan dengan lebih fokus dan berstruktur selaras dengan kategori kurang upaya pembelajaran yang telah dikenal pasti.

Kementerian turut bekerjasama dengan Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) untuk menambah baik pelaksanaan Dasar Penolakan Sifar (Zero Reject Policy) bagi Murid Berkeperluan Khas di sekolah KPM dengan pelancaran inisiatif sub kategori OKU Pembelajaran ini.

ii) **Garis Panduan Autisme Polis Diraja Malaysia (PDRM)**

Garis panduan ini telah dilancarkan pada Sambutan Hari Polis Ke-212 pada 25 Mac 2019. Ia merupakan satu kejayaan signifikan PDRM dengan mendapat kerjasama KPWKM dan agensi berkaitan bagi meningkatkan kesedaran mengenai autisme dan kemahiran mengendalikan kes melibatkan individu autisme di kalangan pegawai PDRM.

**NO SOALAN: 64**

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN NEGARA  
MESYUARAT KEDUA 2019, PENGGAL KEDUA,  
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

**PERTANYAAN : LISAN  
DARIPADA : YB DATO' SRI TI LIAN KER  
TARIKH : 25 JULAI 2019**

**Dato' Sri Ti Lian Ker** minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan rasional dan justifikasi peningkatan pengambilan matrikulasi untuk pelajar Bumiputera yang dilaksanakan tidak akan menjejaskan nasib pelajar bukan Bumiputera untuk mendapat peluang pendidikan di universiti awam. Sejauh manakah Kementerian menilai penambahan penempatan ini dapat menghasilkan graduan berkualiti yang memenuhi permintaan pasaran pekerjaan pada masa akan datang.

**JAWAPAN**

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) mengamalkan prinsip meritokrasi dalam kemasukan pelajar ke institusi pendidikan tinggi awam (IPTA) bermula dari Sesi 2002/2003. Semua calon yang layak dengan markah merit tertinggi tanpa mengira kaum, agama, negeri, taraf hidup dan tempat tinggal diberi peluang untuk mengikuti pengajian di IPTA. Calon-calon yang layak dan memenuhi Syarat Am, Syarat Khas program pengajian serta kriteria pemilihan yang telah ditetapkan akan dipertimbangkan berdasarkan kepada pilihan program pengajian yang dipohon. Oleh itu, tidak timbul persoalan keutamaan kepada mana-mana kategori kelayakan di dalam pemilihan kemasukan pelajar ke Institusi Pendidikan Tinggi Awam. Semua calon perlu memenuhi syarat am dan syarat khas program pengajian yang ditetapkan oleh Senat Universiti masing-masing.

Proses pemilihan pelajar bergantung kepada pengiraan markah merit 90 peratus markah akademik dan 10 peratus markah kokurikulum. Markah akademik bagi kedua-dua lepasan Sijil Tinggi Persekolahan Malaysia (STPM) dan Matrikulasi adalah berdasarkan Purata Nilai Gred Keseluruhan (PNGK) yang diperolehi oleh calon yang memohon. Kejayaan mendapat tempat di universiti awam bergantung sepenuhnya kepada markah merit, tempat yang disediakan serta kelayakan calon dan bukannya bergantung kepada kategori calon tersebut.

**NO SOALAN: 64**

Sekian, terima kasih.

**NO SOALAN: 65**

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN NEGARA  
MESYUARAT KEDUA 2019, PENGGAL KEDUA,  
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

**PERTANYAAN : LISAN**  
**DARIPADA : YB TUAN SURESH SINGH A/L RASHPAL**  
**SINGH**  
**TARIKH : 25 JULAI 2019**

**Tuan Suresh Singh a/l Rashpal Singh** minta **PERDANA MENTERI** menyatakan sama ada pihak Kerajaan akan menggubal satu undang-undang berkenaan penghinaan mahkamah (Contempt of Court) supaya ia dapat memberikan definisi yang lebih jelas.

**JAWAPAN**

Kerajaan sedang menjalankan kajian mengenai kebolehlaksanaan penggubalan suatu undang-undang khusus tentang penghinaan mahkamah (*contempt of court*) dengan mendapatkan input daripada Badan Kehakiman dan pihak-pihak berkepentingan yang lain.

Skop kajian meliputi perkara yang berikut:

- (a) jenis dan kewajaran undang-undang mengenai penghinaan mahkamah yang sedia ada di Malaysia;
- (b) kajian perbandingan dengan perundangan yang serupa di negara luar dan mempertimbangkan sama ada amalan dan peruntukan undang-undang negara luar itu sesuai dan wajar digubal dan dilaksanakan di Malaysia;
- (c) kajian mengenai permasalahan skop penghinaan mahkamah dan memperuntukkan hukuman yang berpadanan; dan
- (d) penggubalan suatu undang-undang mengenai penghinaan mahkamah yang sesuai, sekiranya wajar.

Terdapat keperluan untuk mengkaji undang-undang khusus mengenai penghinaan mahkamah bagi menambah baik peruntukan undang-undang sedia ada berkaitan dengan pernyataan bersifat penghinaan yang berlaku di hadapan mahkamah (*in the face of the court*) dan di luar mahkamah.

## **NO SOALAN: 65**

Hasil kajian ini akan dipertimbangkan sebelum keputusan dibuat untuk menggubal suatu undang-undang khusus mengenai penghinaan mahkamah.

**NO SOALAN: 66**

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN NEGARA  
MESYUARAT KEDUA 2019, PENGGAL KEDUA,  
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

**PERTANYAAN : LISAN**  
**DARIPADA : YB DATUK MUSTAPA KAMAL BIN**  
**MOHD YUSOFF**  
**TARIKH : 25 JULAI 2019**

**Datuk Mustapa Kamal Bin Mohd Yusoff** minta **MENTERI BELIA DAN SUKAN** menyatakan apakah perkembangan terkini mengenai "Malaysian Future Leader School".

**JAWAPAN**

Tuan Yang di-Pertua,

1. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Program Sekolah Kepimpinan Masa Depan Malaysia (Malaysia Future Leaders School (MFLS)) merupakan program yang dihasratkan oleh kerajaan bagi membentuk jati diri belia yang lebih berkualiti di masa hadapan. Proses pemilihan peserta MFLS pada tahun ini dibuat melalui saringan yang dijalankan bersama di antara empat (4) agensi yang terlibat iaitu Kementerian Belia dan Sukan (KBS), Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM), Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM) dan Majlis Amanah Rakyat (MARA). Seterusnya mulai tahun 2020, peserta yang berminat untuk hadir secara sukarela, boleh mengemukakan permohonan untuk menyertai program ini.
2. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Program MFLS telah bermula pada 1 April 2019. Sehingga kini, sebanyak 4 kohort Program MFLS telah dilaksanakan melibatkan seramai 5,940 orang peserta. Program ini mensasarkan penyertaan seramai 35,000 orang pada tahun 2019 yang terdiri daripada pelajar sekolah menengah yang berumur di antara 15 hingga 17 tahun seluruh Malaysia. Ianya dilaksanakan sebanyak 15 kohort di 16 Kem Wawasan Negara/ pusat latihan terlibat di seluruh negara.

## **NO SOALAN: 66**

3. Bagi memperkenalkan program ini, Kementerian Belia dan Sukan (KBS) telah mempromosikannya melalui taklimat kepada agensi yang berkolaborasi menjayakan program ini. Antaranya ialah Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM), Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM) dan Maktab Rendah Sains Mara (MRSM).
  
4. Promosi juga dilakukan melalui Portal MFLS, media sosial, Slot Temubual Promosi di media perdana, Pra-pelancaran Program MFLS, Pelancaran MFLS dan Kapsul MFLS.

Sekian, terima kasih.

**NO SOALAN: 67**

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN NEGARA  
MESYUARAT KEDUA 2019, PENGGAL KEDUA,  
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

**PERTANYAAN : LISAN  
DARIPADA : YB PUAN RAJ MUNNI BINTI SABU  
TARIKH : 25 JULAI 2019**

**Puan Raj Munni binti Sabu** minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan penjelasan berkaitan 10000 pekerja kontrak melibatkan bangunan dan kawasan sekolah di seluruh negara yang ditamatkan kontrak dan diberhentikan tanpa notis sejak Januari selepas Kementerian melantik kontraktor baru, diikuti isu yang mendakwa kira-kira 45000 pekerja sektor Persatuan Kontraktor Bumiputera Sisa Pepejal dan Pembersihan (KOSPEM) bakal kehilangan pekerjaan setelah Kementerian Pendidikan melaksanakan format tender baru.

**JAWAPAN**

Tuan Yang di-Pertua,

Berdasarkan kepada semakan yang telah dibuat oleh pihak Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM), jumlah pengurangan pekerja yang terlibat dalam tender Kebersihan Bangunan dan Kawasan (KBK) bagi Fasa 1 dan Fasa 2 tahun 2019, adalah dianggarkan seramai 13,500 orang. Jumlah ini bukanlah seperti laporan media sebelum ini yang menyatakan seramai 45,000 orang pekerja yang ditamatkan pekerjaan.

Pengurangan ini adalah disebabkan oleh beberapa penambahbaikan bagi norma pelaksanaan dalam tender kerajaan yang lebih menjurus kepada keberhasilan perkhidmatan dan menyokong dasar *zero base budgeting*.

Dalam mendapatkan penyelesaian yang terbaik untuk menangani sebarang isu dan permasalahan yang timbul, KPM sentiasa terbuka menerima sebarang pandangan dan turut mengadakan perbincangan dan kolaborasi bersama-sama agensi kerajaan yang lain seperti Kementerian Kewangan, Kementerian Sumber Manusia dan Pertubuhan Bukan Kerajaan bagi memastikan agar perkhidmatan ini dapat dilaksanakan dengan berkesan.

Sekian, terima kasih.

**NO SOALAN: 68**

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN NEGARA  
MESYUARAT KEDUA 2019, PENGGAL KEDUA,  
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

**PERTANYAAN : LISAN  
DARIPADA : YB TUAN KHAIRUL AZWAN HARUN  
TARIKH : 25 JULAI 2019**

**Tuan Khairul Azwan Harun** minta **MENTERI TENAGA, SAINS, TEKNOLOGI, ALAM SEKITAR DAN PERUBAHAN IKLIM** menyatakan apakah langkah tambahan pihak berkuasa dalam menguruskan bencana akibat pencemaran kimia berikutan beberapa insiden pencemaran alam sekitar di dalam negara.

**JAWAPAN**

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat,

1. Jabatan Alam Sekitar (JAS) telah memulakan tindakan awal sejak berlakunya insiden pertama melalui pemantauan kualiti udara di sekolah-sekolah dan kawasan yang terjejas. Memandangkan punca kali ini melibatkan gas yang terapung di udara, JAS telah menjalankan siasatan penguatkuasaan ke atas kilang-kilang yang berpotensi dan berhampiran dengan sekolah-sekolah yang terlibat. Sejak insiden berlaku pada 20 Jun 2019 sehingga 12 Julai 2019, sebanyak 255 premis industri telah diperiksa dimana 136 kompaun telah dikeluarkan dan 11 premis telah diberi penahanan operasi. Manakala sebanyak 3 syor tindakan mahkamah telah dikeluarkan.
2. Kementerian Tenaga, Sains, Teknologi, Alam Sekitar dan Perubahan Iklim (MESTECC) telah meneliti perkara-perkara yang perlu ditambah baik bagi mempercepatkan tindakan khususnya melalui permerkasaan Sistem Pengawasan Kualiti Udara di Pasir Gudang. Dalam hubungan ini, MESTECC telah merangka beberapa tindakan segera bagi memastikan insiden ini tidak berulang lagi di Pasir Gudang seperti berikut:

## NO SOALAN: 68

- i. mewujudkan Stesen Pengawasan Gas Pencemar Toksik melalui pembangunan enam (6) stesen pengawasan udara automatik (*fixed station*) menggunakan alat pengesanan gas toksik *Fourier Transform Infra Red (FTIR) Spectrometer* dan satu (1) stesen pengawasan udara bergerak (*mobile station*) *Gas Chromatography Mass Spectrophotometer*;
- ii. pembelian enam (6) alat pengukuran gas toksik bergerak (*mobile*) *FTIR Spectrometer* (seperti GASMET) untuk tujuan penguatkuasaan dan pemantauan bagi memastikan kebocoran dan pelepasan gas berbahaya di premis atau punca-punca yang berpotensi di Pasir Gudang dapat dikenal pasti dan ditangani dengan segera;
- iii. kajian berkaitan *loading analysis* dan *carrying capacity* sedang dijalankan bagi menentukan kapasiti bawaan udara di Pasir Gudang bagi mengurangkan risiko pencemaran udara;
- iv. memandangkan Pasir Gudang telah menjadi hub industri terpenting di Johor dengan penempatan beberapa industri minyak sawit dan petrokimia terbesar dunia, Jabatan Alam Sekitar Cawangan Pasir Gudang juga akan diwujudkan bagi meningkatkan pengawal seliaan dan penguatkuasaan di kawasan ini; dan
- v. MESTECC melalui JAS akan mewajibkan beberapa tindakan pematuhan baharu kepada premis industri di kawasan Pasir

## **NO SOALAN: 68**

Gudang yang antara lain menetapkan agar premis industri memasang alat pemantauan pelepasan secara berterusan (*Continuous Emission Monitoring System - CEMS*).

3. Adalah diharapkan dengan semua tindakan yang telah dan akan diambil ini, kejadian seumpama ini tidak akan terus berlaku dan pengesanan awal dapat dilaksanakan bagi mengurangkan risiko risiko kesihatan awam serta kemusnahan alam sekitar akibat pencemaran alam sekitar.

Sekian, terima kasih.

**NO SOALAN: 69**

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN NEGARA  
MESYUARAT KEDUA 2019, PENGGAL KEDUA,  
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

**PERTANYAAN : LISAN**  
**DARIPADA : YB DATO' HAJI MOHD SUHAIMI BIN**  
**ABDULLAH**  
**TARIKH : 25 JULAI 2019**

**Dato' Haji Mohd Suhaimi Bin Abdullah** minta **MENTERI LUAR NEGERI** menyatakan usaha menaik taraf kedutaan besar dan pejabat konsulat negara dari segi prasarana dan kemudahan serta usaha menangani masalah kekurangan kakitangan khususnya di negara-negara yang terdapat ramai pelajar Malaysia di sana.

**JAWAPAN**

Tuan Yang di-Pertua,

Saya mengucapkan terima kasih kepada Yang Berhormat Senator Dato' Haji Mohd Suhaimi Bin Abdullah di atas pertanyaan yang dikemukakan.

Tuan Yang di-Pertua,

2. Kementerian Luar Negeri sentiasa memastikan prasarana dan kemudahan bagi setiap Kedutaan Besar, Suruhanjaya Tinggi dan Konsulat Jeneral dalam keadaan baik. Hal ini dibuktikan dengan peruntukan yang saban tahun diterima di bawah Belanja Pembangunan untuk melaksanakan projek-projek membina atau menaiktaraf premis Perwakilan Malaysia di Luar Negeri.

3. Walaupun peruntukan yang diterima tidak dapat menampung kerja-kerja membina atau menaiktaraf semua Perwakilan pada masa yang sama, namun kelulusan projek oleh Kerajaan sedikit sebanyak dapat menampung kos-kos yang terlibat bagi beberapa premis-premis Perwakilan yang mengalami kerosakan teruk seperti bangunan Kwarters *Home Based Staff* (HBS) di Kedutaan Besar Malaysia di Paris, Perancis dan Kompleks Kedutaan Besar Malaysia di Bangkok, Thailand.

4. Bagi Perwakilan-perwakilan Malaysia yang masih belum mendapat kelulusan peruntukan, Kementerian Luar Negeri telah mengambil langkah proaktif dengan menjalankan kajian teknikal, iaitu *Building Condition*

## NO SOALAN: 69

*Assessment* (BCA)<sup>1</sup> oleh perunding profesional di negara tuan rumah. Hal ini adalah bagi memastikan keadaan bangunan tersebut diselidik terlebih dahulu sebelum kaedah pembaikan bersesuaian dicadangkan, sesuai dengan keadaan cuaca serta norma kerja di negara tersebut.

5. Selain itu, Kementerian juga sedang berusaha untuk mempertingkatkan pelaksanaan kontrak pengurusan fasiliti (*facility management – FM*) terutamanya bagi Perwakilan yang berstatus kompleks iaitu yang mempunyai Bangunan Canseri, Kediaman Rasmi dan Kuarters HBS di dalam premis yang sama. Ini adalah bagi memastikan bangunan-bangunan ini diselenggara secara berkala agar aset-aset milik Kerajaan sentiasa terpelihara dan boleh berfungsi dengan baik, sama seperti FM bagi Dewan yang mulia ini.

Tuan Yang di-Pertua,

6. Berhubung masalah kekurangan kakitangan khususnya di negara-negara yang terdapat ramai pelajar Malaysia, Kementerian Luar Negeri mengambil maklum tentang masalah ini dan sentiasa berusaha untuk memastikan tahap penyampaian perkhidmatan yang terbaik kepada rakyat Malaysia di luar negara. Untuk makluman, bilangan pegawai/kakitangan Kementerian Luar Negeri yang berkhidmat di Perwakilan Malaysia di Luar Negeri adalah pada tahap yang optimum. Bilangan ini adalah berpandukan pada perjawatan yang telah ditetapkan.

---

<sup>1</sup>*Building Condition Assessment* merupakan kajian bagi menilai keadaan semasa keseluruhan bangunan yang merangkumi aspek struktur, sistem elektrik dan mekanikal bagi tujuan untuk melaksanakan kerja penambahbaikan atau penyelenggaraan terhadap sesuatu bangunan.

## **NO SOALAN: 69**

7. Sejak tahun 2009, Kerajaan melalui Surat Pekeliling Am Bil. 02/09 telah melaksanakan Sistem Pentadbiran Kerajaan Malaysia di Luar Negeri (SPKM). Melalui sistem ini, kerjasama antara pejabat-pejabat Perwakilan Malaysia di luar negeri dengan agensi-agensi dapat diperkukuhkan bagi membolehkan sumber tenaga digunakan secara optimum di samping melancarkan operasi pejabat Perwakilan Malaysia di luar negeri bagi membantu meningkatkan kecekapan dan keberkesanan sistem penyampaian perkhidmatan awam Malaysia di luar negeri.

8. SPKM juga membolehkan peranan yang dimainkan oleh Kementerian Luar Negeri di pejabat-pejabat Perwakilan Malaysia di luar negeri disokong oleh pegawai-pegawai daripada agensi-agensi seperti Jabatan Perkhidmatan Awam dan Kementerian Pendidikan. Bagi negara yang tidak mempunyai wakil daripada agensi-agensi tersebut, Kementerian sentiasa mengambil peranan menyeluruh selaras dengan tanggungjawab yang ditetapkan.

Sekian, terima kasih.

**NO SOALAN: 70**

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN NEGARA  
MESYUARAT KEDUA 2019, PENGGAL KEDUA,  
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

**PERTANYAAN : LISAN  
DARIPADA : YB DATIN RAHIMAH BINTI HAJI  
MAHAMAD  
TARIKH : 25 JULAI 2019**

**Datin Rahimah Binti Haji Mahamad** minta **MENTERI PEMBANGUNAN LUAR BANDAR** menyatakan jumlah usahawan desa yang mendapat kredit mikro bagi pembiayaan perniagaan pada tahun 2018 hingga Jun 2019 dan sejauh mana pertumbuhan sektor perniagaan mikro ini.

**JAWAPAN**

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Yang Berhormat Senator, Kementerian Pembangunan Luar Bandar telah menerima 162 permohonan pembiayaan kredit mikro pada tahun 2018 hingga Jun 2019 di bawah Skim Pembiayaan Ekonomi Desa (SPED). Daripada jumlah tersebut 123 usahawan telah diluluskan pembiayaan berjumlah RM13,609,231. Manakala permohonan yang telah diterima pada 2017 sehingga Jun 2018 adalah sebanyak 158 permohonan. Jumlah permohonan yang diterima telah meningkat sebanyak 2.5 peratus berbanding 2017 hingga Jun 2018.

Bagi Skim Pembiayaan Ekonomi Desa Nano (SPED NANO) pula, Kementerian Pembangunan Luar Bandar telah menerima sebanyak 975 permohonan dan kesemua permohonan tersebut telah diluluskan dengan jumlah pembiayaan sebanyak RM8,462,500 bagi tempoh Jun 2018 hingga Jun 2019.

Maklumat yang dikemukakan ini adalah berdasarkan sektor perniagaan kredit mikro di bawah Kementerian Pembangunan Luar Bandar sahaja kerana selain daripada Kementerian ini, skim kredit mikro juga turut dilaksanakan oleh bank-bank dan agensi-agensi kerajaan yang lain.

**NO SOALAN: 71**

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN NEGARA  
MESYUARAT KEDUA 2019, PENGGAL KEDUA,  
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

**PERTANYAAN : LISAN**  
**DARIPADA : YB DATUK HAJI ABIDULLAH BIN**  
**SALLEH**  
**TARIKH : 25 JULAI 2019**

**Datuk Haji Abidullah Bin Salleh** minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan apakah status terkini Tabung Harapan dan mengapakah hutang negara semakin bertambah walaupun pihak Kerajaan telah mengisytiharkan hasrat untuk mengurangkan hutang negara.

## NO SOALAN: 71

### JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, YB Menteri Kewangan telah mengeluarkan kenyataan media pada 16 Mei 2019 memaklumkan mengenai status penggunaan dana Tabung Harapan Malaysia (THM) ini iaitu bagi membayar hutang 1MDB sebagaimana yang telah diputuskan jawatankuasa yang mentadbir akaun amanah, iaitu Jawatankuasa Akaun Amanah THM. Mesyuarat Jawatankuasa Akaun Amanah THM Bil.1/2019 pada 24 April 2019 telah memutuskan bahawa kesemua dana THM yang berjumlah RM203,292,117.41 (termasuk faedah pelaburan yang akan diterima) digunakan bagi melunaskan sebahagian hutang 1MDB yang berjumlah RM1,704.78 juta bagi tahun 2019 dan membuat pembayaran balik sumbangan terkhilaf ke dalam akaun THM. Perincian penggunaan dana THM adalah seperti berikut:

<b>Bil.</b>	<b>Penggunaan Dana THM</b>	<b>Tarikh Pelunasan Hutang</b>	<b>Jumlah</b>	<b>Jumlah Dana THM Yang Digunakan</b>	<b>Status</b>
i.	Melunaskan sebahagian hutang 1MDB - Faedah Bon 1MDB IMTN	30 Mei 2019	RM143.75 juta	RM143.75 juta	Selesai

## NO SOALAN: 71

ii.	Melunaskan sebahagian hutang 1MDB - Faedah Bon 1MDB GIL	9 September 2019	RM277.20 juta	Baki dana THM termasuk faedah pelaburan yang akan diterima	Akan dilaksanakan pada 09 September 2019
iii.	Pembayaran balik sumbangan terkhilaf daripada empat (4) pemohon	-	RM9,457.49	RM9,457.49	Dalam proses pembayaran (dokumentasi)

Baki terkini dana THM sehingga 26 Jun 2019 termasuk faedah pelaburan tetap yang diterima adalah RM60,828,145.04.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat juga,

Secara keseluruhan, hutang dan liabiliti kerajaan adalah berjumlah RM1.1 trilion, atau sekitar **75% berbanding Keluaran Dalam Negeri Kasar (KDNK)** pada akhir tahun 2018. Jumlah ini mengambil kira hutang langsung kerajaan, komitmen jaminan yang ditanggung dan dibiayai oleh Kerajaan, serta liabiliti lain termasuk bayaran pajakan kewangan (*finance lease*) dan hutang syarikat 1MDB. Kedudukan hutang dan liabiliti kerajaan untuk tahun

## NO SOALAN: 71

2018 telah turun sebanyak 4 mata peratusan daripada 79% pada tahun 2017.

Kedudukan hutang langsung Kerajaan Persekutuan yang dikawal selia di bawah akta-akta pinjaman iaitu Akta Pinjaman (Tempatan) 1959 [Akta 637], Akta Pendanaan Kerajaan 1983 [Akta 275], Akta Pinjaman Luar Negeri 1963 [Akta 403], dan Akta Bil Perbendaharaan (Tempatan) 1946 [Akta 188] adalah **sebanyak 51% KDNK** pada akhir-2018, iaitu kekal di bawah paras 55% daripada KDNK.

Komitmen jaminan yang ditanggung dan dibiayai Kerajaan adalah sebanyak **9% berbanding KDNK** bagi akhir tahun 2018. Ia terdiri daripada tanggungan hutang sebahagian syarikat berkaitan Kerajaan yang menerima Jaminan Kerajaan bagi melaksanakan projek infrastruktur pengangkutan awam dan utiliti.

Bayaran pajakan kewangan dan liabiliti lain seperti 1MDB pula adalah sebanyak **15% berbanding KDNK** pada akhir 2018.

Bagi hutang langsung kerajaan, peningkatannya adalah disebabkan keperluan Kerajaan membiayai defisit belanjawan tahunan yang mana pinjaman dibuat untuk menampung belanja pembangunan. Pada akhir-2018, hutang langsung kerajaan adalah berjumlah RM741.0 bilion atau 51.2% daripada KDNK, lebih tinggi berbanding RM686.8 bilion atau 50.1% daripada KDNK pada akhir-2017. Peningkatan sebanyak RM54.2 bilion adalah bagi membiayai defisit pada tahun 2018.

## **NO SOALAN: 71**

Bagi komitmen jaminan yang dibuat oleh syarikat berkaitan Kerajaan pula, ia adalah bagi melaksanakan projek infrastruktur pengangkutan awam dan utiliti terutamanya untuk membiayai projek pengangkutan awam seperti East Coast Rail Link (ECRL), sistem transit aliran massa 2 (MRT2) dan transit aliran ringan 3 (LRT3) serta Lebuhraya Pan Borneo Sarawak. Ini adalah untuk membiayai projek infrastruktur sedia ada dan bukan merupakan projek baharu.

Selaras dengan pengumuman Bajet 2019 dan bagi menambah baik tadbir urus pengurusan hutang negara, Pejabat Pengurusan Hutang (DMO) dan Jawatankuasa Pengurusan Hutang telah ditubuhkan pada 15 Mei 2019. DMO akan memantau penerbitan hutang Kerajaan Persekutuan, badan berkanun dan entiti berkaitan Kerajaan secara holistik. Sebarang pinjaman sama ada dari sumber domestik atau luar negara perlu dibentangkan kepada Jawatankuasa Pengurusan Hutang terlebih dahulu. DMO dan Jawatankuasa ini bertanggungjawab untuk mengurangkan hutang kepada paras yang lebih terurus serta memastikan kemapanan hutang dalam jangka masa sederhana dan panjang.

**NO SOALAN: 72**

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN NEGARA  
MESYUARAT KEDUA 2019, PENGGAL KEDUA,  
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

**PERTANYAAN : LISAN**  
**DARIPADA : YB DATO' SRI KHAIRUDIN SAMAD**  
**TARIKH : 25 JULAI 2019**

**Dato' Sri Khairudin Samad** minta **MENTERI PEMBANGUNAN USAHAWAN** menyatakan apakah skim-skim latihan keusahawanan yang telah disediakan bagi melatih para graduan yang sudah menamatkan pengajian.

**JAWAPAN**

Tuan Yang di-Pertua,

1. Kementerian Pembangunan Usahawan (MED) melalui agensi di bawahnya telah menyediakan skim latihan bagi melatih para graduan yang sudah menamatkan pengajian seperti berikut:

- i) Skim latihan keusahawanan dan kebolehpasaran graduan di bawah *PROTÉGÉ* yang boleh dimanfaatkan oleh para graduan ialah seperti *PROTÉGÉ Uni-Preneur*, *PROTÉGÉ Business Accelerator Program*, *PROTÉGÉ Ready-To-Work (RTW)*, *PROTÉGÉ Booster* dan *PROTÉGÉ for Industry*. Program-program ini adalah untuk melatih *entrepreneurial thinking* dalam hasil kerja mereka di samping memupuk budaya dan minat untuk menjadi usahawan (*Job Creator*) berbanding mencari pekerjaan (*Job Seeker*).
- ii) Program anjuran MaGIC seperti SPARK bertujuan untuk memberikan pengalaman dan pendedahan ringkas ke arah menjadi seorang usaawan. Di samping itu, program komuniti dan jerayawara (*roadshow*) seperti *Idea Lab* dan *Startup Weekend* kepada golongan lepasan universiti dan penuntut tahun akhir institusi pengajian tinggi (IPT) seluruh negara turut dilaksanakan bagi memberi pendedahan dan inspirasi tentang keusahawanan serta pengetahuan berhubung rancangan perniagaan, prototaip dan pemasaran.

## NO SOALAN: 72

- iii) Program Skim Latihan Kerjaya Koperasi kepada graduan Kolej *iCoop* disediakan oleh Institut Koperasi Malaysia untuk memberi pengalaman *learning by doing* kepada graduan sebelum memasuki alam pekerjaan sebenar. Latihan ini dijalankan selama enam (6) bulan khusus di koperasi dan agensi koperasi.
- iv) SME Corp. turut menyediakan latihan yang berkonsepkan *bootcamp* iaitu Program Tunas Usahawan Belia Bumiputera (TUBE) untuk mempersiapkan usahawan muda dan golongan belia menceburi bidang keusahawanan. Program ini dilaksanakan dengan kerjasama lebih 30 rakan strategik meliputi pelbagai kementerian dan agensi di peringkat persekutuan dan negeri, institusi perbankan, Badan Bukan Kerajaan (NGO) serta pihak swasta.
- v) TEKUN Nasional juga turut menyediakan program berbentuk pembiayaan khusus untuk usahawan yang mempunyai sekurang-kurangnya Diploma yang diiktiraf oleh Agensi Kelayakan Malaysia (MQA) melalui Program Pembangunan Usahawan Siswazah (PPUS). Jumlah pembiayaan yang ditawarkan adalah sehingga RM50,000.00 dan tempoh pembayaran balik adalah sehingga 60 bulan.

Sekian, terima kasih

**NO SOALAN: 73**

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN NEGARA  
MESYUARAT KEDUA 2019, PENGGAL KEDUA,  
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

**PERTANYAAN : LISAN**  
**DARIPADA : YB. DATO' KESAVADAS A/L**  
**A.ACHYUTHAN NAIR**  
**TARIKH : 25 JULAI 2019**

**Dato' Kesavadas A/L A.Achyuthan Nair** minta **MENTERI TENAGA, SAINS, TEKNOLOGI, ALAM SEKITAR DAN PERUBAHAN IKLIM** menyatakan adakah Kerajaan sedang mempertimbangkan pilihan untuk memproses sisa-sisa plastik ke dalam bahan pembinaan jalan raya seperti yang dilakukan oleh negara-negara lain. Langkah ini bukan saja mengurangkan pencemaran, malah jalan raya juga akan bertambah baik. Sekiranya tiada cadangan, sila nyatakan sebab-sebab langkah ini tidak boleh dilaksanakan.

**JAWAPAN**

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat,

1. MESTECC berperanan sebagai peneraju Sains, Teknologi dan Inovasi dan telah meneliti beberapa kaedah dan teknologi dalam pembuatan jalan raya menggunakan sisa plastik. Sesi perbincangan bersama pakar dan penyelidik dari Pusat Kecemerlangan Kejuruteraan dan Teknologi (CREaTE), Jabatan Kerja Raya (JKR) di bawah Kementerian Kerja Raya (KKR), Universiti Tun Hussein Onn Malaysia (UTHM) dan Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM) telah dijalankan. Pihak MESTECC mendapati bahawa hanya beberapa kategori plastik sahaja yang boleh digunakan dalam campuran asphalt dan perlu diproses terlebih dahulu sebelum digunakan untuk pembinaan jalan raya.
2. Selain itu, aspek impak penggunaan plastik dalam pembuatan jalan raya kepada alam sekitar juga perlu dijalankan terlebih dahulu. Sehubungan itu, cadangan bagi menggunakan sisa plastik ke dalam pembinaan jalan raya perlu diteliti oleh KKR sebelum ianya dilaksanakan.

Sekian, terima kasih.

**NO SOALAN: 74**

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN NEGARA  
MESYUARAT KEDUA 2019, PENGGAL KEDUA,  
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

**PERTANYAAN : LISAN  
DARIPADA : YB TUAN ADRIAN BANIE LASIMBANG  
TARIKH : 25 JULAI 2019**

**Tuan Adrian Banie Lasimbang** minta **MENTERI PEMBANGUNAN LUAR BANDAR** menyatakan berapakah jumlah kilometer jalan kampung di Sabah telah di naik taraf melalui program Jalan Pengangkutan Desa setakat ini dan adakah teknologi terkini atau alternatif yang digunakan untuk tujuan ini.

**JAWAPAN**

Tuan Yang Di-Pertua,

Untuk makluman Yang Berhormat Senator, sepanjang tempoh pelaksanaan Rancangan Malaysia Kesebelas (RMKe-11) iaitu dari tahun 2016 sehingga 2018, pihak Kementerian telah membina/menaiktaraf sepanjang 323.60 kilometer jalan perhubungan desa di Negeri Sabah.

Pihak Kementerian mensasarkan sepanjang 40 kilometer lagi jalan perhubungan desa akan dibina/dinaiktaraf pada tahun 2019. Setakat 30 Jun 2019, pihak Kementerian telah berjaya menyiapkan 6.18 kilometer jalan dan bakinya dijangka akan siap selewat-lewatnya pada bulan Disember 2019.

Pihak Kementerian sentiasa peka dan bersedia untuk menggunakan kaedah atau alternatif baharu dalam pelaksanaan projek. Walau bagaimanapun, pelbagai faktor seperti kesesuaian lokasi dan kos perlu diambilkira serta dibuat kajian secara terperinci terlebih dahulu sebelum ianya diaplikasikan.

**NO SOALAN: 75**

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN NEGARA  
MESYUARAT KEDUA 2019, PENGGAL KEDUA,  
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

**PERTANYAAN : LISAN**  
**DARIPADA : YB DATO' ZAHARI BIN SARIP**  
**TARIKH : 25 JULAI 2019**

**Dato' Zahari bin Sarip** minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan kadar ponteng sekolah di negara ini dan apakah faktor utama kepada berlakunya gejala ini serta usaha menanganinya.

**JAWAPAN**

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, berdasarkan rekod Sistem Sahsiah Diri Murid (SSDM), peratus murid yang melakukan salah laku ponteng sekolah di Malaysia bagi tahun 2018 ialah 2.28 peratus daripada enrolmen murid seluruh Malaysia. Tiga (3) faktor utama yang menyumbang kepada masalah ponteng sekolah adalah seperti berikut:

1. Faktor diri sendiri seperti bersikap negatif terhadap pelajaran, mempunyai konsep sendiri yang lemah, tidak mempunyai dorongan dan motivasi dalam pelajaran;
2. Faktor keluarga seperti suasana rumah tangga yang menghadapi krisis, kemiskinan dan desakan bekerja untuk membantu keluarga; dan
3. Pengaruh rakan sebaya yang cenderung mempengaruhi melakukan sesuatu perkara yang negatif.

Murid yang melakukan salah laku ponteng sekolah akan dirujuk kepada guru bimbingan dan kaunseling di sekolah untuk tujuan intervensi khusus bagi mengesan punca sebenar salah laku tersebut. Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) sentiasa memandang serius dan mengambil langkah proaktif dalam menangani salah laku ponteng sekolah. Antara langkah-langkah yang telah dilaksanakan adalah:

1. Dari aspek penguatkuasaan, pihak sekolah memainkan peranan untuk menangani masalah ponteng sekolah dalam kalangan murid dengan

## **NO SOALAN: 75**

menguatkuasakan peraturan dan tindakan ke atas murid yang didapati ponteng sekolah. Pihak sekolah mengeluarkan surat amaran pertama, kedua dan amaran terakhir serta surat buang sekolah sekiranya murid masih melakukan salah laku ponteng. Guru bimbingan dan kaunseling sekolah akan mengambil tindakan dengan mengadakan sesi kaunseling individu terhadap murid bagi mengenal pasti punca masalah setiap kali surat amaran dikeluarkan. Sekiranya terdapat keperluan, ibu bapa murid dijemput untuk hadir ke sekolah bagi sesi perbincangan untuk mengatasi masalah ponteng tersebut;

2. Sebagai langkah pengukuhan, KPM telah mengeluarkan Surat Pekeliling Ikhtisas KPM Bilangan 4 Tahun 2018 bertarikh 31 Mei 2018 berkaitan Garis Panduan Mengurus Murid Berisiko Cicir (GPMBC) di sekolah. Garis panduan ini telah diedarkan ke semua sekolah kerajaan dan bantuan kerajaan bertujuan membantu pihak sekolah mengenal pasti murid berisiko cicir serta mengurus murid berisiko cicir secara berkesan dan sistematik. Selain itu, ia juga merupakan panduan kepada pihak Jabatan Pendidikan Negeri (JPN), Pejabat Pendidikan Daerah (PPD) dan sekolah dalam memastikan pemantauan secara berterusan dapat dilaksanakan bagi membantu murid-murid yang berisiko untuk cicir agar mereka kekal bersekolah sehingga tamat Tingkatan 5;
3. Pelancaran Program Ziarah Cakna dilaksanakan bertujuan memperluas konsep sekolah penyayang bagi memperkukuhkan hubungan antara sekolah dengan ibu bapa/penjaga melalui amalan ziarah guru ke rumah murid untuk bertemu dengan ibu bapa/penjaga. Melalui usaha ini, pihak sekolah dapat mengenali latar belakang murid dan punca sebenar

## **NO SOALAN: 75**

masalah ponteng supaya masalah ini dapat diatasi secara kolektif antara ibubapa dan pihak sekolah;

4. Kerjasama dengan pelbagai pihak, agensi dan komuniti setempat seperti penghulu, Jabatan Kebajikan Masyarakat, Majlis Agama Islam, Persatuan Ibu Bapa dan Guru serta agensi swasta berkaitan dilaksanakan bagi membantu murid dan keluarga terlibat dalam membantu murid bagi meneruskan pengajian di sekolah menengah; dan
5. Bagi meningkatkan kerjasama sekolah dengan ibu bapa, KPM sedang merangka Modul Intervensi Murid Berisiko Cicir 2.0 yang melibatkan ibu bapa dan komuniti setempat dalam menangani murid berisiko cicir termasuklah murid ponteng sekolah.

Sekian, terima kasih.

**NO SOALAN: 76**

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN NEGARA  
MESYUARAT KEDUA 2019, PENGGAL KEDUA,  
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

**PERTANYAAN : LISAN**  
**DARIPADA : YB DATUK ABDUL GHANI BIN**  
**MOHAMED YASSIN**  
**TARIKH : 25 JULAI 2019**

**Datuk Abdul Ghani Bin Mohamed Yassin** minta **MENTERI PERDAGANGAN DALAM NEGERI DAN HAL EHWAL PENGGUNA** menyatakan mengapa harga barangan tidak seragam di seluruh negara dan didapati harga makanan dan bahan mentah negeri Sarawak adalah yang terendah di Malaysia berbanding dengan tempat-tempat lain. Apakah kaedah penyeragaman harga yang sedang dilaksanakan pada masa ini.

**JAWAPAN**

**Yang di-Pertua,**

1. Berdasarkan analisa terhadap data harga barangan, premis-premis perniagaan di sekitar kawasan yang sama menawarkan barang yang sama pada harga yang berbeza. Terdapat perbezaan harga barangan di antara lokasi berlainan termasuk Semenanjung, Sabah dan Sarawak. Pasaran bebas yang diamalkan di Malaysia menyebabkan harga barangan bergantung kepada permintaan daripada pengguna dan penawaran daripada pembekal (*willing seller, willing buyer*), kos logistik dan pengangkutan, persaingan harga oleh sesetengah premis, perubahan cuaca dan kos pengimportan yang tinggi serta kegiatan manipulasi harga oleh orang tengah.
2. Oleh yang demikian, memang terdapat beberapa barangan dijual pada harga yang lebih rendah di Sarawak seperti ikan cencaru dan ikan merah. Walau bagaimanapun, kebanyakan barangan lain terutamanya barangan yang diproses (barangan berbungkus/tin/kotak/pek/botol) dijual pada harga yang lebih tinggi berbanding Semenanjung.
3. Antara punca harga yang lebih tinggi di Sarawak adalah disebabkan oleh kos pengangkutan barangan memandangkan kebanyakan pengeluar beroperasi di Semenanjung. Keadaan ini ditambah lagi dengan kos pengangkutan darat yang tinggi disebabkan oleh faktor bentuk muka bumi dan taburan penduduk di kawasan-kawasan pedalaman yang terletak jauh dari bandar dan tidak mempunyai infrastruktur perhubungan yang baik.

## **NO SOALAN: 76**

4. Bagi mengurangkan jurang perbezaan harga barangan asas di antara Semenanjung, Sabah dan Sarawak, Kerajaan telah melaksanakan Program Penyeragaman Harga Sabah, Sarawak dan Labuan sejak dari tahun 2013. Kerajaan membuat bayaran insentif kepada pengilang/pengeluar tepung gandum, minyak masak dan gula supaya pengedar dan pemborong terlibat dapat membekalkan barang tersebut pada harga runcit sama seperti yang ditawarkan di Semenanjung.
5. Pada masa sama, Kerajaan turut melaksanakan Program Penyeragaman Harga sejak dari tahun 2009 sehingga kini. Melalui Program ini, Kerajaan menanggung kos penghantaran barang-barang keperluan asas seperti beras, tepung gandum, minyak masak paket 1kg, gula pasir, gas petroleum cecair (gas memasak), petrol RON95 dan diesel ke kawasan pedalaman di Sabah, Sarawak dan Semenanjung. Hasilnya, jurang harga antara kawasan bandar dan luar bandar dapat dihapuskan dan membolehkan penduduk mendapatkan barangan tersebut pada harga kawalan yang seragam di seluruh negara. Di samping itu, masyarakat luar bandar yang terlibat bukan sahaja dapat membeli barang keperluan pada harga yang dikawal tetapi juga memastikan bekalan sentiasa ada di kawasan pedalaman.

Sekian, terima kasih.

**NO SOALAN: 77**

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN NEGARA  
MESYUARAT KEDUA 2019, PENGGAL KEDUA,  
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

**PERTANYAAN : LISAN  
DARIPADA : YB DATUK LIM PAY HEN  
TARIKH : 25 JULAI 2019**

**Datuk Lim Pay Hen** minta **MENTERI PERTANIAN DAN INDUSTRI ASAS TANI** menyatakan :-

- (a) inisiatif yang telah dirangka Kementerian bagi membantu produk tempatan menjadi lebih kompetitif dalam pasaran tenusu semasa; dan
- (b) bagaimanakah dasar dan program yang berkaitan dengan sektor tenusu sedia ada boleh ditambah baik bagi memperkasa serta meningkatkan mutu industri tenusu negara.

**JAWAPAN**

Tuan Yang di-Pertua,

1. Bagi menjawab pertanyaan pertama, dalam usaha untuk menjadikan produk tempatan berdaya saing di pasaran semasa, beberapa inisiatif telah diperkenalkan antara lainnya: -
  - i. pelaksanaan program peningkatan kualiti susu dibawah program pembangunan industri tenusu negara. Program ini memberikan fokus kepada keperluan rantai sejuk seperti penggunaan lori tangki, tangki susu *refrigerated farm tank* (RFT) dan menaik taraf pusat perkhidmatan industri tenusu di seluruh negara;
  - ii. skim pensijilan veterinar diperkenalkan untuk memastikan hasil berasaskan ternakan sentiasa bersih, suci dan selamat untuk pengguna. Skim pensijilan ini bermula dari peringkat ladang sehingga ke peringkat pemprosesan di kilang. *Malaysian Good Agriculture Practices* (MyGAP) adalah skim pensijilan di peringkat ladang yang merangkumi pelbagai aspek seperti pengurusan, infrastruktur ladang, pengurusan biosekuriti, program kesihatan ternakan, penggunaan vaksin dan ubat-ubatan, program pengurusan sisa ladang dan pencemaran. Di samping itu, Jabatan Perkhidmatan Veterinar turut menjalankan beberapa ujian ke atas hasil susu dari ladang penternak di makmal bagi memastikan susu berkenaan selamat dari kontaminasi mikrob dan *residue drug* sebelum dihantar ke kilang pemproses; dan

## NO SOALAN: 77

- iii. pada peringkat kilang pemprosesan susu pula, aspek keselamatan dan kualiti makanan di pantau melalui pensijilan *Hazard Analysis Critical Control Point* (HACCP), *Good Manufacturing Practice* (GMP), *Quality Assurance Programme* (QAP) dan *Good Veterinary Hygiene Practice* (GVHP).
    - iv. program promosi dan kempen kesedaran di bawah Sumber Kekayaan Baharu bagi menggalakkan penggunaan susu segar tempatan. Selain itu, kerjasama dengan Kementerian Pendidikan juga telah diadakan bagi pembekalan susu tempatan di dalam program Rancangan Makanan Tambahan (RMT) kepada murid sekolah.
  2. Bagi pertanyaan kedua, secara ringkasnya, dasar sedia ada Kerajaan bagi sektor tenusu adalah untuk meningkatkan pengeluaran susu tempatan melalui program pembangunan industri tenusu negara. Antara program yang dilaksanakan di bawah program ini adalah program pembiakbakaan baka tempatan dimana sebanyak 200 ekor lembu baka Sahiwal-Friesian telah dibawa masuk bagi tujuan pembiakbakaan.
  3. Selain itu, program transformasi usahawan berskalaan besar juga telah dilaksanakan dengan penyertaan daripada tujuh (7) buah syarikat tenusu tempatan. Insentif secara *reimbursement* yang telah diberikan kepada usahawan adalah lembu tenusu dan tangki susu. Bagi program pembangunan tanaman rumput napier sebagai makanan ternakan, keluasan kawasan bertanam adalah seluas 170 hektar.

## **NO SOALAN: 77**

4. Jumlah anggaran pengeluaran susu segar tempatan pada tahun 2018 adalah sebanyak 40.4 juta liter dan tahap saradiri (SSL) sebanyak 61.44%. Dengan pelaksanaan program pembangunan industri tenusu ini, sasaran peningkatkan pengeluaran susu negara adalah sebanyak 20 juta liter dalam tempoh 5 tahun pelaksanaan yang bermula pada tahun 2017.
  
5. Program ini melibatkan penternak-penternak dari negeri Pahang, Negeri Sembilan dan sebahagian negeri Johor. Bagi memperkasa dan meningkatkan pembangunan industri tenusu, Kerajaan juga telah menambahbaik program ini dengan memperluaskan liputan kawasan projek sehingga ke Selangor dan Perak.

Sekian, terima kasih.

**NO SOALAN: 78**

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN NEGARA  
MESYUARAT KEDUA 2019, PENGGAL KEDUA,  
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

**PERTANYAAN : LISAN  
DARIPADA : YB DATUK PAUL IGAI  
TARIKH : 25 JULAI 2019**

**Datuk Paul Igai** minta **MENTERI INDUSTRI UTAMA** menyatakan memandangkan kejatuhan harga komoditi hasil tani, adakah Kementerian sudah atau akan merancang untuk mengkaji apakah jenis tanaman selain dari kelapa sawit, getah atau lada yang agak sesuai dengan tanah dan cuaca serta berpotensi dikomersialkan di pasaran global.

**JAWAPAN**

Tuan Yang Di-Pertua,

Kementerian berpandangan bahawa buluh adalah tanaman selain dari komoditi sawit, getah dan lada yang berpotensi sebagai sumber baharu tanaman komoditi untuk diusahakan secara ladang komersial. Hasil tanaman ini boleh digunakan dalam pelbagai sektor. Sebagai contoh, rebung buluh boleh dijadikan bahan makanan yang popular di negara seperti Korea, Jepun dan China. Buluh juga turut digunakan dalam pembuatan perabot dan pembinaan yang mana kualitinya setanding dengan kualiti produk-produk kayu yang lain.

Tempoh penanaman dan penuaian hasil buluh adalah lebih singkat iaitu tiga tahun. Pertumbuhan buluh akan berterusan sepanjang tahun yang mana tunas-tunas baharu akan sentiasa tumbuh selepas ditanam. Ini secara tidak langsung dapat mengurangkan modal pengusaha dalam mengusahakan ladang buluh.

Pada tahun 2018, nilai pasaran bagi buluh mencecah sehingga USD68.8 bilion yang kini didominasi oleh China, India dan Taiwan. Manakala nilai eksport Malaysia bagi produk berasaskan buluh adalah sebanyak RM10 juta. Industri buluh di Malaysia berpotensi tinggi dimajukan dan dikembangkan lagi di peringkat tempatan mahupun antarabangsa.

Tuan Yang di-Pertua,

## NO SOALAN: 78

Sementara itu, Kementerian ini melalui Lembaga Minyak Sawit Malaysia (MPOB) juga telah membangunkan sistem tanaman sawit baharu yang dikenali sebagai “**sistem tanaman sawit dua baris kembar**”. Sistem baharu ini dapat meningkatkan penembusan cahaya matahari dan ruang untuk pelaksanaan integrasi tanaman lain dengan sawit. Menggunakan sistem ini, integrasi tanaman boleh dilaksanakan oleh pekebun kecil untuk jangka masa pendek dan panjang tanpa mengikut usia tanaman sawit. Pekebun kecil berpeluang untuk memilih tanaman kontan, sayur-sayuran atau buah-buahan yang mendapat permintaan tinggi di pasaran. Melalui kaedah ini, pekebun kecil tidak akan hanya bergantung kepada hasil sawit sahaja sebagai hasil pendapatan isi rumah masing-masing.

Tuan Yang di-Pertua,

Bagi pekebun kecil getah pula, Kementerian melalui Lembaga Getah Malaysia (LGM) turut memperkenalkan “**sistem tanaman perimeter**”, iaitu kaedah penanaman pokok getah di perimeter sempadan tanah kebun. Melalui kaedah ini, keluasan tanah yang boleh digunakan untuk aktiviti ternakan dan tanaman adalah antara 60 hingga 80 peratus. Selain itu, tanaman getah juga boleh diintegrasikan dengan pisang, betik, nenas, salak, durian, belimbing besi, durian belanda dan cempedak boleh dilaksanakan. Selain itu, integrasi ternakan seperti lebah dan kelulut juga berpotensi untuk diusahakan. Kaedah-kaedah ini akan memberikan peluang kepada pekebun kecil getah menjana pendapatan sampingan selain daripada hasil tanaman getah mereka.

Sekian terima kasih.

**NO SOALAN: 79**

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN NEGARA  
MESYUARAT KEDUA 2019, PENGGAL KEDUA,  
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

**PERTANYAAN : LISAN**  
**DARIPADA : YB DATO' DR. ANANTHAN A/L**  
**SOMASUNDARAM**  
**TARIKH : 25 JULAI 2019**

**Dato' Dr. Ananthan A/L Somasundaram** minta **MENTERI KESIHATAN** menyatakan status dan langkah memperluaskan Malaysian Health Information Exchange (MyHIX) kepada hospital dan klinik Kerajaan sepenuhnya.

**JAWAPAN**

**Yang di-Pertua,**

Pelaksanaan Sistem Pangkalan Data Kesihatan Bersepadu, dikenali sebagai *Malaysia Health Information Exchange* atau **MyHIX** ringkasnya mula dilaksanakan sejak tahun 2011. Pelaksanaan peringkat awal meliputi tiga hospital dan satu klinik kesihatan, dan telah diperluaskan secara berperingkat setiap tahun. Sehingga kini Sistem ini beroperasi di sepuluh (10) Hospital dan sebuah (1) Klinik Kesihatan KKM.

Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) telah menetapkan sasaran untuk memastikan kesemua fasiliti KKM yang mempunyai sistem HIS (Hospital Information System) juga dilengkapi dengan sistem MyHIX. Walau bagaimanapun, kerja-kerja integrasi dengan sistem MyHIX ini juga memerlukan naiktaraf dari segi teknikal dan infrastruktur di peringkat hospital berkenaan dan juga di pusat data Kementerian.

KKM akan memperluaskan intergrasi sistem MyHIX ini kepada hospital dan klinik Kerajaan sepenuhnya, dan seterusnya kepada hospital dan klinik swasta secara berperingkat, melalui inisiatif pelaksanaan *Electronic Medical Record* (EMR) bagi mewujudkan Pangkalan Data Kesihatan Bersepadu yang lengkap.

Sekian, terima kasih.

**NO SOALAN: 80**

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN NEGARA  
MESYUARAT KEDUA 2019, PENGGAL KEDUA,  
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

**PERTANYAAN : LISAN**  
**DARIPADA : YB LAKSAMANA PERTAMA (B) HAJI**  
**MOHAMAD IMRAN BIN ABD HAMID**  
**TARIKH : 25 JULAI 2019**

**Laksamana Pertama (B) Haji Mohamad Imran bin Abd Hamid** minta **MENTERI PERTAHANAN** menyatakan adakah Kerajaan memperakukan tuntutan Pertubuhan SUARA Veteran yang mengatakan bahawa Majlis Angkatan Tentera (MAT) adalah sebuah majlis di bawah Kebawah Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang diPertuan Agong yang berintegriti mengurus perjalanan Angkatan Tentera Malaysia seperti yang terkandung dalam Perlembagaan Persekutuan dan Akta Angkatan Tentera 1972.

**JAWAPAN**

Tuan Yang di-Pertua,

Majlis Angkatan Tentera (MAT) bertanggungjawab di bawah kuasa am Yang di-Pertuan Agong bagi aspek pemerintahan, tata tertib dan pentadbiran angkatan tentera, dan segala perkara lain yang berhubungan dengannya selain perkara yang berhubungan dengan penggunaan angkatan tentera bagi maksud operasi.

MAT juga melaksanakan tanggungjawab, peranan dan fungsinya dengan penuh integriti berdasarkan kepada ruang lingkup seperti termaktub di dalam Perkara 137 Perlembagaan Persekutuan, Akta Angkatan Tentera 1972 serta undang-undang dan peraturan yang dibuat di bawahnya.

**NO SOALAN: 81**

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN NEGARA  
MESYUARAT KEDUA 2019, PENGGAL KEDUA,  
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

**PERTANYAAN : LISAN  
DARIPADA : YB PUAN BATHMAVATHI KRISHNAN  
TARIKH : 25 JULAI 2019**

**Puan Bathmavathi Krishnan** minta **MENTERI SUMBER MANUSIA** menyatakan berapakah jumlah OKU yang telah mengikuti kursus di seluruh Institut-Institut Latihan Perindustrian di bawah Kementerian. Sejauh manakah kursus-kursus ini berjaya menyediakan mereka memasuki pasaran kerja.

**JAWAPAN**

Tuan Yang di-Pertua,

1. Kementerian Sumber Manusia (KSM) melalui Jabatan Tenaga Manusia (JTM) menawarkan latihan kemahiran pra-pekerjaan kepada pelajar lepasan sekolah secara sepenuh masa dengan menyediakan pelbagai kursus latihan kemahiran dari peringkat Sijil, Diploma dan Diploma Lanjutan di 32 Institusi Latihan Jabatan Tenaga Manusia (ILJTM). Bidang latihan yang ditawarkan adalah merangkumi bidang-bidang kemahiran teknikal seperti Mekanikal dan Pengeluaran, Elektrikal dan Elektronik, ICT, Sivil dan Bangunan, Bukan Logam dan Percetakan.

2. JTM memberi peluang latihan kepada Orang Kelainan Upaya (OKU) dari segi kecacatan fizikal untuk mengikuti kursus dalam bidang tertentu dan program-program yang ditawarkan kepada mereka adalah bersesuaian dengan kecacatan mereka seperti bidang Teknologi Komputer (kecacatan pendengaran atau kecacatan anggota) di keseluruhan 32 ILJTM. JTM juga memberi keutamaan kepada calon OKU yang berkelayakan dan menawarkan kursus mengikut keupayaan calon OKU tersebut untuk menjalani latihan kemahiran berkaitan.

3. Namun begitu, pelajar yang mempunyai kecacatan mental (*mental retarded*), Jabatan tiada kepakaran dalam menguruskan latihan pekerjaan atau bengkel latihan khas kepada mereka yang mempunyai masalah kecacatan tersebut. Ini adalah kerana latihan yang ditawarkan di institusi ini

## **NO SOALAN: 81**

adalah menjurus kepada latihan kemahiran teknikal (*hardskills*) dan kurang bersesuaian dengan pelajar OKU kategori ini.

4. Dari tahun 2007 sehingga pengambilan Januari 2019, seramai 251 orang pelajar OKU telah menjalani latihan di 32 ILJTM. Antaranya, terdapat pelajar OKU kecacatan tangan kanan ditawarkan kursus Teknologi Komputer (Sistem) di ILP Kuala Terengganu, pelajar OKU kabur penglihatan ditawarkan kursus Teknologi Komputer (Rangkaian) di ILP Kangar, pelajar OKU yang bermasalah pendengaran ditawarkan kursus Teknologi Cadd Mekanikal di ILP Pedas dan pelajar OKU yang kaki pendek sebelah ditawarkan kursus Teknologi Kimpalan Arka & Gas di ILP Jitra. Pelajar-pelajar OKU ini mampu mengikuti kursus tersebut dengan jayanya serta terdapat mereka yang berjaya mengusahakan syarikat atau perniagaan sendiri mahupun bekerja dengan majikan sejurus tamat latihan.

**NO SOALAN: 82**

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN NEGARA  
MESYUARAT KEDUA 2019, PENGGAL KEDUA,  
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

**PERTANYAAN : LISAN**  
**DARIPADA : YB TUAN KAMARUDIN BIN ABDUN**  
**TARIKH : 25 JULAI 2019**

**Tuan Kamarudin bin Abdun** minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan sejauh manakah Kerajaan bertindak dalam membantu sekolah-sekolah terutamanya di negeri Perlis yang memerlukan sejumlah peruntukan untuk membaiki sekolah-sekolah yang daif.

**JAWAPAN**

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, negeri Perlis tidak mempunyai sekolah yang dikategorikan sebagai sekolah daif. Walau bagaimanapun, Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) telah meluluskan peruntukan untuk projek pembinaan bangunan seperti kelas Program Pendidikan Khas Integrasi (PPKI) yang mengandungi enam (6) bilik darjah, kelas Prasekolah PPKI serta lain-lain kemudahan di SK Seri Tunjong. Sementara itu, terdapat juga peruntukan yang diluluskan bagi projek pembinaan bangunan yang mengandungi lima (5) bilik darjah dan tandas di SMK Kuala Perlis. Kedua-dua projek ini telah siap dibina pada tahun 2018.

Bagi tahun 2019, KPM telah menyalurkan waran peruntukan pembaikan dan penyelenggaraan untuk institusi pendidikan meliputi sekolah dan juga kuarters di Negeri Perlis.

Sekian, terima kasih.

**NO SOALAN: 83**

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN NEGARA  
MESYUARAT KEDUA 2019, PENGGAL KEDUA,  
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

**PERTANYAAN : LISAN  
DARIPADA : YB TUAN MANOLAN BIN MOHAMAD  
TARIKH : 25 JULAI 2019**

**Tuan Manolan bin Mohamad** minta **PERDANA MENTERI** menyatakan adakah cadangan untuk menubuhkan "task force" khas untuk masyarakat Orang Asli yang diumumkan selepas PRU14 masih mahu diteruskan.

**JAWAPAN**

Tuan Yang di-Pertua,

Kerajaan Pakatan Harapan (PH) komited membangun dan meningkatkan taraf sosioekonomi masyarakat Orang Asli, seperti termaktub dalam Janji 38, Manifesto PH iaitu Membela Nasib Orang Asal di negara ini. Beberapa langkah sedang dipertimbangkan dengan teliti oleh pihak Kerajaan Persekutuan dalam melaksanakan tanggungjawab memaju, menaik taraf serta menjaga kepentingan Orang Asli.

Berhubung dengan cadangan penubuhan “task force” khas untuk masyarakat Orang Asli seperti yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat, adalah dimaklumkan bahawa Jemaah Menteri pada 12 Jun 2019 yang lepas telah bersetuju untuk menubuhkan Jawatankuasa Kabinet Mengenai Isu-isu Masyarakat Minoriti yang dipengerusikan oleh YAB Timbalan Perdana Menteri . Jawatankuasa ini akan memberi keutamaan kepada penyelesaian isu-isu berkaitan masyarakat Orang Asli bagi membela hak dan peningkatan tahap sosioekonomi.

Sekian, terima kasih.

**NO SOALAN: 84**

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN NEGARA  
MESYUARAT KEDUA 2019, PENGGAL KEDUA,  
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

**PERTANYAAN : LISAN  
DARIPADA : YB PUAN NURIDAH BINTI MOHD  
SALLEH  
TARIKH : 25 JULAI 2019**

**Puan Nuridah Binti Mohd Salleh Minta Menteri Dalam Negeri Menyatakan Apakah Hasil Siasatan Berhubung Kematian Tragis Siti Masyitah Ibrahim Di Pahang Dan Apakah Langkah-Langkah Kerajaan Menangani Kes-Kes Lampau Berkaitan Kehilangan Kanak-Kanak.**

**JAWAPAN**

Tuan Yang Di-pertua,

Pihak polis telah menjalankan siasatan ke atas kematian Siti Masyitah bt. Ibrahim di bawah seksyen 302 Kanun Keseksaan bagi kesalahan membunuh. Berdasarkan keadaan mayat mangsa yang telah reput, mangsa dipercayai dibunuh antara lima (5) hingga sepuluh (10) hari sebelum mayat mangsa ditemui.

Suspek utama kes tersebut ialah seorang lelaki warga Kemboja berusia 23 tahun yang dilihat kali terakhir menunggang motorsikal bersama mangsa. Suspek telah ditahan bagi membantu siasatan dan pada 22 Februari 2019, suspek telah dituduh di bawah seksyen yang sama bagi kesalahan membunuh.

Kerajaan memandang serius kes-kes kehilangan kanak-kanak yang dilaporkan sejak akhir-akhir ini. Dalam hal ini, pelbagai usaha dan tindakan telah diambil oleh pihak Polis Diraja Malaysia (PDRM) untuk mengesan kanak-kanak yang hilang.

Sebaik sahaja laporan mengenai kehilangan diterima, semua butiran mengenai kehilangan tersebut terutamanya gambar dan maklumat fizikal kanak-kanak tersebut akan disebarikan secepat mungkin ke pelbagai saluran termasuklah ke petugas di pintu-pintu masuk untuk memastikan pengesanan awal dan mencegah mereka daripada dibawa keluar negara.

## **NO SOALAN: 84**

Selain usaha mencari dan mengesan yang dilakukan oleh anggota polis dan jabatan-jabatan kerajaan, pihak polis turut mendapatkan bantuan dari orang ramai untuk menyalurkan maklumat mengenai kanak-kanak yang hilang. Maklumat berkenaan dipaparkan di portal <https://knk2hilang.rmp.gov.my> untuk memudahkan lagi penyaluran maklumat mengenai kes kehilangan itu kepada orang ramai bagi mendapatkan bantuan atau maklumat dalam usaha mengesan dan menyelamatkan kanak-kanak yang hilang itu.

Di samping itu, PDRM juga menjalinkan kerjasama dengan KPWKM melalui NUR Alert iaitu sistem amaran awal bagi kes kehilangan kanak-kanak untuk membantu agensi penguatkuasa undang-undang dalam menjalankan siasatan dan membawa kepada tangkapan yang pantas. Sistem ini melibatkan kerjasama 39 petugas daripada pelbagai kementerian, jabatan, agensi kerajaan, swasta dan agensi bukan kerajaan (NGO)

Selain itu, PDRM juga turut mengadakan kerjasama dengan pelbagai pihak dalam penganjuran program-program kesedaran untuk mengelakkan kes ini daripada berulang. Program kesedaran ini bertujuan untuk memberi kesedaran kepada orang ramai terutamanya ibu bapa dan penjaga agar menutup segala ruang dan peluang kepada penjenayah untuk melakukan jenayah dengan mengambil langkah pencegahan seperti tidak membiarkan anak-anak mereka untuk bergerak atau bermain bersendirian atau bercakap dengan orang yang tidak dikenali ketika berada di luar rumah. Melalui program seperti ini, ibu bapa dan penjaga juga diingatkan untuk mendidik anak-anak mereka tentang keselamatan diri dan tindakan-tindakan yang perlu diambil jika berlaku keadaan kecemasan.

**NO SOALAN: 85**

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN NEGARA  
MESYUARAT KEDUA 2019, PENGGAL KEDUA,  
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

**PERTANYAAN : LISAN**  
**DARIPADA : YB DATUK TEO ENG TEE @ TEO KOK**  
**CHEE**  
**TARIKH : 25 JULAI 2019**

**Datuk Teo Eng Tee @ Teo Kok Chee** minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan status terkini bagi usaha Kerajaan mengambil alih 4 lebuhraya iaitu KESAS, LDP, SPRINT dan SMART dan berapa kos yang terlibat dalam projek ini serta dari mana sumber untuk menanggung projek ini.

**JAWAPAN**

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, YAB Perdana Menteri Tun Dr Mahathir Mohamad pada 23 Februari 2019 telah mengumumkan cadangan untuk mengambil alih empat konsesi lebuhraya bertol iaitu Lebuhraya Damansara Puchong (LDP), Sistem Penyuraian Trafik KL Barat (SPRINT), Lebuhraya Shah Alam (KESAS) dan Terowong SMART (SMART). Cadangan tersebut telah pun diluluskan secara prinsip oleh Jemaah Menteri pada 27 Februari 2019.

Tawaran bersyarat untuk pengambilalihan 4 lebuhraya bertol ini merupakan langkah pertama untuk mengurangkan beban pengguna lebuhraya dan merealisasikan janji Pakatan Harapan. Hasil daripada usaha rundingan dalam tempoh beberapa bulan yang lepas, Kementerian Kewangan telah memberikan tawaran rasmi bersyarat pada 21 Jun 2019 kepada keempat-empat syarikat konsesi tersebut setelah mendapatkan kelulusan YAB Perdana Menteri atas tawaran tersebut pada 20 Jun 2019. Tawaran bersyarat ini, apabila diluluskan oleh pemegang saham dan pemiutang keempat-empat syarikat konsesi lebuhraya tersebut, masih tertakluk kepada kelulusan muktamad Jemaah Menteri.

Kos pengambilalihan sebanyak RM6.2 bilion ini akan dibiayai dengan penerbitan bon. Kutipan caj kesesakan dianggarkan adalah mencukupi untuk membiayai bayaran balik hutang bon tersebut termasuk kos operasi serta penyelenggaraan lebuhraya tanpa memerlukan peruntukan daripada

## **NO SOALAN: 85**

Kerajaan. Dengan kata lain, kos pengambilalihan tersebut akan dibayar balik dengan sendirinya daripada kutipan caj kesesakan tanpa melibatkan sebarang perbelanjaan Kerajaan.

**NO SOALAN: 86**

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN NEGARA  
MESYUARAT KEDUA 2019, PENGGAL KEDUA,  
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

**PERTANYAAN : LISAN  
DARIPADA : YB TUAN ALAN LING SIE KIONG  
TARIKH : 25 JULAI 2019**

**Tuan Alan Ling Sie Kiong** minta **MENTERI PEMBANGUNAN LUAR BANDAR** menyatakan butiran seperti kos, lokasi dan status projek-projek bekalan air luar bandar Sarawak bagi Rancangan Malaysia Ke-11 yang sedang dilaksanakan di P218 Sibuti, P219 Miri, P220 Baram dan P221 Limbang.

**JAWAPAN**

Tuan Yang Di-Pertua,

Untuk makluman Yang Berhormat Senator, terdapat tiga (3) projek Bekalan Air Luar Bandar (BALB) yang terlibat di kawasan **P.218 Sibuti** di bawah Rancangan Malaysia Ke-11 yang sedang dilaksanakan oleh Kementerian ini seperti berikut :

- 1) Pertama ialah Projek Bekalan Air Luar Bandar (BALB) Suai Kompleks Fasa II, Bahagian Miri, Sarawak. Projek ini telah ditender pada 4 April 2019 dan masih diperingkat penilaian tender. Kos siling projek adalah sebanyak RM112 juta dan akan memberi manfaat kepada 1,198 buah rumah.
- 2) Kedua, Projek Bekalan Air Luar Bandar (BALB) Sistem Retikulasi Tahun 2016 Negeri Sarawak Zon 10, Bahagian Miri. Projek ini adalah di dalam proses rekabentuk dan dijangka tender pada suku ketiga tahun ini dengan kos terlibat adalah sebanyak RM9.7 juta dengan penerima manfaat adalah sebanyak 170 buah rumah.
- 3) Ketiga adalah Projek Bekalan Air Luar Bandar (BALB) Sistem Retikulasi Negeri Sarawak tahun 2017/2018 Bahagian Miri Sarawak. Projek ini adalah dalam proses rekabentuk dan dijangka tender pada suku ketiga tahun ini dengan kos terlibat adalah sebanyak RM7.5 juta dan akan memberi manfaat kepada 103 buah rumah.

## NO SOALAN: 86

Seterusnya, terdapat empat (4) bilangan Projek di **P220 Baram** seperti berikut :

- 1) Pertama adalah Projek Bekalan Air Luar Bandar (BALB) Kawasan Beluru, Bahagian Miri, Sarawak. Projek ini telah siap sepenuhnya pada 28 Januari 2019 dengan kos terlibat adalah sebanyak RM67.5 juta dan akan memberi manfaat kepada 1,373 buah rumah.
- 2) Kedua, Projek Bekalan Air Luar Bandar (BALB) Kawasan Marudi, Bahagian Miri, Sarawak. Projek ini telah mula dilaksanakan pada bulan Jun 2019 dan tempoh pembinaan adalah selama 18 bulan yang melibatkan kos sebanyak RM40.9 juta dan akan memberi manfaat kepada 793 buah rumah.
- 3) Ketiga, Projek Bekalan Air Luar Bandar (BALB) Kawasan Long Laput, Bahagian Miri, Sarawak. Projek ini adalah dalam proses rekabentuk dan dijangka tender pada suku ketiga tahun ini dengan kos terlibat adalah sebanyak RM12.2 juta dan akan memberi manfaat kepada 167 buah rumah.
- 4) Keempat, Projek Bekalan Air Luar Bandar (BALB) Kawasan Long Lama, Bahagian Miri, Negeri Sarawak. Projek ini adalah di dalam proses lantikan Perunding. Tender perlantikan perunding telah dibuka dari 21 Jun 2019 sehingga 11 Julai 2019 dengan kos terlibat adalah sebanyak RM54.3 juta dan akan memberi manfaat kepada 5,320 buah rumah.

## **NO SOALAN: 86**

Untuk makluman Yang Berhormat Senator seterusnya, bagi **P221 Limbang** pula terdapat dua (2) Projek Bekalan Air Luar Bandar (BALB) seperti berikut:

- 1) iaitu Projek Bekalan Air Luar Bandar (BALB) Sistem Retikulasi Tahun 2016, Negeri Sarawak Zon 11 – Limbang. Projek ini telah ditender pada 4 April 2019 dan masih di peringkat penilaian tender dengan kos terlibat adalah sebanyak RM5.1 juta dan akan memberi manfaat kepada 123 buah rumah.
- 2) Kedua adalah Projek Bekalan Air Luar Bandar (BALB) Kawasan Ulu Limbang, Bahagian Limbang, Negeri Sarawak. Projek ini adalah di dalam proses lantikan Perunding. Tender perlantikan perunding telah dibuka dari 20 Jun 2019 sehingga 10 Julai 2019 dengan kos terlibat adalah sebanyak RM45.2 juta dan akan memberi manfaat kepada 221 buah rumah.

Untuk makluman Yang Berhormat Senator jua, tiada Projek Bekalan Air Luar Bandar (BALB) yang tersenarai dibawah **P219 Miri** yang dilaksanakan oleh Kementerian ini.

**NO SOALAN: 87**

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN NEGARA  
MESYUARAT KEDUA 2019, PENGGAL KEDUA,  
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

**PERTANYAAN : LISAN**  
**DARIPADA : YB DATUK SAMBANTHAN A/L**  
**MANICKAM**  
**TARIKH : 25 JULAI 2019**

**Datuk Sambanthan A/L Manickam** minta **MENTERI PENGANGKUTAN** menyatakan jumlah kemalangan maut yang masih berada pada tahap yang membimbangkan terutamanya pada musim perayaan. Adakah sudah tiba masanya pihak Kementerian untuk menambah kamera AES di lebuhraya-lebuhraya utama di Malaysia.

**JAWAPAN**

Yang di-Pertua,

1. Untuk makluman Yang Berhormat, Program OPS Bersepadu dan Kempen Keselamatan Jalan Raya sempena Perayaan Hari Raya Aidilfitri Tahun 2019 bermula secara serentak pada 29 Mei dan berakhir pada 12 Jun 2019. Program OPS Bersepadu dan Kempen Keselamatan Jalan Raya sempena Perayaan Hari Raya Aidilfitri Tahun 2019 ini melibatkan sebanyak 12 Agensi/Jabatan dan Syarikat Swasta. Tema kempen ini adalah "Pandu Cermat, Sampai Selamat" yang merangkumi 4 program utama iaitu program Pendidikan dan Advokasi, Penguatkuasaan, Pencegahan bersekali dengan Pemantauan dan Penilaian.
2. Seperti mana yang semua sedia maklum, Kempen OPS Selamat yang telah dijalankan oleh Polis Diraja Malaysia (PDRM) sempena musim perayaan Hari Raya Aidilfitri yang lalu telah mencatatkan jumlah kes kemalangan maut sebanyak 232 kes berbanding 235 kes kemalangan maut pada OPS Selamat tahun 2018. Walaupun, angka kes kemalangan maut menunjukkan pengurangan sebanyak 3 kes, namun angka kematian akibat nahas jalan raya semasa musim perayaan Hari Raya Aidilfitri mencatatkan peningkatan sebanyak 1 kes iaitu daripada 248 kes pada tahun 2018 kepada 249 kes pada tahun ini.

## **NO SOALAN: 87**

3. Dalam usaha untuk meningkatkan kadar pematuhan kepada undang-undang dan peraturan lalu lintas yang berkuatkuasa oleh pengguna jalan raya, pihak Kerajaan bercadang untuk menambah pemasangan kamera AwAS di lokasi-lokasi yang akan ditentukan berdasarkan keperluan dan kajian serta mengambilkira data kemalangan yang terkini.
  
4. Analisis pihak MIROS menggunakan data kemalangan dari PDRM dan Lembaga Lebuhraya Malaysia menunjukkan terdapat pengurangan 25% kes kemalangan di 21 lokasi kamera had laju AES di lebuhraya pada tahun 2018 berbanding tahun 2017. Selain dari itu kajian pihak MIROS juga menunjukkan impak pelaksanaan AES di enam lokasi rintis telah menunjukkan secara puratanya kadar kepatuhan yang tinggi bagi had laju iaitu 95% berbanding sebelumnya 63%. Bagi empat lokasi rintis lampu isyarat yang di pasang kamera AWaS pula, kadar pematuhan lampu isyarat juga telah meningkat dari 96% kepada 98%. Dengan peningkatan ketara dalam pematuhan had laju dan lampu isyarat menunjukkan AES mampu melahirkan pemandu yang berhemah yang patuh kepada peraturan lalu lintas.

Sekian, terima kasih.

**NO SOALAN: 88**

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN NEGARA  
MESYUARAT KEDUA 2019, PENGGAL KEDUA,  
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

**PERTANYAAN : LISAN  
DARIPADA : YB DR. NUIING JELUING  
TARIKH : 25 JULAI 2019**

**Dr. Nuing Jeluing** minta **MENTERI SUMBER MANUSIA** menyatakan apakah perkembangan bagi mewujudkan satu juta peluang pekerjaan yang dijanjikan oleh Kerajaan. Bagi pekerjaan yang telah diwujudkan pula, nyatakan apakah kategori pekerjaan tersebut dan di sektor atau industri manakah ia terlibat. Daripada jumlah pekerjaan yang diwujudkan itu, berapa banyak yang telah diisi oleh warga asing.

**JAWAPAN**

Tuan Yang di-Pertua,

1. Berdasarkan kepada data secara suku tahunan bermula Mei 2018 sehingga Mac 2019 mengenai peluang pekerjaan oleh Jabatan Perangkaan Malaysia (DOSM), jumlah peluang pekerjaan yang diwujudkan adalah sebanyak dua ratus empat puluh tiga ribu (243,000). Jumlah ini adalah berdasarkan kepada jumlah guna tenaga pada suku pertama pada tahun 2019 berjumlah lima belas juta sepuluh ribu dua ratus (15,010,200) berbanding jumlah guna tenaga pada suku kedua pada tahun 2018 berjumlah empat belas juta tujuh ratus enam puluh tujuh ribu dua ratus (14,767,200).

2. Berdasarkan kategori pekerjaan, antara 3 kategori pekerjaan yang paling banyak mempunyai peluang pekerjaan adalah:

- (i) pekerja asas iaitu sebanyak 195,000;
- (ii) profesional iaitu sebanyak 110,400; dan
- (iii) pekerja perkhidmatan dan jualan iaitu sebanyak 46,700.

3. Berdasarkan kategori industri pula, 3 kategori yang paling banyak mempunyai peluang pekerjaan adalah:

- (i) perkhidmatan iaitu sebanyak 258,700;
- (ii) pembinaan iaitu sebanyak 58,500; dan
- (iii) aktiviti isi rumah sebagai majikan iaitu sebanyak 19,000.

## **NO SOALAN: 88**

Mengenai soal pekerjaan yang diisi oleh warga asing, sehingga suku kedua tahun 2019, komposisi pekerja asing daripada tenaga kerja buruh adalah pada kadar 12.89%. Walau bagaimanapun, terdapat kategori pekerjaan di sektor-sektor yang sukar diisi oleh warga tempatan seperti sektor perkilangan dan pembinaan yang mana kadar pekerja asing bagi kedua-dua sektor ini adalah masing-masing 34.93% dan 21.89%.

**NO SOALAN: 89**

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN NEGARA  
MESYUARAT KEDUA 2019, PENGGAL KEDUA,  
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

**PERTANYAAN : LISAN  
DARIPADA : YB PUAN HAJAH SABANI BINTI MAT  
TARIKH : 25 JULAI 2019**

**Puan Hajah Sabani binti Mat** minta **MENTERI PERTANIAN DAN INDUSTRI ASAS TANI** menyatakan apakah langkah-langkah yang diambil oleh Kerajaan bagi menarik golongan belia yang menganggur untuk menyertai bidang pertanian dan perikanan serta menjadikan bidang tersebut sebagai suatu kerjaya yang mendatangkan pulangan yang besar serta apakah galakan yang Kementerian lakukan supaya mereka berlumba-lumba menyertainya agar dapat mengurangkan pergantungan kita kepada buruh asing.

**JAWAPAN**

**Tuan Yang di-Pertua,**

Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani (MOA) telah mengambil langkah yang drastik dalam menarik golongan belia yang menganggur untuk menyertai bidang pertanian dan perikanan serta menjadikan bidang ini sebagai bidang kerjaya yang mendatangkan pulangan yang besar. Pelbagai program galakan telah dilaksanakan oleh Kementerian untuk menarik golongan belia menceburi sektor agromakanan.

Pembangunan golongan belia dalam sektor pertanian terus diberi penekanan melalui strategi dan program di bawah Rancangan Malaysia Ke-11 (RMK11) dan dasar di peringkat Kementerian. Terbaru, dua (2) inisiatif melalui Strategi 3 Pembangunan Agropreneur Muda dalam Bidang Agromakanan di bawah Hala Tuju MOA. Inisiatif pertama ialah menubuhkan Majlis Agropreneur Muda (MAM) Kebangsaan yang dianggotai oleh agropreneur muda dari seluruh negara dan inisiatif kedua ialah meningkatkan keupayaan agropreneur muda. Inisiatif ini direalisasikan melalui Program Agropreneur Muda (PAM) yang dilancarkan bagi tujuan menarik minat agropreneur muda yang berumur di antara 18 hingga 40 tahun untuk menceburi sektor agromakanan. PAM menawarkan bantuan geran dan pembiayaan kepada golongan muda supaya dapat menambahkan produktiviti dan pendapatan hasil bidang pertanian dan perikanan. Selain daripada itu, rundingan dan khidmat teknikal sentiasa disediakan bagi membangunkan projek-projek pertanian yang sedang atau akan dilaksanakan oleh golongan belia.

## **NO SOALAN: 89**

Kementerian juga melaksana pelbagai inisiatif bagi menarik penglibatan belia di dalam sektor agromakanan seperti Hari Peladang, Penternak dan Nelayan Kebangsaan (HHPNK) dan penganjuran Pameran Pertanian, Hortikultur dan Agro Pelancongan Malaysia (MAHA). Sebagai contoh, sepanjang MAHA 2018 berlangsung, MOA telah bekerjasama dengan Kementerian Belia dan Sukan (KBS) menyelaras Kluster *AgroYouth* yang menganjurkan pelbagai pengisian dan aktiviti keusahawanan seperti *Pavilion Agro Youth*, *Laman Agro Youth*, Forum Agropreneur Muda, Anugerah Ikon Agropreneur Muda dan *Agro Race* yang melibatkan lebih 800 belia dari seluruh negara.

Bagi memastikan sektor agromakanan mendatangkan hasil pulangan yang besar dan menarik golongan belia untuk menyertai bidang pertanian, MOA dengan kerjasama Jabatan dan Agensi telah menyediakan pelbagai program dan insentif khusus kepada golongan belia seperti berikut:

### **1. Program Latihan**

Pelbagai program latihan kepada golongan belia telah dilaksanakan oleh Kementerian. Antaranya ialah Program Latihan Kemahiran Pertanian Kebangsaan (PLKPK) di bawah Pendidikan dan Latihan Teknikal dan Vokasional (TVET) kepada generasi muda yang berumur di antara 18 hingga 25 tahun yang berkelayakan. PLKPK menawarkan sembilan (9) bidang pembelajaran pada peringkat Sijil Kemahiran Malaysia (SKM) dan Diploma Kemahiran Malaysia (DKM) merupakan satu program yang bertujuan untuk melahirkan pekerja mahir dan pengusaha agromakanan bertaraf komersil dan berskala besar melalui

## **NO SOALAN: 89**

penggunaan teknologi terkini. Sehingga kini, Kementerian telah mengeluarkan seramai 6,092 orang graduan Sijil Kemahiran Malaysian Tahap 3 dan Diploma Kemahiran Malaysia.

### **2. Insentif Dana dan Pembiayaan**

Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani, (MOA) juga menyediakan insentif dana dan pembiayaan kepada golongan muda. Sebagai contoh, Program Agropreneur Muda (PAM) telah menyediakan geran untuk perolehan input pertanian bernilai sehingga RM20,000 bagi setiap projek. Pada tahun 2016 – 2018, seramai 5,013 belia telah menerima geran ini yang menyasarkan kepada projek yang berinovasi dan berteknologi moden. Manakala bagi pembiayaan pula, agensi pembiaya seperti Agrobank dan TEKUN Nasional menyediakan bantuan modal melalui Pakej Pembiayaan Mudah sehingga RM200,000 untuk projek pertanian kepada golongan belia.

### **3. Teknologi**

Belia merupakan generasi moden yang mahir serta sinonim dengan penggunaan teknologi. Sehubungan itu, Kementerian telah memperkenalkan penggunaan teknologi digital sebagai langkah untuk memodenkan sektor pertanian bagi menarik penglibatan belia. Sebagai contoh, MARDI telah menghasilkan 21 aplikasi mudah alih yang digunakan secara aktif sebagai panduan dan sebagai alat bantuan (*tools*) kepada petani dalam usaha untuk memodenkan pertanian negara dan meningkatkan produktiviti serta pendapatan petani. Sehingga kini, statistik menunjukkan

## NO SOALAN: 89

bahawa sejumlah 52,990 telah dimuatturun di *AppsStore* (iOS) dan *Google Play Store* (Android).

Dari segi khidmat sokongan penggunaan teknologi, Jabatan Pertanian (DOA) juga telah memperkenalkan aplikasi yang bertujuan untuk mentransformasi perkhidmatan pengembangan pertanian yang boleh dicapai dengan cepat dan mudah oleh belia. Sebanyak 3 perkhidmatan secara online dan 5 aplikasi mudah alih telah disediakan di bawah DOA. Sehingga Jun 2019, seramai 5,542 telah menggunakan perkhidmatan online ini manakala sebanyak 22,042 muat turun aplikasi oleh pengguna melalui *AppsStore* (iOS) dan *Google Play Store* (Android).

#### 4. Pemasaran

FAMA turut menawarkan Program *New Breed Marketing Entrepreneur* (NBME) sebagai program transformasi bagi meningkatkan pendapatan belia dalam bidang pertanian dan industri asas tani. Program NBME ini adalah kerjasama di antara FAMA (portal AgroBazaar Online), Institut Pengajian Tinggi Awam (IPTA) dan Institut Pengajian Tinggi Swasta (IPTS) yang melibatkan ahli Kelab MyAgrosis, mahasiswa serta usahawan industri asas tani (IAT). Sehingga kini, sebanyak 19 IPTA dan IPTS terlibat dalam program ini dengan penyertaan seramai 2,265 penuntut.

Sekian, terima kasih.

**NO SOALAN: 90**

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN NEGARA  
MESYUARAT KEDUA 2019, PENGGAL KEDUA,  
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

**PERTANYAAN : LISAN  
DARIPADA : YB DATUK IR. YONG WUI CHUNG  
TARIKH : 25 JULAI 2019**

**Datuk Ir. Yong Wui Chung** minta **MENTERI PELANCONGAN, SENI DAN BUDAYA** menyatakan jumlah peserta MM2H dari China, Taiwan dan India setakat ini dan jumlah permohonan dan peratus kelulusan yang telah diberikan.

**JAWAPAN**

Tuan Yang di-Pertua,

Program Malaysia Rumah KeduaKu (MM2H) merupakan satu inisiatif Kerajaan Malaysia pada tahun 2002 bagi menarik dan menawarkan peluang kepada warganegara asing yang mempunyai kemampuan kewangan yang tinggi serta yang memenuhi syarat untuk tinggal lebih lama dan berbelanja lebih banyak di Malaysia. Peserta Program MM2H yang berjaya menyertai Program MM2H akan diberikan Pas Lawatan Sosial selama 10 tahun berserta dengan “*Multiple Entry Visa*” yang boleh diperbaharui.

Sejak Program MM2H dilancarkan pada tahun 2002 sehingga November 2018, sejumlah 43,466 permohonan warganegara asing dari 131 buah negara telah diluluskan. Daripada jumlah tersebut, jumlah peserta MM2H dari China, Taiwan dan India daripada tahun 2002 sehingga November 2018 adalah seperti berikut:

<b>BIL.</b>	<b>WARGANEGARA</b>	<b>JUMLAH PESERTA MM2H</b>	<b>PERATUS KELULUSAN (%)</b>
1.	China	13,619	31.3
2.	Taiwan	1,355	3.1
3.	India	1,068	2.5

Sekian, terima kasih.

**NO SOALAN: 91**

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN NEGARA  
MESYUARAT KEDUA 2019, PENGGAL KEDUA,  
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

**PERTANYAAN : LISAN**  
**DARIPADA : YB DATUK SR. HAJI HANAFI BIN HAJI**  
**MAMAT**  
**TARIKH : 25 JULAI 2019**

**Datuk Sr. Haji Hanafi bin Haji Mamat** minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan apakah Kerajaan boleh memberi jaminan pelajar-pelajar yang mendapat tajaan untuk keluar negara dan telah mendapat keputusan cemerlang di dalam peperiksaan A-Level tetapi tidak dapat keluar negara kerana penaja seperti FELDA telah menukar syarat di saat akhir akan diberi tempat di IPTA.

**JAWAPAN**

Tuan Yang di-Pertua,

Pelaksanaan operasi biasiswa dan penajaan Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) adalah menjurus kepada pegawai dalam perkhidmatan sebagaimana penurunan kuasa daripada agensi pusat. Kementerian tiada menawarkan biasiswa bersifat umum melainkan program MyBrainSc yang diperkenalkan pada tahun 2012 bertujuan untuk melahirkan pemenang Anugerah Nobel Laurete pertama dari Malaysia di dalam bidang penyelidikan.

Sekian, terima kasih.

**NO SOALAN: 92**

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN NEGARA  
MESYUARAT KEDUA 2019, PENGGAL KEDUA,  
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

**PERTANYAAN : LISAN**  
**DARIPADA : YB TUAN MOHD YUSMADI BIN MOHD**  
**YUSOFF**  
**TARIKH : 25 JULAI 2019**

**Tuan Mohd Yusmadi bin Mohd Yusoff** minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan mengenai usaha dan Standard Operating Procedure (SOP) bagi pengurusan isu pemutihan kanak-kanak tanpa warganegara di Sabah.

**JAWAPAN**

Yang di-Pertua,

Kementerian Dalam Negeri (KDN) sentiasa prihatin dengan isu dokumentasi dan pengenalan diri dalam kalangan penduduk negara ini termasuklah golongan kanak-kanak di negeri Sabah. Antara usaha yang sedang diambil dalam menangani isu seperti yang dibangkitkan oleh Ahli Yang Berhormat adalah seperti berikut:

1. Penguatkuasaan undang-undang berkaitan dengan penentuan kewarganegaraan; dan
2. Pertimbangan terhadap permohonan kewarganegaraan bagi individu berkeelayakan.

Berhubung dengan penguatkuasaan undang-undang berkaitan dengan penentuan kewarganegaraan, ditegaskan bahawa kewarganegaraan seseorang individu ditentukan berdasarkan kepada status perkahwinan dan taraf kewarganegaraan ibu bapa kandung sewaktu kelahiran. Oleh itu, kaedah perekodan taraf kewarganegaraan individu yang dilahirkan di Malaysia iaitu sama ada dengan taraf Warganegara atau Bukan Warganegara oleh Jabatan Pendaftaran Negara (JPN) adalah selaras dengan peruntukan di bawah Bahagian III Perlembagaan Persekutuan, *Citizenship Rules 1964* [LN82/1964] serta perundangan berkaitan yang berkuat kuasa dalam isu pendaftaran perkahwinan, kesahtarafan anak, peraturan imigresen dan lain-lain. Ibu bapa dan penjaga kepada individu yang bertaraf Bukan Warganegara bertanggungjawab sepenuhnya untuk

## **NO SOALAN: 92**

menguruskan kewarganegaraan, dokumen pengenalan diri dan dokumen perjalanan dengan negara asal bagi mengelakkan ketiadaan dokumen pengenalan diri, keberadaan tidak sah di Malaysia dan seterusnya disalah anggap sebagai tidak memiliki kewarganegaraan dari mana-mana negara (*stateless*).

Berhubung dengan pertimbangan terhadap permohonan kewarganegaraan pula, terdapat dua kaedah pemerolehan kewarganegaraan bagi individu bertaraf Bukan Warganegara iaitu sama ada melalui pendaftaran atau penaturalisasian. Pada masa ini, KDN sedang giat menjalankan penambahbaikan komprehensif terhadap prosedur pengendalian standard (SOP) agar ia bersesuaian dengan hala tuju negara dan seimbang daripada aspek kemanusiaan tanpa mengabaikan keselamatan negara serta kesejahteraan warganegara sedia ada.

Bagi memastikan tiada isu berbangkit di masa hadapan serta membentuk masyarakat yang bermoral dan patuh kepada perundangan yang berkuat kuasa, Ahli Yang Berhormat diseru untuk membantu memperkukuhkan usaha Kerajaan dalam menangani isu kewarganegaraan dengan menyebarkan pengetahuan berkaitan dengan kepentingan mendaftarkan perkahwinan serta mendaftarkan anak bertaraf Bukan Warganegara di kedutaan negara asal.

**NO SOALAN: 93**

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN NEGARA  
MESYUARAT KEDUA 2019, PENGGAL KEDUA,  
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

**PERTANYAAN : LISAN  
DARIPADA : YB TUAN ISMAIL BIN YUSOP  
TARIKH : 25 JULAI 2019**

**Tuan Ismail bin Yusop** minta **MENTERI TENAGA, SAINS, TEKNOLOGI, ALAM SEKITAR DAN PERUBAHAN IKLIM** menyatakan apakah usaha-usaha yang progresif dari pihak Kementerian dalam kempen untuk memelihara alam sekitar dan sejauh manakah penerimaan rakyat terhadap kempen yang telah dijalankan.

**JAWAPAN**

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat,

1. Antara usaha Kementerian ke arah meningkatkan kesedaran dan membudayakan kempen pemeliharaan dan pemuliharaan alam sekitar ialah melalui penganjuran program-program kesedaran di kalangan masyarakat yang merangkumi pelbagai kumpulan sasaran seperti:
  - i. pemimpin masyarakat;
  - ii. kanak-kanak, pelajar sekolah rendah dan menengah;
  - iii. pelajar institut pengajian tinggi;
  - iv. komuniti setempat;
  - v. industri, pemaju projek, pihak swasta; dan
  - vi. orang awam
  
2. Antara program pendidikan dan kempen kesedaran alam sekitar utama yang dijalankan adalah:
  - i. Sekolah Lestari - Anugerah Alam Sekitar;
  - ii. Anugerah Langkawi – Kelestarian Alam Sekitar;
  - iii. Pertandingan Debat Alam Sekitar antara Institut Pengajian Tinggi (IPT);
  - iv. pertandingan pidato peringkat sekolah;
  - v. pameran alam sekitar;

## NO SOALAN: 93

- vi. sambutan Hari Bumi, Hari Alam Sekitar Sedunia (WED) dan Hari Alam Sekitar Negara (HASN) setiap tahun;
  - vii. Program Rakan Alam Sekitar (RAS);
  - viii. pengumpulan barangan buangan elektronik
  - ix. seminar alam sekitar
  - x. ceramah alam sekitar
  - xi. penerbitan Majalah Impak
  - xii. penerbitan Laporan Kualiti Alam Sekeliling dan Laporan Tahunan
3. Kementerian akan terus menjalankan program-program kesedaran alam sekitar dan memantapkan lagi usaha-usaha dengan menyediakan pelbagai program yang memberi lebih impak kepada semua lapisan masyarakat dengan kerjasama pihak berkepentingan supaya semua dapat memainkan peranan dalam memulihara alam sekitar.
4. Program Rakan Alam Sekitar (RAS) merupakan salah satu program yang melibatkan anggota masyarakat secara `hands-on' iaitu menjadi `mata dan telinga' untuk membantu agensi-agensi Kerajaan yang bertanggungjawab dalam membanteras kegiatan-kegiatan yang merosakkan atau mencemarkan alam sekitar. Ianya sebagai satu bentuk sokongan bagi mempromosi kesedaran alam sekitar kepada masyarakat. Sehingga 30 Jun 2019, seramai 344, 279 ahli RAS berdaftar di seluruh Malaysia.

## **NO SOALAN: 93**

5. Kementerian akan terus mempelbagaikan pendekatan, saluran komunikasi, dan kaedah bagi mencapai golongan sasaran termasuklah meningkatkan penggunaan media sosial seperti Facebook, Twitter, Youtube dan Instagram untuk menyebarkan maklumat dan aktiviti kesedaran alam sekitar.

Sekian, terima kasih.

**NO SOALAN: 94**

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN NEGARA  
MESYUARAT KEDUA 2019, PENGGAL KEDUA,  
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

**PERTANYAAN : LISAN**  
**DARIPADA : YB DATO' CHAI KIM SEN**  
**TARIKH : 25 JULAI 2019**

**Dato' Chai Kim Sen** minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan apakah kajian menyeluruh telah dilaksanakan oleh Kementerian untuk memperkenalkan satu subjek khusus untuk mengenali agama lain selain Islam, di peringkat sekolah dan universiti bagi meningkatkan pemahaman dan keharmonian antara penganut pelbagai agama di negara ini dan apakah inisiatif terbaharu Kementerian bagi mengukuhkan perpaduan melalui pemahaman mengenai sensitiviti penganut pelbagai agama di Malaysia.

**JAWAPAN**

Tuan Yang di-Pertua,

Kurikulum yang digubal oleh Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) sentiasa memberi penekanan kepada pendidikan yang menyeluruh dan seimbang kepada semua murid. Untuk makluman, sebagaimana yang dinyatakan dalam Peraturan-Peraturan Pendidikan (Kurikulum Kebangsaan) 1997, pendidikan agama selain daripada agama Islam adalah tidak tersenarai sebagai kategori mata pelajaran yang diajar di sekolah. Sehubungan dengan itu, KPM berpandangan tiada keperluan untuk memperkenalkan satu subjek khusus untuk mengenali agama lain.

Walau bagaimanapun Seksyen 51, *Pengajaran pengetahuan agama selain daripada agama Islam* dalam Akta Pendidikan 1996 menetapkan pengelola institusi pendidikan bantuan kerajaan boleh mengadakan pengajaran bagi agama selain agama Islam untuk murid institusi pendidikan itu atau mana-mana daripada mereka tetapi-

- (a) pengadaaan sedemikian tidak boleh dibiayai dengan wang yang diperuntukkan oleh Parlimen; dan
- (b) tiada murid boleh mengikuti pengajaran agama selain daripada agama yang dianutinya, kecuali dengan keizinan bertulis ibu bapanya.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, KPM sangat mengambil serius berkenaan usaha pemupukan perpaduan dalam kalangan warga sekolah. KPM telah mengeluarkan Surat Pekeliling Ikhtisas Kementerian Pendidikan

## NO SOALAN: 94

Malaysia Bil. 9 Tahun 2018: Garis Panduan Pelaksanaan Amalan Harian Bagi Perpaduan di Sekolah Kementerian Pendidikan Malaysia. Garis panduan tersebut bertujuan memberikan panduan kepada pihak pengetua dan guru besar (PGB) untuk melaksanakan amalan perpaduan di semua sekolah kebangsaan, sekolah jenis kebangsaan serta sekolah menengah. Selain daripada itu, KPM juga bekerjasama dengan Kementerian Belia dan Sukan dalam melaksanakan program *Malaysia Future Leaders School* (MFLS) yang melibatkan 35,020 orang murid Tingkatan Tiga hingga Tingkatan Lima di seluruh negara. Program ini memberi fokus kepada beberapa aspek seperti menerapkan elemen kenegaraan dan jati diri, membina karakter dan kepemimpinan, integrasi nasional, sosialisasi politik dan kesukarelawanan. Pemilihan wakil murid bagi program ini melibatkan pelbagai kaum, iaitu 70 peratus (Melayu/Bumiputera) , 20 peratus (Cina), 9 peratus (India) dan 1 peratus (lain-lain) sekaligus dapat memupuk integrasi dan perpaduan kaum dalam kalangan murid.

Di peringkat pendidikan tinggi pula, KPM telah merangka program yang bersifat holistik dan memberi nilai tambah dalam pembentukan moral dan nilai diri pelajar melalui penekanan terhadap aspek perpaduan dan jati diri generasi baru negara. Program-program yang dijalankan KPM ini juga melibatkan kerjasama universti awam, institusi pendidikan tinggi swasta (IPTS), badan-badan bukan Kerajaan (NGO), agensi-agensi Kerajaan dan syarikat swasta. Antara program-program yang dijalankan adalah Kembara Siswa Patriotik, *Pitch For Progress*, *Gap Year Volunteerism*, Festival of Colour of the World 2017 (FESCO), Konvensyen Pemimpin Mahasiswa Kebangsaan, *1 World Vocal Singing Competition*, Projek Mural Hari

## **NO SOALAN: 94**

Sukarelawan Sedunia, Hari Perpaduan dan Pidato Antarabangsa Bahasa Melayu.

Program yang dijalankan ini merangkumi pelbagai aspek seperti patriotisme dan jati diri, nilai peribadi, perpaduan, kepimpinan, inovasi, sukan, kesukarelawanan, kebudayaan, kesenian, bahasa dan pengucapan awam yang mampu menerapkan aspek perpaduan dan integrasi nasional. Penyertaan program ini tidak dihadkan kepada satu-satu kaum atau agama sahaja, tetapi terbuka kepada semua pelajar supaya mereka dapat bekerjasama, berinteraksi dan menerima antara satu sama lain.

Selain daripada pelaksanaan melalui program yang dijalankan, kementerian telah membangunkan Indeks Patriotisme dan Perpaduan Nasional (iPPN). iPPN bertujuan untuk mengukur tahap patriotisme dan perpaduan dalam kalangan pelajar IPT melalui 2 instrumen penilaian iaitu penilaian sendiri dan rubrik penaksiran. Sepanjang tempoh pengajian, pihak universiti akan mengadakan program intervensi bagi membantu meningkatkan tahap patriotisme dan perpaduan, manakala penilaian turut dibuat secara bersemuka menggunakan rubrik penaksiran.

Pengukuran Indeks Patriotisme dan Perpaduan Nasional ini dapat memberi gambaran tahap patriotisme dan perpaduan khususnya dalam kalangan pelajar IPT dan seterusnya dapat menjadi petunjuk kepada kementerian ini dalam merangka program yang bersesuaian. Diharapkan dengan pelaksanaan program dan aktiviti yang telah dinyatakan, kementerian dapat membantu Negara dalam melahirkan mahasiswa yang mempunyai identiti

## **NO SOALAN: 94**

nasional dan semangat patriotik yang tinggi dalam menyumbang ke arah kemakmuran negara dan komuniti global.

Sekian, terima kasih.

**NO SOALAN: 95**

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN NEGARA  
MESYUARAT KEDUA 2019, PENGGAL KEDUA,  
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

**PERTANYAAN : LISAN  
DARIPADA : YB DATUK LEE TIAN SING  
TARIKH : 25 JULAI 2019**

**Datuk Lee Tian Sing** minta **MENTERI AIR, TANAH DAN SUMBER ASLI** menyatakan dengan jelas pendirian Kementerian mengenai tuntutan terhadap Kerajaan negeri tentang pemilikan hak milik tanah selama 999 tahun kepada Kampung Baru Cina dan Kampung Orang Asli. Sekiranya tidak, apakah justifikasinya.

**JAWAPAN**

Tuan Yang di-Pertua,

Seksyen 76 Kanun Tanah Negara (KTN) telah memperuntukkan bahawa Pihak Berkuasa Negeri (PBN) boleh memberi milik sesuatu tanah Kerajaan kepada pemohon bagi tempoh tidak melebihi 99 tahun. Walau bagaimanapun, subseksyen 76(aa) telah meluaskan kuasa PBN untuk memberi milik tanah Kerajaan secara selama-lamanya tertakluk kepada keadaan-keadaan khas.

Subseksyen 76(aa) KTN menjelaskan bahawa pemilikan pegangan selama-lamanya terhadap sesuatu tanah hanya boleh berlaku apabila PBN berpuas hati:

- i) bahawa pemberimilikan adalah diberikan kepada Kerajaan Persekutuan;
- ii) pemberimilikan tanah akan digunakan untuk maksud awam; dan
- iii) terdapat keadaan khas yang memerlukan ia berbuat demikian.

Majlis Tanah Negara ke-73 telah bersetuju memperincikan keadaan khas bagi subseksyen 76(aa)(iii), yang antara lain menyatakan bahawa Kerajaan Negeri boleh memberi milik tanah Kerajaan untuk tempoh selama-lamanya bagi projek-projek di bawah Kerajaan Negeri yang telah diputuskan oleh Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri dari semasa ke semasa secara *case by case basis*.

**NO SOALAN: 95**

Sekian, terima kasih.

**NO SOALAN: 96**

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN NEGARA  
MESYUARAT KEDUA 2019, PENGGAL KEDUA,  
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

**PERTANYAAN : LISAN  
DARIPADA : YB TUAN IR. MD. NASIR BIN HASHIM  
TARIKH : 25 JULAI 2019**

**Tuan Ir. Md. Nasir bin Hashim** minta **MENTERI PERUMAHAN DAN KERAJAAN TEMPATAN** menyatakan inisiatif yang disusun dan digerakkan secara cekap, berkesan dan terancang demi golongan sasar memiliki rumah di Malaysia.

**JAWAPAN**

Yang di-Pertua,

1. Untuk makluman Yang Berhormat, Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan (KPKT) amat komited dalam memastikan pembangunan perumahan yang lebih sistematik dan holistik serta memenuhi keperluan rakyat dan golongan sasar khususnya. Oleh itu, melalui Dasar Perumahan Negara (DRN) 2018-2025 yang telah dilancarkan memberi penekanan kepada 5 Fokus, 16 strategi dan 57 pelan tindakan yang telah dirangka untuk menggerakkan inisiatif Kerajaan dalam meningkatkan aksesibiliti rumah mampu milik yang berkualiti dan berdaya huni.
2. Pelan tindakan tersebut merupakan inisiatif Kerajaan yang bersifat nasional melibatkan perancangan, pembangunan dan pemilikan perumahan kepada rakyat dan perlu digerakkan dengan kerjasama agensi, Kerajaan Negeri dan Pihak Berkuasa Tempatan yang terlibat secara langsung dengan sektor perumahan tanpa menumpukan secara khusus kepada sesuatu kawasan sahaja.
3. Antara inisiatif yang dirangka untuk meningkatkan bekalan perumahan mampu milik adalah melalui:
  - (i) Mengenal pasti tanah Kerajaan Persekutuan dan Kerajaan Negeri yang bersesuaian untuk pembangunan rumah mampu

## NO SOALAN: 96

milik supaya kos dapat diturunkan seterusnya menurunkan harga rumah;

- (ii) Melaksanakan pembangunan rumah mampu milik secara kerjasama awam dan swasta supaya kos pembangunan lebih optimum bagi meningkatkan penyediaan rumah mampu milik;
  - (iii) Menggariskan harga rumah mampu milik bagi setiap negeri mengikut pendekatan *median multiple*, di mana harga rumah yang mampu dimiliki adalah 3 kali ganda pendapatan menengah (*median income*) penduduk. Kaedah pengiraan ini boleh dirujuk di dalam Dasar Perumahan Mampu Milik Negara (DRMM). Penetapan harga siling melalui pendekatan *median multiple* boleh dijadikan garis panduan kepada pemaju serta Pihak Berkuasa Tempatan dalam perancangan pembangunan perumahan mengikut lokasi dan kawasan di negeri masing-masing.
4. Selain itu, antara inisiatif yang telah dirangka dalam mencapai janji Kerajaan untuk meningkatkan pemilikan rumah mampu milik kepada golongan sasaran adalah melalui penyediaan skim perumahan mampu milik oleh Kerajaan seperti:
- (i) Skim Pinjaman Perumahan (SPP);
  - (ii) Depositku;

## NO SOALAN: 96

- (iii) Sewa untuk dimiliki (*Rent To Own* atau RTO) bagi Program Perumahan Rakyat (PPR - RTO);
  - (iv) Skim Rumah Pertamaku;
  - (v) Skim Pembiayaan Perumahan Kerajaan di bawah Lembaga Pembiayaan Perumahan Sektor Awam (LPPSA), Kementerian Kewangan;
  - (vi) Kemudahan pembayaran pembiayaan perumahan melalui pengeluaran KWSP; dan
  - (vii) Diskaun Plus.
5. Melalui Bajet 2019 pula beberapa inisiatif baharu telah dilancarkan, iaitu:
- (i) Skim Pembiayaan Kewangan Flexi untuk rumah mampu milik berharga RM300,000 dan ke bawah;
  - (ii) Skim Pembiayaan Subsidi di bawah Dana Rumah Mampu Milik bagi rumah yang berharga RM150,000 dan ke bawah;
  - (iii) Tempoh pembiayaan LPPSA yang dipanjangkan;
  - (iv) Pembiayaan perumahan 100% dengan jaminan Cagamas Berhad; dan

**NO SOALAN: 96**

(v) *Fund My Home (Crowd Funding)*;

Sekian, terima kasih.

**NO SOALAN: 97**

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN NEGARA  
MESYUARAT KEDUA 2019, PENGGAL KEDUA,  
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

**PERTANYAAN : LISAN**  
**DARIPADA : YB DATO' FAHARIYAH BINTI HJ MD**  
**NORDIN**  
**TARIKH : 25 JULAI 2019**

**Dato' Fahariyah Binti Hj Md Nordin** minta **MENTERI PERDAGANGAN DALAM NEGERI DAN HAL EHWAL PENGGUNA** menyatakan perangkaan kes-kes penipuan dalam urus niaga pasaran digital serta sejauh mana kerangka perundangan sedia ada dapat melindungi hak pengguna dari dianiaya oleh peniaga yang melakukan penipuan.

**JAWAPAN**

**Yang di-Pertua,**

1. Jumlah aduan pengguna yang melibatkan transaksi dalam talian yang diterima oleh Kementerian sehingga 8 Julai 2019 adalah sebanyak **2,833** aduan.
2. Kawal seliaan terhadap perniagaan dalam talian telah diperkukuhkan melalui **Peraturan-peraturan Perlindungan Pengguna (Urus Niaga Perdagangan Elektronik) 2012**. Peraturan ini digubal untuk memberikan ketelusan dalam urusan niaga perdagangan elektronik dan sebagai salah satu langkah bagi mengekang perbuatan penipuan kepada pengguna.
3. Manakala **Akta Perlindungan Pengguna 1999** telah dipinda pada tahun 2007 di bawah Seksyen 2 bagi melindungi pengguna yang menjalankan transaksi dalam talian dan pada masa yang sama untuk meningkatkan keyakinan pengguna membeli secara dalam talian.
4. Selain itu, Kementerian ini melalui Suruhanjaya Syarikat Malaysia (SSM) telah memperkenalkan pensijilan digital iaitu **SSM BizTrust** kepada peniaga dalam talian dengan tujuan untuk melindungi pengguna dan mengekang aktiviti penipuan oleh peniaga yang menawarkan produk atau perkhidmatan secara dalam talian.
5. Bagi mewujudkan satu ekosistem perdagangan elektronik yang berdaya mampan dan melindungi kepentingan pengguna serta meningkatkan keyakinan pengguna untuk melakukan aktiviti pembelian secara dalam talian, Kementerian telah **melaksanakan advokasi secara digital** melalui penghasilan **infografik digital**

## NO SOALAN: 97

berkaitan panduan yang perlu diketahui oleh pengguna dalam menjalankan transaksi dalam talian yang dimuat naik melalui media sosial Kementerian.

6. Di samping itu, Kementerian telah menerbitkan **Buku Panduan Menjalankan Transaksi Elektronik Untuk Pengguna** bagi membantu serta mendidik pengguna mengenai tatacara yang betul sebelum membuat pembelian secara dalam talian.
7. Kementerian turut menerbitkan **Panduan Menjalankan Perniagaan eDagang Kepada Peniaga** bukan sahaja sebagai rujukan dan panduan kepada peniaga dalam talian tetapi juga boleh dijadikan rujukan kepada pengguna sebagai senarai semak yang perlu ada pada peniaga *online* tersebut.

Sekian, terima kasih.

**NO SOALAN: 98**

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN NEGARA  
MESYUARAT KEDUA 2019, PENGGAL KEDUA,  
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

**PERTANYAAN : LISAN  
DARIPADA : YB TUAN ZAIEDI SUHAILI  
TARIKH : 25 JULAI 2019**

**Tuan Zaiedi Suhaili** minta **MENTERI KESIHATAN** menyatakan apakah status terkini pembinaan Hospital Petra Jaya Kuching.

**JAWAPAN**

**Yang di-Pertua,**

Notis Penamatan Pengambilan Kerja Kontraktor projek Hospital Petrajaya telah dikeluarkan pada 2 Ogos 2018. Pada masa ini, proses tender untuk menyiapkan baki kerja telah dilaksanakan secara Tender Terbuka (Pra Kelayakan) oleh Jabatan Kerja Raya Malaysia (JKRM). Proses perolehan projek ini sedang dilaksanakan di mana penilaian tender telah selesai pada 12 Jun 2019 dan kini di peringkat Lembaga Perolehan. Surat Setuju Terima (SST) projek ini dijangka keluar pada Oktober 2019. Projek ini dijangka mengambil masa 30 bulan untuk dibina dengan anggaran kos terkini berjumlah RM 610.65 juta.

Sekian, terima kasih.

**NO SOALAN: 99**

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN NEGARA  
MESYUARAT KEDUA 2019, PENGGAL KEDUA,  
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

**PERTANYAAN : LISAN  
DARIPADA : YB PUAN HAJAH RAHEMAH BINTI IDRIS  
TARIKH : 25 JULAI 2019**

**Puan Hajah Rahemah Binti Idris** minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan statistik terkini kes pembuangan bayi dan langkah pencegahan bagi mengurangkan kes-kes pembuangan bayi ini.

**JAWAPAN**

Tuan Yang Di-Pertua,

Sebanyak 642 kes buang bayi dilaporkan di Malaysia dari tahun 2014 sehingga Mei 2019. Daripada jumlah tersebut, Selangor mencatatkan jumlah tertinggi iaitu 146 kes. Manakala Perlis mencatatkan jumlah yang terendah iaitu 7 kes sahaja dalam tempoh tahun tersebut.

Pelbagai inisiatif dan usaha dijalankan oleh pihak polis bagi menangani kes pembuangan bayi ini antaranya adalah dengan mengadakan kempen keselamatan diri dan kesedaran terhadap kesalahan undang-undang di kalangan remaja. Selain itu, pihak PDRM turut mengadakan aktiviti seperti syarahan, forum, pameran dan aktiviti bertemakan keselamatan dan pencegahan jenayah terhadap wanita dan kanak-kanak.

Dari tahun 2014 sehingga Mei 2019, PDRM telah menganjurkan sejumlah 589 program Kempen Kesedaran Wanita (WAC) yang melibatkan sejumlah 117,039 peserta wanita. Manakala sebanyak 443 program Kempen Kesedaran Kanak-Kanak (CAC) telah dianjurkan melibatkan 116,256 peserta pelajar sekolah Menengah, IPTA/IPTS. PDRM juga turut meningkatkan rondaan di sekitar kawasan perumahan, kedai, sekolah dan lain-lain kawasan berisiko sebagai pencegahan.

Selain itu, penubuhan pelindung bayi (*baby hatch*) oleh Badan Bukan Kerajaan (NGO) dan Hospital KPJ adalah antara usaha yang dilaksanakan bagi tujuan mengelakkan berlakunya kejadian pembuangan bayi. PDRM

## NO SOALAN: 99

memberikan kerjasama yang baik kepada Badan Bukan Kerajaan (NGO) dan Hospital KPJ bagi usaha-usaha untuk menambahkan bilangan pelindung bayi (*baby hatch*) sekiranya diperlukan.

Pada masa yang sama, ibu bapa juga perlulah memainkan peranan yang lebih aktif sebagai '*role model*' kepada anak-anak dengan menunjukkan teladan yang baik dan mengambil berat dengan perkembangan emosi dan fizikal anak-anak. Pendidik juga perlu memastikan kurikulum pendidikan yang disediakan bukan sahaja berbentuk akademik tetapi juga lebih kepada ajaran agama bagi mewujudkan nilai murni yang boleh menyekat kepada keruntuhan moral. Pelajar perlu didedahkan kepada pendidikan seksual atau reproduktif bagi membuka ruang untuk memahami informasi terhadap kehidupan kekeluargaan yang sihat.

**NO SOALAN: 100**

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN NEGARA  
MESYUARAT KEDUA 2019, PENGGAL KEDUA,  
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

**PERTANYAAN : LISAN  
DARIPADA : YB TUAN ADRIAN BANIE LASIMBANG  
TARIKH : 25 JULAI 2019**

**Tuan Adrian Banie Lasimbang** minta **MENTERI TENAGA, SAINS, TEKNOLOGI, ALAM SEKITAR DAN PERUBAHAN IKLIM** menyatakan apakah status rancangan pembinaan projek jana kuasa hidro Upper Padas yang terbengkalai. Adakah projek ini akan diteruskan dan apakah jangka masa yang disasarkan untuk pelaksanaannya.

**JAWAPAN**

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat,

1. Kerajaan Persekutuan dan Kerajaan Negeri Sabah sedang meneliti hala tuju pelaksanaan projek hidro elektrik Upper Padas dengan mengambil kira keperluan sistem bekalan elektrik dan bagi memastikan rakyat negeri Sabah mendapat bekalan elektrik yang berdaya harap dengan kadar tarif yang berpatutan.

Sekian, terima kasih.

**NO SOALAN: 101**

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN NEGARA  
MESYUARAT KEDUA 2019, PENGGAL KEDUA,  
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

**PERTANYAAN : LISAN**  
**DARIPADA : YB DATUK HAJI ABIDULLAH BIN**  
**SALLEH**  
**TARIKH : 25 JULAI 2019**

**Datuk Haji Abidullah Bin Salleh** minta **MENTERI PENGANGKUTAN** menyatakan adakah Kementerian mempunyai mekanisme terkini dalam mengawal penjualan dan penggunaan lampu xenon kereta (xenon headlights) yang menyumbang kepada kemalangan di atas jalan raya pada waktu malam.

**JAWAPAN**

Yang di-Pertua,

1. Untuk makluman Yang Berhormat, Kementerian Pengangkutan melalui Jabatan Pengangkutan Jalan (JPJ) menguatkuasakan peraturan kenderaan motor berdasarkan skop di bawah Akta Pengangkutan Jalan 1987 dan Kaedahnya. Secara umumnya, Akta ini membolehkan peruntukan dibuat mengenai pengawalseliaan kenderaan-kenderaan motor dan lalu lintas jalan raya sahaja. Oleh yang demikian, pihak JPJ tidak mempunyai sebarang punca kuasa bagi mengawal penjualan lampu xenon atau komponen automotif lain di dalam premis / kedai.

2. Dalam aspek pengawalseliaan penggunaan lampu *xenon* atau HID pada kenderaan motor pula, pihak Kementerian melalui Jabatan Pengangkutan Jalan (JPJ) mengawalselia pematuhan standard mandatori dan spesifikasi lampu kenderaan terhadap setiap model baharu kenderaan melalui proses Kelulusan Jenis Kenderaan (*Vehicle Type Approval - VTA*). Kriteria penilaian bagi spesifikasi lampu hadapan kenderaan model baharu adalah berdasarkan pematuhan kepada Peraturan *United Nations* (UN) dan *Malaysian Standard* (MS) iaitu seperti berikut:

- a) MS ISO 303 : *Road Vehicles – Installation Of Lighting And Light Signalling Devices For Motor Vehicles And Their Trailers*;
- b) Peraturan UN R48 : *Installation of lighting and light - signalling devices*;
- c) Peraturan UN R98 : *motor vehicle headlamps equipped with gas-discharge light sources*;

## NO SOALAN: 101

d) Peraturan UN R99 : *gas-discharge light sources for use in approved gas-discharge lamp units of power-driven vehicles.*

3. Pihak Kementerian turut telah menetapkan bahawa sebarang pemasangan lampu Xenon / HID secara aksesori (*retrofit*) adalah tidak dibenarkan kerana boleh mengganggu penglihatan dan memudaratkan pengguna jalan raya yang lain. Namun begitu, larangan tersebut tidak terpakai terhadap model - model kenderaan yang telah diluluskan di bawah proses Kelulusan Jenis Kenderaan (VTA) bagi menggunakan lampu Xenon / HID tertakluk kepada pematuhan mandatori Peraturan UN dan MS yang berkenaan.

4. Melalui operasi sekatan jalan raya, pihak JPJ turut sentiasa menjalankan aktiviti pemeriksaan terhadap kenderaan yang mengubahsuai atau memasang lampu Xenon / HID secara aksesori (*retrofit*) dan akan mengeluarkan Notis Larangan Penggunaan Kenderaan (PG1) di bawah Seksyen 59 Akta Pengangkutan Jalan 1987 kepada kenderaan yang berkenaan.

5. Seterusnya, tindakan undang – undang boleh dikenakan terhadap kenderaan motor tersebut melalui Kaedah 94, Kaedah - Kaedah Kenderaan Bermotor (Pembinaan dan Penggunaan) 1959 iaitu keadaan kenderaan atau mana – mana aksesorinya boleh mengakibatkan bahaya pada orang di dalam kenderaan atau pengguna lain di atas jalan raya. Kesalahan ini boleh didenda sehingga RM 2,000 atau penjara bagi tempoh tidak lebih 6 bulan di bawah Seksyen 119(1) Akta Pengangkutan Jalan 1987.

**NO SOALAN: 101**

Sekian, terima kasih.

**NO SOALAN: 102**

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN NEGARA  
MESYUARAT KEDUA 2019, PENGGAL KEDUA,  
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

**PERTANYAAN : LISAN  
DARIPADA : YB DATUK JOHN AMBROSE  
TARIKH : 25 JULAI 2019**

**Datuk John Ambrose** minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan apakah pendirian serta pelan tindakan Kementerian terhadap lebih daripada 50,000 kanak-kanak tanpa warganegara di Sabah.

**JAWAPAN**

Yang di-Pertua,

Kementerian Dalam Negeri (KDN) sentiasa prihatin dengan isu dokumentasi dan pengenalan diri dalam kalangan penduduk negara ini termasuklah golongan kanak-kanak di negeri Sabah. Antara usaha yang sedang diambil dalam menangani isu seperti yang dibangkitkan oleh Ahli Yang Berhormat adalah seperti berikut:

1. Penguatkuasaan undang-undang berkaitan dengan penentuan kewarganegaraan; dan
2. Pertimbangan terhadap permohonan kewarganegaraan bagi individu berkeelayakan.

Berhubung dengan penguatkuasaan undang-undang berkaitan dengan penentuan kewarganegaraan, ditegaskan bahawa kewarganegaraan seseorang individu ditentukan berdasarkan kepada status perkahwinan dan taraf kewarganegaraan ibu bapa kandung sewaktu kelahiran. Oleh itu, kaedah perekodan taraf kewarganegaraan individu yang dilahirkan di Malaysia iaitu sama ada dengan taraf Warganegara atau Bukan Warganegara oleh Jabatan Pendaftaran Negara (JPN) adalah selaras dengan peruntukan di bawah Bahagian III Perlembagaan Persekutuan, *Citizenship Rules 1964* [LN82/1964] serta perundangan berkaitan yang berkuat kuasa dalam isu pendaftaran perkahwinan, kesahatarafan anak, peraturan imigresen dan lain-lain. Ibu bapa dan penjaga kepada individu yang bertaraf Bukan Warganegara bertanggungjawab sepenuhnya untuk

## NO SOALAN: 102

menguruskan kewarganegaraan, dokumen pengenalan diri dan dokumen perjalanan dengan negara asal bagi mengelakkan ketiadaan dokumen pengenalan diri, keberadaan tidak sah di Malaysia dan seterusnya disalah anggap sebagai tidak memiliki kewarganegaraan dari mana-mana negara (*stateless*).

Berhubung dengan pertimbangan terhadap permohonan kewarganegaraan pula, terdapat dua kaedah pemerolehan kewarganegaraan bagi individu bertaraf Bukan Warganegara iaitu sama ada melalui pendaftaran atau penaturalisasian. Pada masa ini, KDN sedang giat menjalankan penambahbaikan komprehensif terhadap prosedur pengendalian standard (SOP) agar ia bersesuaian dengan hala tuju negara dan seimbang daripada aspek kemanusiaan tanpa mengabaikan keselamatan negara serta kesejahteraan warganegara sedia ada.

Bagi memastikan tiada isu berbangkit di masa hadapan serta membentuk masyarakat yang bermoral dan patuh kepada perundangan yang berkuat kuasa, Ahli Yang Berhormat diseru untuk membantu memperkukuhkan usaha Kerajaan dalam menangani isu kewarganegaraan dengan menyebarkan pengetahuan berkaitan dengan kepentingan mendaftarkan perkahwinan serta mendaftarkan anak bertaraf Bukan Warganegara di kedutaan negara asal. Selain itu, Ahli Yang Berhormat juga dinasihatkan untuk merujuk terus individu-individu yang didakwa mempunyai isu dokumentasi atau kewarganegaraan ke KDN atau JPN bagi membolehkan semakan dan penelitian lanjut.

**NO SOALAN: 103**

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN NEGARA  
MESYUARAT KEDUA 2019, PENGGAL KEDUA,  
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

**PERTANYAAN : LISAN  
DARIPADA : YB DATO' HAJI HUSAIN BIN AWANG  
TARIKH : 25 JULAI 2019**

**Dato' Haji Husain Bin Awang** minta **MENTERI TENAGA, SAINS, TEKNOLOGI, ALAM SEKITAR DAN PERUBAHAN IKLIM** menyatakan statistik e-sisa yang dihasilkan mengikut kategori dan dilupuskan bermula tahun 2017 sehingga sekarang di negara kita.

**JAWAPAN**

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat,

1. Pada tahun 2016, **statistik buangan daripada pemasangan elektrik dan elektronik, e-waste (SW 110)** yang dijana dan diperoleh kembali di dalam negara ialah sebanyak 48,787.37 Tan Metrik. Pada tahun 2017, jumlah tersebut ialah sebanyak 28,604.15 Tan Metrik, manakala pada 2018, sebanyak 18,007.44 Tan Metrik buangan daripada *e-waste* dijana dan diperoleh kembali.
2. Peratusan perolehan semula sisa e-waste di negara ini dari tahun 2016 sehingga 2018 ialah 100 peratus daripada jumlah penjanaaan pada tahun-tahun tersebut.

Sekian, terima kasih.

**NO SOALAN: 104**

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN NEGARA  
MESYUARAT KEDUA 2019, PENGGAL KEDUA,  
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

**PERTANYAAN : LISAN  
DARIPADA : YB TUAN AKNAN EHTOOK  
TARIKH : 25 JULAI 2019**

**Tuan Aknan Ehtook** minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan berapakah jumlah subsidi yang ditanggung oleh Kerajaan bagi setiap Universiti Awam bagi tahun 2016 hingga 2019. Adakah Kerajaan bercadang untuk menyelaraskan kadar subsidi ini dengan mengambil kira pendapatan keluarga pelajar agar lebih ramai pelajar boleh melanjutkan pelajaran dan subsidi hanya diberikan kepada mereka yang betul-betul memerlukan sahaja.

**JAWAPAN**

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) menerusi aspirasi Kerajaan baharu, ingin menjadikan pembelajaran di sekolah dan universiti satu pengalaman hidup yang menyeronokkan. Ini adalah selaras dengan hasrat KPM untuk memartabatkan sistem pendidikan sesuai dengan visi menjadikan 'pendidikan untuk semua'.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat juga, kos pendidikan tinggi di Malaysia juga adalah hampir percuma kerana 90% daripada keseluruhan program pengajian di IPTA khususnya ijazah sarjana muda dan diploma dibiayai sepenuhnya oleh Kerajaan dan Universiti Awam (UA).

Dalam mencapai hasrat ini, pihak KPM dengan UA sedang menjalankan kajian untuk menyediakan akses pendidikan percuma dengan memberi bantuan kepada kumpulan sasaran yang lebih tertumpu seperti B40. Maklumat kumpulan sasaran ini adalah berdasarkan data e-Kasih yang dibangunkan oleh Unit Penyelarasan Pelaksanaan (ICU), Jabatan Perdana Menteri (JPM).

Sekian, terima kasih.

**NO SOALAN: 105**

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN NEGARA  
MESYUARAT KEDUA 2019, PENGGAL KEDUA,  
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

**PERTANYAAN : LISAN**  
**DARIPADA : YB PUAN LIM HUI YING**  
**TARIKH : 25 JULAI 2019**

**Puan Lim Hui Ying** minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan perancangan untuk mengukuhkan rondaan polis marin bagi menghentikan penangkapan ikan oleh nelayan tempatan yang tidak berlesen dan pencerobohan oleh nelayan asing dalam pengairan Malaysia yang telah menyebabkan kerugian sebanyak RM6 bilion setahun.

**JAWAPAN**

Tuan Yang Di-pertua,

Isu nelayan tidak berlesen dan pencerobohan nelayan asing di perairan negara adalah satu ancaman maritim yang semakin meningkat. Ia bukan saja membawa kerugian besar kepada negara tetapi jika tidak ditangani dengan berkesan ia boleh membawa kepada kemudaratan dari segi keselamatan dengan pergaduhan antara nelayan tradisional/bot pukut tunda dan nelayan tempatan /nelayan asing yang menceroboh perairan negara. Demonstrasi nelayan yang tidak berpuas hati dengan tindakan penguatkuasaan yang lemah juga mengundang gangguan ketenteraman awam dan sebagainya.

Lebih membimbangkan lagi ia juga menyentuh isukedaulatan negara yang mana hasil negara dengan mudah dijarah oleh orang asing di perairan negara.

Dalam tempoh lima tahun iaitu 2015 hingga Jun 2019, dari operasi yang dilakukan oleh Pasukan Polis Marin, sebanyak **4,128** kes dicatatkan dengan nilai rampasan sebanyak **RM 97,997,859**.

Untuk menangani permasalahan tersebut, Pasukan Polis Marin telah mengambil langkah-langkah pencegahan seperti berikut:-

## NO SOALAN: 105

- (a) Mempertingkatkan rondaan dan pemeriksaan bot nelayan tempatan dan asing di kawasan strategik dengan menggunakan aset-aset Pasukan Polis Marin secara optima. Dengan kehadiran botronda yang berterusan, ia dapat memberi satu kegerunan kepada anasir-anasir jahat dari melakukan sesuatu kesalahan;
- (b) Menubuhkan Unit Risikan Marin dengan pegawai dan anggota yang terlatih untuk mengumpul risikan dan menyalurkan kepada botronda yang beroperasi di laut untuk tindakan;
- (c) Melancarkan operasi khas dengan gabungan kepakaran unit-unit dalam PDRM seperti PGU dan PGA untuk membanteras kumpulan pencerobohan nelayan asing;
- (d) Mempereratkan hubungan dua hala dengan negara-negara jiran melalui latihan dan operasi bersama bagi menangani permasalahan di perairan sempadan.
- (e) Mengadakan pertemuan di laut (*Rendezvous*) di antara botronda Pasukan Polis Marin dengan Polis Marin negara jiran dalam pertukaran maklumat-maklumat kegiatan haram dan ancaman yang sering berlaku di sempadan perairan untuk mempertingkatkan keberkesanan operasi dengan perancangan yang lebih teliti; dan

## **NO SOALAN: 105**

- (f) Mengadakan dialog dengan para nelayan untuk mengetahui permasalahan yang dihadapi oleh mereka dan mempertingkatkan kerjasama dan persefahaman untuk mengatasi permasalahan yang timbul.

Selain itu, satu Jawatankuasa Penguatkuasaan secara Bersepadu telah ditubuhkan bagi menjalankan operasi dan penguatkuasaan secara bersepadu bagi menangani isu pencerobohan kapal nelayan asing di perairan Negara. Jawatankuasa ini diketuai oleh Agensi Penguatkuasaan Maritim Malaysia (APMM) dan dianggotai oleh Tentera Laut DiRaja Malaysia (TLDM), Tentera Udara DiRaja Malaysia (TUDM), Pasukan Polis Marin, Polis DiRaja Malaysia (PPM), Jabatan Perikanan Malaysia, Jabatan Laut Malaysia dan Lembaga Kemajuan Ikan Malaysia (LKIM).

Jawatankuasa Penguatkuasaan secara Bersepadu telah melancarkan Operasi Penguatkuasaan Bersepadu yang dikenali sebagai Ops Naga. Lanjutan itu, Ops Naga telah dilancarkan pada 2 hingga 31 Mei 2019 dan berjaya melaksanakan pemeriksaan secara keseluruhan terhadap 519 buah vesel yang membawa kepada tangkapan 44 buah vesel nelayan asing.

Untuk memastikan keberkesanan dalam menangani permasalahan ini, komitmen semua agensi penguatkuasaan maritim tempatan dan kerjasama dari agensi penguatkuasaan maritim negara jiran perlu diperkukuhkan bagi memastikan perairan negara bebas daripada

**NO SOALAN: 105**

sebarang ancaman yang mampu menggugat keselamatan dan kesejahteraan negara.

**NO SOALAN: 106**

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN NEGARA  
MESYUARAT KEDUA 2019, PENGGAL KEDUA,  
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

**PERTANYAAN : LISAN  
DARIPADA : YB TUAN KHAIRUL AZWAN HARUN  
TARIKH : 25 JULAI 2019**

**Tuan Khairul Azwan Harun** minta **MENTERI KOMUNIKASI DAN MULTIMEDIA** menyatakan jaminan bahawa penggabungan syarikat telekomunikasi Digi dan Celcom tidak akan meningkatkan kos penggunaan telefon oleh rakyat serta apakah inisiatif Kerajaan untuk mengekang kenaikan harga perkhidmatan telefon dan Internet.

**JAWAPAN**

Tuan Yang Dipertua,

1. Untuk makluman Ahli yang Berhormat Senator, Kementerian Komunikasi dan Multimedia Malaysia (KKMM) memandang positif berhubung pelaksanaan kerjasama strategik dengan syarikat telekomunikasi antarabangsa seperti Telenor ASA (Telenor) terutama dari aspek kemajuan teknologi komunikasi yang boleh memberi manfaat kepada Negara. Penggabungan ini juga dijangka akan meningkatkan kecekapan pengurusan sumber-sumber perniagaan dan seharusnya dapat memberi faedah kepada industri telekomunikasi secara keseluruhan. Peningkatan kecekapan melalui skala dan skop yang lebih besar ini juga akan memberi peluang kepada penerokaan pasaran baharu dan seterusnya meningkatkan keupayaan syarikat untuk bersaing dengan syarikat telekomunikasi yang bertaraf dunia.
2. Bagi memastikan ekosistem industri telekomunikasi Negara berada di dalam keseimbangan dan dapat memberi manfaat kepada syarikat telekomunikasi dan juga pengguna, Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia Malaysia (SKMM) telah mengeluarkan dua garis panduan berkaitan penggabungan syarikat telekomunikasi iaitu Garis Panduan Penggabungan dan Pengambilalihan (*Guidelines on Mergers and Acquisitions*) dan Garis Panduan mengenai Kebenaran Pengendalian (*Guidelines on Authorisation of Conduct*) pada 21 Mei 2019.

## **NO SOALAN: 106**

3. Garis panduan tersebut bertujuan untuk meningkatkan ketelusan disamping memberi penjelasan berkaitan pendekatan SKMM ketika menilai penggabungan dan pengambilalihan syarikat telekomunikasi, serta kebenaran kelakuan yang akan mengurangkan persaingan dalam pasaran komunikasi. Dengan garis panduan ini, dinamik persaingan dalam pasaran dapat dikekalkan dan syarikat telekomunikasi dilihat dapat meneruskan strategi korporat masing-masing serta melindungi produk dan perkhidmatan yang tersedia untuk manfaat dan kebajikan pengguna.
  
4. Namun begitu, kajian terperinci mengenai impak penggabungan tersebut seperti harga, tahap kualiti perkhidmatan dan pilihan pengguna belum dibuat memandangkan perbincangan tersebut masih di peringkat awal dan permohonan penggabungan daripada pihak yang terlibat belum diterima oleh Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia Malaysia (SKMM).

**NO SOALAN: 107**

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN NEGARA  
MESYUARAT KEDUA 2019, PENGGAL KEDUA,  
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

**PERTANYAAN : LISAN**  
**DARIPADA : YB DATO' SRI KHAIRUDIN SAMAD**  
**TARIKH : 25 JULAI 2019**

**Dato' Sri Khairudin Samad** minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan keadaan sebenar ekonomi negara kita pada masa kini dan cabaran-cabaran ekonomi yang kita hadapi sekarang.

**JAWAPAN**

Tuan Yang di-Pertua,

Pertumbuhan ekonomi negara pada masa ini kekal kukuh meskipun berhadapan dengan ketidaktentuan persekitaran global. Keluaran Dalam Negeri Kasar (KDNK) mencatat pertumbuhan yang stabil sebanyak 4.5 peratus dalam tempoh suku pertama 2019. Prestasi ini dipacu terutamanya oleh aktiviti penggunaan swasta yang kekal rancak disokong oleh kestabilan pasaran buruh serta kadar inflasi yang rendah. Dari sudut penawaran, sektor perkhidmatan dan pembuatan kekal menerajui pertumbuhan.

2. Meskipun, prestasi ekonomi kekal berdaya tahan, Malaysia sebagai sebuah negara kecil dan terbuka sentiasa terdedah kepada risiko ketidaktentuan pasaran global. Antara cabaran luar ialah ketidaktentuan dasar negara maju, konflik perdagangan antara China dan Amerika Syarikat, volatiliti pasaran kewangan, ketidakstabilan harga komoditi serta ketegangan geopolitik.

3. Walau bagaimanapun, ekonomi Malaysia dijangka kekal mampan disokong oleh asas ekonomi yang kukuh termasuk pasaran buruh yang stabil dengan guna tenaga penuh; kadar inflasi yang rendah; rizab antarabangsa yang kekal tinggi; dan sistem kewangan yang kukuh. Diversifikasi perdagangan yang luas dari segi destinasi dan produk turut menyumbang kepada peningkatan eksport yang berterusan. Pada masa sama, kadar pertukaran yang fleksibel terus memainkan peranan penting sebagai penyerap kejutan luaran tanpa menjejaskan aktiviti ekonomi

## **NO SOALAN: 107**

domestik. Di samping itu, pembaharuan struktur ekonomi yang dilaksanakan oleh Kerajaan telah menghasilkan pertumbuhan ekonomi yang menyeluruh dan pelbagai, seterusnya membolehkan Malaysia kekal kukuh dalam menghadapi ketidaktentuan ekonomi global.

4. Selaras dengan asas ekonomi yang kukuh serta pembaharuan struktur ekonomi, Kerajaan yakin prospek pertumbuhan KDNK dijangka kekal mapan berkembang pada kadar 4.3 peratus hingga 4.8 peratus bagi 2019. Kerajaan juga sentiasa mengambil langkah proaktif dalam menghadapi sebarang ketidaktentuan ekonomi global termasuk meningkatkan daya tahan ekonomi dengan mempelbagaikan sumber pertumbuhan serta memperkukuh kedudukan fiskal negara.

**NO SOALAN: 108**

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN NEGARA  
MESYUARAT KEDUA 2019, PENGGAL KEDUA,  
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

**PERTANYAAN : LISAN  
DARIPADA : YB DATUK MOHAN A/L THANGARASU  
TARIKH : 25 JULAI 2019**

**Datuk Mohan a/l Thangarasu** minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan apakah tindakan yang telah diambil oleh Kerajaan terhadap firma guaman yang mewakili "One City Development Berhad" dan lain-lain pihak dan berapa ramaikah yang telah didakwa di mahkamah di atas peranan mereka dalam mencetuskan rusuhan yang terjadi di Kuil Sri Maha Mariamman, Seafield pada tahun lalu.

**JAWAPAN**

Tuan Yang di-Pertua,

Kerajaan memandang serius kes rusuhan yang berlaku di kuil Sri Mariamman. Berdasarkan laporan-laporan yang diterima, pihak PDRM telah membuka sebanyak 68 kertas siasatan termasuk kes yang melibatkan individu daripada pihak "One City Development dan sebanyak 106 orang tangkapan telah dibuat bersangkut kes. Daripada jumlah itu, seramai 24 orang telah dituduh di Mahkamah.

Kertas siasatan dibuka berdasarkan pelbagai kesalahan di bawah Kanun Keseksaan seperti Seksyen 147/148 (Merusuh), Seksyen 447 (Menceroboh), Seksyen 427 (Khianat), Seksyen 435 (Khianat dengan api), Seksyen 324/326 (Mendatangkan kecederaan parah), Seksyen 186 (Menghalang penjawat awam menjalankan tugas), Seksyen 506 (Ugutan Jenayah) dan Seksyen 393/395/397 (Samun) . Selain itu juga turut dibuka kertas siasatan di bawah Akta Hasutan 1948 dan Akta Bahan-Bahan Kakisan Dan Letupan Dan Senjata Berbahaya 1958 (ABKLSB).

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, merujuk kepada kes yang melibatkan "One City Development Berhad", pihak polis telah mengambil tindakan ke atas penglibatan individu-individu dalam mencetuskan rusuhan yang terjadi di Kuil Sri Maha Mariamman, Seafield berdasarkan laporan polis Putra Height bertarikh 1/12/2018.

## **NO SOALAN: 108**

Kes tersebut telah disiasat dibawah Seksyen 298A Kanun Keseksaan (Menyebabkan dan sebagainya di atas alasan-alasan agama, suasana tidak harmoni, perpecahan, atau perasaan permusuhan, benci-membenci atau niat jahat, atau memudaratkan, pemeliharaan keadaan harmoni atau perpaduan). Sebanyak 6 individu telah di tangkap termasuk 3 orang daripada pihak "One City Development Berhad" iaitu peguam, pengurus dan pengarah dan 3 orang lagi tangkapan orang awam. Kertas siasatan telah dikemukakan kepada Timbalan Pendakwa Raya untuk cadangan pertuduhan di bawah Seksyen 298A Kanun Keseksaan pada 9/1/2019. Kesemua tangkapan telah dibebaskan dengan jaminan polis.

**NO SOALAN: 109**

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN NEGARA  
MESYUARAT KEDUA 2019, PENGGAL KEDUA,  
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

**PERTANYAAN : LISAN**  
**DARIPADA : YB DATIN RAHIMAH BINTI HAJI**  
**MAHAMAD**  
**TARIKH : 25 JULAI 2019**

**Datin Rahimah Binti Haji Mahamad** minta **MENTERI PELANCONGAN, SENI DAN BUDAYA** menyatakan perancangan pengisian kalendar pelancongan pada tahun 2020 di Kelantan dan bagaimana usaha Kerajaan Persekutuan menggandingkan tumpuan pelancongan Kelantan sempena Tahun Melawat Malaysia 2020.

**JAWAPAN**

Tuan Yang di-Pertua,

Pada tahun 2019, antara program dan acara yang telah dirancang di peringkat negeri Kelantan adalah:

1. Program Ihya Ramadhan Kelantan – (Mei);
2. ASEAN Food & Heritage Festival (Pesta Nasi 100) - (Ogos);
3. Karnival Drag - (September);
4. Pesta Tanglung - (September); dan
5. Persembahan Dikir Barat Sejuta Pendikir - (Oktober).

Tuan Yang di-Pertua,

Antara usaha terkini Kerajaan Persekutuan yang sedang dilaksanakan menggandingkan tumpuan pelancongan ke Kelantan adalah:

1. Melalui SKS Airways iaitu sebuah syarikat penerbangan pesawat ringan yang berpangkalan di Senai Johor bakal memulakan penerbangan domestik dari Johor Bahru - Kuantan – Kuala Terengganu – Kota Bahru bermula 1 Oktober 2019 ini. Syarikat ini juga mendapat sokongan penuh dan usahasama dari Tourism Malaysia dan juga kerajaan negeri-negeri yang terlibat. Tourism Malaysia akan bertindak sebagai agensi yang akan mempromosikan penerbangan ini ke destinasi tersebut melalui pelbagai pakej-pakej yang menarik.

## **NO SOALAN: 109**

2. Scoot Tigerair Pte.Ltd, syarikat tambang murah milik penuh Singapura Airlines Limited (SIA) memulakan penerbangan antarabangsa dari Singapura ke Kota Bharu pada 2 Julai 2019. Pesawat Scoot dengan kapasiti 180 tempat duduk bakal menawarkan penerbangan terus dengan kekerapan 3 kali seminggu. Ia bakal menjadi satu-satunya syarikat penerbangan antarabangsa yang akan beroperasi di Lapangan Terbang Sultan Ismail Petra, Kota Bharu, Kelantan dan pengendali perkhidmatan penerbangan antarabangsa bagi laluan Singapura – Kota Bharu.
3. Pejabat Tourism Malaysia (TM) Singapura bersama Pejabat TM Wilayah Timur telah berkolaborasi dengan Scoot mengadakan FAM Trip ke Kelantan dan Terengganu dengan membawa 11 Travel Agent dari Singapura untuk dibawa melawat ke produk tarikan pelancongan di Kelantan (Kota Bharu) dan Utara Terengganu (Kuala Besut & Pulau Perhentian).
4. Kerjasama dengan Kerajaan Negeri melalui platform Mesyuarat Jawatankuasa Kebangsaan Pembangunan Pelancongan dan Kebudayaan bersama para Exco Pelancongan negeri termasuk negeri Kelantan.
5. Meningkatkan kesedaran pelbagai pihak berkepentingan di dalam industri pelancongan dan kebudayaan di peringkat akar umbi melalui sesi libat urus bersama Kementerian dan Agensi Kerajaan, Kerajaan Negeri, penggiat industri pelancongan dan kebudayaan serta masyarakat.

## **NO SOALAN: 109**

6. Pelancaran logo VM2020 telah disempurnakan oleh YAB Perdana Menteri pada 22 Julai 2019. Sebagai membina momentum ke arah Majlis Pelancaran Mega VM2020 yang akan diadakan pada bulan Disember 2019, Kerajaan Negeri turut disaran untuk mengadakan Majlis Pelancaran Kempen VM2020 sebelum mengadakan Majlis Pelancaran Mega secara serentak di peringkat negeri kelak.

Sekian, terima kasih.

**NO SOALAN: 110**

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN NEGARA  
MESYUARAT KEDUA 2019, PENGGAL KEDUA,  
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

**PERTANYAAN : LISAN  
DARIPADA : YB DATUK PAUL IGAI  
TARIKH : 25 JULAI 2019**

**Datuk Paul Igai** minta **MENTERI KESIHATAN** menyatakan adakah darah yang di derma selamat dan tidak ada kemungkinan mengandungi virus dan sebagainya, dan apakah langkah yang sedia ada untuk memastikan darah yang di derma itu selamat.

**JAWAPAN**

**Yang di-Pertua,**

Darah yang selamat hanya akan didapati dari penderma darah yang mempunyai kesihatan yang baik dan mengamalkan gaya hidup sihat bagi menghasilkan produk-produk darah yang berkualiti. Amalan pendermaan secara sukarela dan tetap oleh penderma yang sihat akan memastikan bekalan darah yang diperolehi adalah selamat pada setiap kali kutipan darah dilakukan. Antara langkah - langkah yang telah diambil bagi memastikan darah yang dibekalkan kepada pesakit adalah selamat, berkualiti dan tidak ada kemungkinan mengandungi virus ialah melalui:

- 1) Saringan kelayakan penderma darah. Saringan awal penderma-penderma melalui borang soal selidik kelayakan penderma darah serta temuduga dengan pegawai perubatan yang bertugas. Saringan pada peringkat ini bukan sahaja bagi mengesan penderma yang berisiko tinggi terhadap penyakit-penyakit berjangkit tetapi juga mereka yang sedang dalam rawatan ubat-ubatan yang boleh memberi kesan terhadap kualiti darah tersebut atau kesan kepada tubuh badan penerima.
- 2) Saringan melalui ujian-ujian saringan makmal. Terdapat dua kaedah ujian saringan iaitu ujian saringan serologi dan ujian saringan *Nucleic Acid Testing* (NAT). Bagi teknik ujian saringan serologi, ianya bertindak dengan cara mengesan antigen atau/dan antibodi terhadap virus tersebut. Seterusnya, bekalan darah ini akan menjalani ujian saringan

## NO SOALAN: 110

yang kedua iaitu ujian NAT. Ujian saringan NAT bertindak dengan mengesan kehadiran bahan genetik virus (RNA/DNA) secara langsung dan boleh mengesan virus walaupun terdapat perbezaan strain. Oleh yang demikian, pengesanan bagi virus HIV, Hep B dan Hep C dapat dikesan dengan lebih awal.

- 3) Penyemakan status penderma melalui sistem ICT yang dikenali sebagai Blood Bank Information System Version 2 (BBISV2). Blood Bank Information System Version 2 (BBISV2) adalah sistem yang telah dibangunkan di Pusat Darah Negara. Melalui sistem ini, status penderma darah tersebut berdasarkan pangkalan data SUKUSA (sistem pengumpulan maklumat ujian saringan) bagi mereka yang statusnya telah disahkan positif HIV, Hepatitis B dan Hepatitis C serta pangkalan data sifilis di dalam BBISv2. Nombor kad pengenalan penderma akan dimasukkan dan sekiranya mereka reaktif di dalam sistem SUKUSA, mereka tidak dibenarkan untuk menderma.
- 4) Penggunaan darah yang selamat. Semua pengguna di fasiliti kesihatan adalah disarankan menggunakan darah berdasarkan keperluan yang bertepatan dengan pesakit (*appropriate need*). Ini akhirnya akan melengkapkan rantaian keselamatan bekalan darah tersebut.

Sekian, terima kasih.

**NO SOALAN: 111**

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN NEGARA  
MESYUARAT KEDUA 2019, PENGGAL KEDUA,  
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

**PERTANYAAN : LISAN**  
**DARIPADA : YB DATUK MUSTAPA KAMAL BIN**  
**MOHD YUSOFF**  
**TARIKH : 25 JULAI 2019**

**Datuk Mustapa Kamal Bin Mohd Yusoff** minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan berapakah jumlah kes pembuangan bayi bagi tahun 2018 mengikut negeri dan apakah langkah yang diambil oleh pihak Kementerian bagi mengatasi masalah ini.

**JAWAPAN**

Tuan Yang Di-pertua,

Secara keseluruhan jumlah kes buang bayi di Malaysia pada tahun 2018 iaitu sejumlah 128 kes yang dilaporkan. Dari jumlah tersebut, Selangor mencatatkan jumlah tertinggi iaitu sebanyak 34 kes manakala Perlis mencatatkan bilangan kes yang terendah iaitu dengan 2 kes bagi tahun 2018.

Pelbagai inisiatif dan usaha telah dijalankan oleh pihak polis bagi menangani kes-kes pembuangan bayi antaranya dengan mengadakan kempen keselamatan diri dan kesedaran terhadap kesalahan undang-undang di kalangan remaja. Selain itu, pihak PDRM juga mengadakan aktiviti seperti syarahan, forum, pameran dan aktiviti bertemakan keselamatan dan pencegahan jenayah terhadap wanita dan kanak-kanak.

Sebagai contoh, dari tahun 2014 sehingga Mei 2019, PDRM telah menganjurkan sejumlah 589 program Kempen Kesedaran Wanita (WAC) yang melibatkan sejumlah 117,039 peserta wanita. Manakala sebanyak 443 program Kempen Kesedaran Kanak-Kanak (CAC) telah dianjurkan melibatkan 116,256 peserta pelajar sekolah Menengah, IPTA/IPTS. PDRM juga meningkatkan rondaan di sekitar kawasan perumahan, kedai, sekolah dan lain-lain kawasan berisiko.

## NO SOALAN: 111

Penubuhan pelindung bayi (*baby hatch*) oleh Badan Bukan Kerajaan (NGO) dan Hospital KPJ adalah antara usaha yang dilaksanakan bagi tujuan mengelakkan berlakunya kejadian pembuangan bayi. PDRM juga akan memberikan kerjasama kepada Badan Bukan Kerajaan (NGO) dan Hospital KPJ bagi usaha-usaha untuk menambahkan bilangan pelindung bayi (*baby hatch*) sekiranya diperlukan.

Selain itu, ibu bapa juga perlulah memainkan peranan yang lebih aktif sebagai '*role model*' kepada anak-anak dengan menunjukkan teladan yang baik dan mengambillberat dengan perkembangan emosi dan fizikal anak-anak. Pendidik juga perlu memastikan kurikulum pendidikan yang disediakan bukan sahaja berbentuk akademik tetapi juga lebih kepada ajaran agama bagi mewujudkan nilai murni yang boleh menyekat kepada keruntuhan moral. Pelajar perlu didedahkan kepada pendidikan seksual atau reproduktif bagi membuka ruang untuk memahami informasi terhadap kehidupan kekeluargaan yang sihat.

**NO SOALAN: 112**

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN NEGARA  
MESYUARAT KEDUA 2019, PENGGAL KEDUA,  
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

**PERTANYAAN : LISAN**  
**DARIPADA : YB DATO' KESAVADAS A/L**  
**A.ACHYUTHAN NAIR**  
**TARIKH : 25 JULAI 2019**

**Dato' Kesavadas A/L A.Achyuthan Nair** minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan setiap RM70 juta hutang PTPTN yang tidak dibayar, seramai 10000 orang pelajar tidak akan mempunyai dana untuk melanjutkan pelajaran. Adakah perkara ini akan menjejaskan peluang pelajar yang layak untuk melanjutkan pengajian mereka tetapi tidak diterima masuk ke IPTA untuk meneruskan pengajian mereka di IPTS.

**JAWAPAN**

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, secara puratanya pada setiap tahun PTPTN perlu menyediakan dana pinjaman kepada 180,000 pelajar baharu, di samping peminjam sedia ada yang masih aktif belajar. Selain itu, PTPTN juga perlu menyediakan peruntukan secukupnya bagi membayar balik pinjaman dana daripada institusi kewangan.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat juga, sumber dana PTPTN untuk membiayai pinjaman kepada pelajar diperolehi melalui dua kaedah iaitu kutipan bayaran balik pinjaman dan pinjaman daripada institusi kewangan bermula dari tahun 2003 hingga kini. Sekiranya kutipan bayaran balik terus berkurangan, PTPTN akan terpaksa menampung keperluan dana yang lebih besar melalui pinjaman/sukuk daripada institusi kewangan dengan jaminan Kerajaan bagi memastikan peminjam baharu dan sedia ada terus dibiayai oleh PTPTN.

Sekian, terima kasih.

**NO SOALAN: 113**

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN NEGARA  
MESYUARAT KEDUA 2019, PENGGAL KEDUA,  
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

**PERTANYAAN : LISAN  
DARIPADA : YB PUAN SOPIAH BINTI SHARIF  
TARIKH : 25 JULAI 2019**

**Puan Sopiah binti Sharif** minta **MENTERI PERDAGANGAN DALAM NEGERI DAN HAL EHWAL PENGGUNA** menyatakan apakah mekanisme yang digunakan dan sejauh manakah keberkesanan pelan subsidi petrol dan diesel bersasar (planned targeted fuel subsidy) yang dilaksanakan oleh Kerajaan.

**JAWAPAN**

**Yang di-Pertua,**

Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna (KPDNHEP) bersama Kementerian Kewangan (MOF) sedang **diperingkat akhir memuktamadkan cadangan mekanisma penyampaian subsidi petrol bersasar** untuk pertimbangan dan kelulusan Jemaah Menteri. Pengumuman lanjut berkaitan program ini akan dibuat sejurus setelah mendapat kelulusan tersebut.

**NO SOALAN: 114**

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN NEGARA  
MESYUARAT KEDUA 2019, PENGGAL KEDUA,  
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

**PERTANYAAN : LISAN  
DARIPADA : YB DATUK DONALD PETER MOJUNTIN  
TARIKH : 25 JULAI 2019**

**Datuk Donald Peter Mojuntin** minta **MENTERI AIR, TANAH DAN SUMBER ASLI** menyatakan sama ada Kerajaan Persekutuan akan memperuntukkan dana supaya Projek Kota Kinabalu Water Supply Phase III (KKWSP3) dapat disiapkan di negeri Sabah.

**JAWAPAN**

Tuan Yang di-Pertua,

1. Projek Kota Kinabalu *Water Supply Phase III* (KKWSP3) merupakan cadangan daripada Kerajaan Negeri terdahulu yang juga dikenali sebagai Empangan Air Kaiduan bertujuan menampung keperluan bekalan air di Bahagian Pantai Barat Sabah.
2. Walau bagaimanapun, Kerajaan Persekutuan telah menilai semula cadangan projek tersebut dan menggantikannya dengan cadangan pelaksanaan Empangan Air Papar yang terletak di daerah Papar dengan peruntukan RM3 bilion di bawah *Rolling Plan 4 2020*. Dimaklumkan bahawa projek ini akan dilaksanakan secara *turnkey* oleh Kerajaan Negeri. Namun begitu, kelulusan Kerajaan Persekutuan untuk pelaksanaan projek ini belum diperolehi dan projek ini sedang diteliti oleh Kerajaan Negeri Sabah.

**NO SOALAN: 115**

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN NEGARA  
MESYUARAT KEDUA 2019, PENGGAL KEDUA,  
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

**PERTANYAAN : LISAN  
DARIPADA : YB DATO' ONG CHONG SWEN  
TARIKH : 25 JULAI 2019**

**Dato' Ong Chong Swen** minta **MENTERI PENGANGKUTAN** menyatakan apakah strategi untuk memperkasakan daya saing pelabuhan di Malaysia memandangkan beberapa syarikat perkapalan besar berpindah ke Singapura.

**JAWAPAN**

Yang di-Pertua,

1. Untuk makluman Yang Berhormat, syarikat-syarikat perkapalan utama dunia antaranya K-Line, Hapag-Lloyd, Maersk, CMA CGM dan COSCO telah mewujudkan pakatan (*alliance*) serta membeli syarikat-syarikat perkapalan kecil dalam mengurangkan kos operasi dan memperkukuhkan lagi jalinan kerjasama strategik dalam sector perkapalan antarabangsa. Penggabungan tersebut secara langsung memberikan kesan kepada prestasi pengendalian kontena di pelabuhan-pelabuhan rantau ASEAN memandangkan syarikat-syarikat perkapalan utama dunia tersebut secara tradisinya menjadikan Pelabuhan Singapura sebagai salah satu *hub* persinggahan perkapalan utama dunia.

2. Walau bagaimanapun, pelabuhan-pelabuhan negara secara keseluruhannya berjaya menunjukkan prestasi positif dalam pengendalian kontena (*Twenty-foot Equivalent Unit - TEUs*) bagi tahun 2016, 2017, 2018 dan suku pertama tahun 2019 seperti berikut:

<b>Tahun</b>	<b>TEUs</b>	<b>%</b>
<b>Suku Pertama 2019</b>	<b>6,301,364</b>	
<b>2018</b>	<b>25,002,028</b>	<b>5.12 ↑</b>
<b>2017</b>	<b>23,783,893</b>	<b>-4.28 ↓</b>
<b>2016</b>	<b>24,847,833</b>	

## NO SOALAN: 115

3. Melihat kepada statistik tersebut secara keseluruhannya, pelabuhan-pelabuhan Persekutuan berada pada tahap yang baik dan berpotensi untuk meningkatkan prestasi masing-masing pada tahun-tahun akan datang. Dalam pada itu, berdasarkan kepada kedudukan Liga Kontena Dunia yang dikeluarkan pada tahun 2018, Pelabuhan Klang berada di tempat ke-12 dan Pelabuhan Tanjung Pelepas berada di tempat ke-19.

4. Untuk makluman Dewan Yang Mulia juga, dalam usaha memperkasakan daya saing pelabuhan-pelabuhan Persekutuan, Kerajaan sedang melaksanakan langkah-langkah seperti berikut:

- (a) meningkatkan kapasiti pengendalian di pelabuhan melalui pembangunan infrastruktur:
  - (i) pembinaan *New Deep Water Terminal* (NDWT) di Pelabuhan Kuantan yang dapat mengendalikan 1.2 juta TEUs (kontena);
  - (ii) projek pembesaran (*expansion*) di Westport, Pelabuhan Klang yang dapat mengendalikan 30 juta TEUs;
  - (iii) projek pembesaran Pelabuhan Tanjung Pelepas (Fasa 3) yang dapat mengendalikan 15 juta TEUs; dan
  - (iv) pembangunan Pelabuhan Ketiga di Pulau Carey, Selangor yang dapat mengendalikan 30 juta TEUs.

## NO SOALAN: 115

- (b) mewujudkan nilai tambah (*add value*) dalam perkhidmatan industri hiliran pelabuhan antaranya:
- (i) mewujudkan zon bebas komersil (*free commercial zone*) di pelabuhan-pelabuhan Persekutuan;
  - (ii) membangunkan *hub* perdagangan dan logistik produk halal;
  - (iii) membangunkan perkhidmatan *bunkering*; dan
  - (iv) mewujudkan *Digital Free Trade Zone*.
- (c) menggiatkan hubungan dan kerjasama antarabangsa bagi membolhekan syarikat-syarikat perkapalan antarabangsa singgah di pelabuhan-pelabuhan Malaysia:
- (i) rundingan dengan syarikat-syarikat perkapalan utama dunia antaranya Mediterranean Shipping Company (MSC), Maersk, CMA CGM dan COSCO Shipping Lines; dan
  - (ii) inisiatif *One Belt, One Road* (OBOR) yang dilancarkan oleh negara China berkonsepkan *21st Century Maritime Silk Road* dengan mengadakan hubungan kerjasama pelabuhan berkembar (*sister port corporation*) antaranya pelabuhan negara dan pelabuhan-pelabuhan dunia di bawah platform China-Malaysia *Port Alliance* (CMPA).

**NO SOALAN: 115**

Sekian, terima kasih.

**NO SOALAN: 116**

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN NEGARA  
MESYUARAT KEDUA 2019, PENGGAL KEDUA,  
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

**PERTANYAAN : LISAN  
DARIPADA : YB DATUK RABIYAH BINTI ALI  
TARIKH : 25 JULAI 2019**

**Datuk Rabiyah Binti Ali** minta **PERDANA MENTERI** menyatakan jumlah terkini tanah wakaf di seluruh negara dan fokus Kerajaan persekutuan dalam membangun dan menyelenggarakan janaan pendapatan dari pembangunan tanah-tanah wakaf ini.

**JAWAPAN**

Yang Dipertua,

Untuk makluman Yang Berhormat, berdasarkan kepada Kajian Pelan Induk Transformasi Pembangunan Harta Tanah Wakaf di Malaysia dan sumber dari MAIN pada tahun 2013, jumlah keluasan tanah wakaf yang direkodkan adalah sebanyak 30,888.89 hektar.

Langkah-langkah Kerajaan Persekutuan untuk membangun dan memajukan tanah-tanah wakaf milik MAIN adalah melalui peruntukan bajet pembangunan dalam Rancangan Malaysia Ke-Sembilan (RMKe-9) dan Rancangan Malaysia Ke-Sepuluh (RMKe-10) serta Rancangan Malaysia Ke-Sebelas (RMKe-11) di mana JAWHAR dengan kerjasama MAIN telah membangunkan projek-projek hartanah wakaf merangkumi program pembangunan ekonomi, penyediaan perumahan, pendidikan, kesihatan, sosial dan premis perniagaan dalam fokus untuk meningkatkan taraf sosial ekonomi umat Islam dan ianya telah dilihat memberi impak berganda yang amat positif kepada masyarakat Islam secara khususnya selain daripada mampu menjana hasil berterusan kepada dana wakaf MAIN yang berkenaan.

Selain daripada itu, pembangunan tanah wakaf milik MAIN juga telah dimajukan menerusi kaedah pendanaan alternatif melalui kaedah Kerjasama Pintar (*Smart Partnership*) di antara MAIN, *Government-Linked Company* (GLC) dan pihak swasta di beberapa negeri seperti Pulau Pinang, Selangor dan Perak.

## **NO SOALAN: 116**

Yayasan Waqaf Malaysia (YWM) yang ditubuhkan oleh JAWHAR turut bertindak sebagai agensi pelaksana membantu MAIN dalam membangunkan hartanah wakaf sedia ada, mewujudkan wakaf baru dan membangunkan ekonomi ummah melalui instrumen wakaf di samping menjadi penggerak kepada wakaf berbentuk ekonomi yang boleh menjana dana bagi meningkatkan pemilikan hartanah umat Islam.

Yang Dipertua,

Untuk makluman Yang Berhormat juga, di Malaysia, hal-ehwal berkaitan agama terletak sepenuhnya di bawah kuasa Sultan di setiap negeri dan Sultan mewakilkan kuasa tersebut kepada Majlis Agama Islam Negeri-negeri (MAIN) untuk bertanggungjawab dalam mengendalikan urusan tersebut termasuklah hal-ehwal berkaitan wakaf. Ini kerana perkara wakaf merupakan salah satu aspek harta keagamaan yang disenaraikan di bawah Senarai II, Senarai Negeri, Jadual Kesembilan, Perlembagaan Persekutuan yang diletakkan di bawah bidang kuasa negeri-negeri di Malaysia.

Sekian, terima kasih.

**NO SOALAN: 117**

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN NEGARA  
MESYUARAT KEDUA 2019, PENGGAL KEDUA,  
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

**PERTANYAAN : LISAN**  
**DARIPADA : YB TUAN SURESH SINGH A/L RASHPAL**  
**SINGH**  
**TARIKH : 25 JULAI 2019**

**Tuan Suresh Singh a/l Rashpal Singh** minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan apakah perkembangan dalam kes-kes kehilangan individu-individu sejak tahun 2000 yang telah dilaporkan ke pihak polis dan apakah hasil siasatan daripada laporan-laporan tersebut.

**JAWAPAN**

Tuan Yang Di-pertua,

Berdasarkan statistik Polis Diraja Malaysia (PDRM), sebanyak 54,709 kes orang hilang dilaporkan di Malaysia dari tahun 2000 hingga 2018. Daripada jumlah tersebut, sebanyak 46,498 kes telah berjaya diselesaikan iaitu orang yang hilang itu telah ditemui. Manakala baki sebanyak 7,254 kes masih lagi dalam siasatan.

Sekiranya laporan dan siasatan menunjukkan terdapatnya elemen jenayah maka kes tersebut akan dikelaskan semula mengikut jenis kesalahan yang berkaitan dan dikeluarkan daripada statistik ini.

Berdasarkan siasatan polis, antara punca berlakunya kes kehilangan orang seperti ini adalah disebabkan oleh perselisihan faham dengan ahli keluarga. Bagi remaja pula, keinginan untuk mencari kebebasan di luar turut menjadi penyumbang di samping faktor-faktor lain seperti kecenderungan untuk mengikut kawan atau kekasih.

**NO SOALAN: 118**

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN NEGARA  
MESYUARAT KEDUA 2019, PENGGAL KEDUA,  
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

**PERTANYAAN : LISAN**  
**DARIPADA : YB DATO' DR. ANANTHAN A/L**  
**SOMASUNDARAM**  
**TARIKH : 25 JULAI 2019**

**Dato' Dr. Ananthan A/L Somasundaram** minta **PERDANA MENTERI** menyatakan adakah Kerajaan Pakatan Harapan tetap meneruskan hasrat untuk memansuhkan akta Antiberita Tidak Benar 2018 walaupun baru-baru ini terdapat banyak berita palsu yang ditularkan di media social.

**JAWAPAN**

Tuan Yang di-Pertua,

Seperti mana semua sedia maklum, Akta Antiberita Tidak Benar 2018 [*Akta 803*] digubal untuk menunjukkan komitmen Kerajaan terdahulu bagi menangani masalah penyebaran berita tidak benar selaras dengan perkembangan teknologi moden dan memastikan masyarakat Malaysia lebih bertanggungjawab. Akta tersebut telah dikuatkuasakan pada 11 April 2018.

Seterusnya, Mesyuarat Jemaah Menteri pada 3 Ogos 2018 telah bersetuju dengan cadangan pemansuhan Akta ini. Pemansuhan ini adalah selaras dengan komitmen kerajaan untuk memansuhkan undang-undang yang zalim serta memastikan pihak media mempunyai kebebasan untuk menjalankan proses mengimbang terhadap pentadbiran kerajaan seperti mana yang terkandung di dalam Janji 27, Manifesto Pakatan Harapan. Rang Undang-Undang Antiberita Tidak Benar (Pemansuhan) 2018 telah dibentangkan di Mesyuarat Pertama, Penggal Pertama, Parlimen Keempat Belas yang lalu di mana Bacaan Pertama RUU tersebut telah dilaksanakan pada 8 Ogos 2018. Bacaan Kedua dan Ketiga RUU pula telah dilaksanakan pada 16 Ogos 2018 dan seterusnya RUU tersebut telah diluluskan di Dewan Rakyat pada tarikh yang sama.

## NO SOALAN: 118

Tuan Yang di-Pertua,

Walau bagaimanapun, Rang Undang-Undang Antiberita Tidak Benar (Pemansuhan) 2018 tidak mendapat sokongan di Dewan Negara yang dibuat melalui undi belah bahagian menurut Peraturan Mesyuarat 45(4) Peraturan-Peraturan Majlis Mesyuarat Dewan Negara, yang keputusannya adalah seramai 21 orang menyokong manakala 28 orang tidak menyokong dan 3 orang tidak mengundi. Selaras dengan Perkara 68(2) Perlembagaan Persekutuan, Kerajaan komited untuk membentangkan semula Rang Undang-Undang ini untuk dibahaskan di Dewan Rakyat dan Dewan Negara hanya selepas 16 Ogos 2019 (Mesyuarat Ketiga, Penggal Kedua Parlimen Ke-14)

iaitu setahun daripada tarikh Rang Undang-Undang tersebut diluluskan oleh Dewan Rakyat. Selepas dibentangkan semula di Dewan Rakyat dan Dewan Negara, sama ada atau tidak Dewan Negara meluluskan Rang Undang-Undang tersebut boleh diangkat untuk mendapat perkenan YDPA.

Dalam konteks ini, pemansuhan Akta Antiberita Tidak Benar 2018 ini akan memastikan isu dengan izin, *over regulation* terhadap hak untuk bersuara seperti mana yang telah terjamin dalam Perlembagaan Persekutuan dielakkan. Pada masa yang sama, masyarakat tidak perlu gusar terhadap berita palsu yang ditular melalui media sosial kerana Kerajaan sedang melaksanakan beberapa inisiatif mengkaji dan menyemak undang-undang sedia ada seperti Akta Komunikasi dan Multimedia 1998 [*Akta 588*] dan Akta Mesin Cetak dan Penerbitan 1984 [*Akta 301*] bagi memastikan negara ditadbir oleh sebuah Kerajaan yang terbuka (*open government*) dan undang-undang yang adil (*just laws*).

**NO SOALAN: 118**

Sekian. Terima kasih.

**NO SOALAN: 119**

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN NEGARA  
MESYUARAT KEDUA 2019, PENGGAL KEDUA,  
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

**PERTANYAAN : LISAN**  
**DARIPADA : YB DATO' HAJI HUSAIN BIN AWANG**  
**TARIKH : 25 JULAI 2019**

**Dato' Haji Husain Bin Awang** minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan pendirian rasmi Kerajaan berkaitan isu Pengajaran dan Pembelajaran Sains dan Matematik dalam Bahasa Inggeris (PPSMI) yang diuar-uarkan akan dilaksanakan semula.

**JAWAPAN**

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, dasar Pengajaran dan Pembelajaran Sains dan Matematik dalam Bahasa Inggeris (PPSMI) telah digantikan dengan dasar Memartabatkan Bahasa Malaysia Memperkukuh Bahasa Inggeris (MBMMBI) secara berperingkat-peringkat mulai tahun 2010. Namun demikian, Surat Pekeliling Ikhtisas Bilangan 12/2011 pada 4 November 2011 telah membenarkan kohot murid yang telah mengikuti PPSMI sebelum tahun 2010 meneruskan penggunaan bahasa Inggeris sehingga tamat Tingkatan 5 berdasarkan kesediaan guru dan murid di sekolah.

Di bawah dasar MBMMBI pula, *Dual Language Programme* (DLP) telah diperkenalkan mulai pada tahun 2016 dengan memberi pilihan kepada pihak sekolah untuk melaksanakan pengajaran dan pembelajaran bagi mata pelajaran bidang Sains dan Matematik dalam bahasa Inggeris.

Berkenaan pelaksanaan semula pengajaran dan pembelajaran Sains dan Matematik dalam bahasa Inggeris, Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) sedang melaksanakan kajian terperinci berhubung perkara ini dengan mendapatkan pandangan menyeluruh masyarakat termasuk meneliti aspek penerimaan, kesediaan, mekanisme dan strategi berkaitan.

KPM sentiasa komited untuk meningkatkan tahap penguasaan mata pelajaran Sains dan Matematik dalam kalangan anak-anak kita supaya mampu membentuk generasi kalis masa depan. Saya juga ingin menegaskan, semua keputusan yang akan diambil kelak adalah

## **NO SOALAN: 119**

berdasarkan kepada keperluan dan kepentingan anak-anak Malaysia seluruhnya.

Sekian, terima kasih.

**NO SOALAN: 120**

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN NEGARA  
MESYUARAT KEDUA 2019, PENGGAL KEDUA,  
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

**PERTANYAAN : LISAN  
DARIPADA : YB PUAN ASMAK BINTI HUSIN  
TARIKH : 25 JULAI 2019**

**Puan Asmak Binti Husin** minta **MENTERI KESIHATAN** menyatakan apakah langkah Kerajaan untuk meningkatkan penyampaian perkhidmatan kesihatan ke kawasan pedalaman dan orang asli selaras dengan program 'Primary Health Care (EnPHC)' yang telah dijalankan oleh Kerajaan.

**JAWAPAN**

**Yang di-Pertua,**

Perkhidmatan kesihatan disediakan kepada semua lapisan masyarakat termasuk luar bandar dan pedalaman. Sehingga kini, terdapat 1004 buah Klinik Kesihatan, 1790 buah Klinik Desa dan 88 buah Klinik Kesihatan Ibu dan Anak (KKIA) dan 347 Klinik Komuniti. Daripada jumlah tersebut, 616 buah Klinik Kesihatan, 10 KKIA dan 1683 Klinik Desa memberikan perkhidmatan kepada masyarakat di luar bandar .

Perkhidmatan kesihatan klinik bergerak juga disediakan kepada masyarakat yang tinggal jauh dari statik klinik melalui darat, air dan udara. Sehingga Mac 2019, sebanyak 234 pasukan klinik bergerak disediakan iaitu 93 pasukan di Semenanjung, 38 pasukan di Sabah dan 103 di Sarawak dengan kekerapan sebulan sekali mengikut jadual yang ditetapkan dan pemantauan berterusan dibuat bagi meningkatkan kualiti perkhidmatan kesihatan. Bagi tahun 2018, seramai 468,811 orang telah menerima manfaat daripada perkhidmatan ini.

Sekian, terima kasih.

**NO SOALAN: 121**

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN NEGARA  
MESYUARAT KEDUA 2019, PENGGAL KEDUA,  
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

**PERTANYAAN : LISAN**  
**DARIPADA : YB DATUK ABDUL GHANI BIN**  
**MOHAMED YASSIN**  
**TARIKH : 25 JULAI 2019**

**Datuk Abdul Ghani Bin Mohamed Yassin** minta **MENTERI PERUMAHAN DAN KERAJAAN TEMPATAN** menyatakan berapakah bilangan perumahan yang dibina untuk kakitangan Kerajaan, bilangan rumah yang sedang dibiayai, bilangan rumah yang kosong serta kos pembaikan rumah-rumah Kerajaan ini.

**JAWAPAN**

Yang di-Pertua,

1. Untuk makluman Yang Berhormat, Program Perumahan Penjawat Awam Malaysia (PPAM) merupakan skim rumah mampu milik untuk penjawat awam yang merupakan inisiatif Kerajaan untuk membolehkan penjawat awam terutamanya yang berpendapatan rendah dan sederhana membeli rumah khususnya di bandar-bandar utama.
2. Sehingga 15 Julai 2019 status pembangunan perumahan mampu milik di bawah PPAM di seluruh negara adalah seperti berikut:

<b>BIL.</b>	<b>STATUS</b>	<b>BIL. UNIT</b>
1.	Siap dibina	13,207 unit
2.	Sedang dibina	20,505 unit
3.	Dalam perancangan	13,112 unit

3. Untuk makluman Yang Berhormat juga, status penjualan unit rumah PPAM yang telah dijual termasuk unit yang sedang dibiayai oleh kakitangan Kerajaan dan status kekosongan unit rumah PPAM adalah seperti berikut:-

**NO SOALAN: 121**

<b>STATUS</b>	<b>BIL UNIT</b>
Status jualan PPAM <i>(termasuk unit yang masih dalam pembiayaan)</i>	20,236 unit
Bilangan unit rumah PPAM belum dijual (Kekosongan)  (Jumlah Unit Siap + Unit Dalam Pembinaan – Jumlah Jualan = Unit Belum Dijual) (13,207 unit + 20,505 unit – 20,236 unit = 13,476 unit)	13,476 unit

4. Untuk makluman Yang Berhormat, penyelenggaraan dan pembaikan rumah-rumah PPAM adalah menjadi tanggungjawab pembeli selaku pemilik rumah berkenaan.

Sekian, terima kasih.

**NO SOALAN: 122**

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN NEGARA  
MESYUARAT KEDUA 2019, PENGGAL KEDUA,  
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

**PERTANYAAN : LISAN  
DARIPADA : YB DATUK THEODORE DOUGLAS LIND  
TARIKH : 25 JULAI 2019**

**Datuk Theodore Douglas Lind** minta **PERDANA MENTERI** menyatakan apakah langkah-langkah yang telah dan akan diambil untuk menjamin perpaduan di antara penduduk negara yang berbilang kaum dan agama.

**JAWAPAN**

Yang di-Pertua,

Pepaduan kaum di Malaysia masih baik, namun risiko perkauman didapati semakin meningkat dan sekiranya tidak ditangani dengan baik ianya akan menyebabkan rakyat mengutamakan kepentingan kaum masing-masing dalam tindakan hidup yang akan membawa kepada gejala negatif seperti stereotaip, prejudis, perkauman dan diskriminasi yang menebal dalam kalangan masyarakat. Ini kerana masalah integrasi antara kaum merupakan fenomena biasa dalam kalangan masyarakat majmuk seperti di Malaysia yang rakyatnya terdiri dari pelbagai kaum, agama dan budaya seperti Malaysia.

Pelbagai inisiatif untuk mengukuhkan perpaduan nasional melalui perancangan Kerajaan telah dilaksanakan secara berterusan melalui Jabatan Perpaduan Negara dan Integrasi Nasional (PERPADUAN). PERPADUAN telah, sedang dan akan meneruskan pelbagai usaha bagi memperkukuhkan perpaduan dalam kalangan masyarakat Malaysia menggunakan pendekatan mendamping dan mendidik (engage and educate) melalui pelbagai program dan mekanisme seperti berikut:

- (i) Menubuhkan Majlis Perundingan Keharmonian Rakyat (MPKR) bagi memperkukuh perpaduan dan integrasi nasional. Langkah penubuhan MPKR bertujuan mempromosikan Malaysia di peringkat global sebagai model negara moderat yang berjaya menjaga keharmonian

## NO SOALAN: 122

antara kaum dan agama dan berfungsi sebagai platform untuk percambahan fikiran dan rekonsiliasi antara kaum dan agama.

- (ii) Melaksanakan perancangan inisiatif dan strategi di bawah Pelan Tindakan Perpaduan Negara (PTPN) yang inklusif merentasi semua kementerian dan agensi kerajaan dengan menetapkan program-program yang spesifik dan konkrit untuk menyemarakkan perpaduan, kesepaduan dan penyatupaduan rakyat Malaysia.
- (iii) Memperkasakan kepimpinan 8,205 Jawatankuasa Rukun Tetangga di seluruh negara agar peka dan sensitif terhadap isu-isu atau gerakan-gerakan yang sengaja mengancam untuk memecahbelahkan perpaduan dan keharmonian rakyat.
- (iv) Melaksanakan program dan aktiviti mempromosikan persefahaman dan keharmonian dalam kalangan penganut pelbagai agama seperti Sambutan World Interfaith Harmony Week, International Day for Tolerance, Dialog Harmoni dan lain-lain melalui Jawatankuasa Mempromosikan Persefahaman dan Keharmonian Antara Penganut Agama (JKMPKA).
- (v) Mencari penyelesaian terhadap isu-isu perkauman dan agama yang boleh menyebabkan perpecahan kaum dan memupuk pendamaian di peringkat akar umbi melalui khidmat 1,130 orang Mediator Komuniti di seluruh negara.

## **NO SOALAN: 122**

- (vi) Meningkatkan penghayatan dan pengamalan prinsip-prinsip Rukun Negara kepada pelajar-pelajar sekolah di 6,628 Kelab Rukun Negara (KRN) di sekolah rendah dan menengah dan 169 Sekretariat Rukun Negara (SRN) di peringkat institusi pengajian tinggi di seluruh negara.
- (vii) Menggalakkan silang kerjaya dan kefahaman budaya di syarikat-syarikat milik bumiputera dan bukan bumiputera melalui penyertaan mahasiswa bumiputera dan bukan bumiputera melalui Program Latihan Industri Perpaduan (PLIP).
- (viii) Menyemai nilai-nilai murni kepada lebih 35,000 orang kanak-kanak di bawah umur 6 tahun melalui 1,781 buah Tabika Perpaduan di seluruh negara agar mereka dididik mengenai kepelbagaian yang wujud dalam masyarakat negara ini sejak kecil lagi agar mereka lebih memahami dan menghayatinya apabila dewasa kelak supaya perpaduan masyarakat dan keharmonian negara terus terpelihara.
- (ix) Menyebarkan mesej dan slogan perpaduan agar membudayakan perpaduan dan meraikan kepelbagaian melalui penglibatan syarikat-syarikat swasta, GLCs dan badan bukan kerajaan (NGO).
- (x) Menganjurkan program dan aktiviti perpaduan dan kebudayaan pelbagai kaum secara berterusan yang bertujuan membentuk sebuah bangsa Malaysia yang bersatu padu dengan memberi penekanan untuk meningkatkan kesedaran, penghayatan dan amalan nilai-nilai murni kepada kumpulan sasaran seperti kanak-kanak, pelajar, belia, wanita dan akhirnya merangkumi semua lapisan masyarakat.

## **NO SOALAN: 122**

PERPADUAN selaku agensi peneraju dalam memelihara keharmonian dan memperkukuhkan perpaduan masyarakat pelbagai kaum di negara ini terus komited melaksanakan pelbagai program yang melibatkan anggota komuniti dari pelbagai peringkat umur di negara ini. Pelaksanaan program-program sedemikian akan membuka ruang yang lebih luas kepada rakyat untuk berinteraksi kerana interaksi adalah asas kepada pembentukan perhubungan manusia yang akhirnya akan melahirkan bibit-bibit perpaduan dan rasa kekitaan. Justeru, adalah menjadi harapan kerajaan agar melalui usaha-usaha di atas, semangat perpaduan dapat dipupuk merentasi segenap lapisan masyarakat dengan menerapkan sikap saling menghormati, bertoleransi dan menerima serta menghargai kepelbagaian yang wujud di negara ini.

Sekian, terima kasih.

**NO SOALAN: 123**

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN NEGARA  
MESYUARAT KEDUA 2019, PENGGAL KEDUA,  
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

**PERTANYAAN : LISAN**  
**DARIPADA : YB TUAN KAMARUDIN BIN ABDUN**  
**TARIKH : 25 JULAI 2019**

**Tuan Kamarudin bin Abdun** minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan jumlah dan status pertukaran guru yang telah memohon pertukaran dari tahun 2018 sehingga kini yang masih lagi tidak mendapat tawaran pertukaran.

**JAWAPAN**

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, bagi tahun 2018, permohonan pertukaran guru dibuka mulai 1 Februari 2018 hingga 25 Mac 2018 melalui modul atas talian e-GTukar. Permohonan pertukaran tersebut adalah bagi dua sesi pertukaran iaitu sesi Jun 2018 dan sesi Januari 2019. Sebanyak 9,805 permohonan pertukaran diterima bagi sekolah menengah dan 12,687 permohonan bagi sekolah rendah.

Bagi tahun 2018, jumlah permohonan pertukaran guru yang diluluskan untuk sesi Jun 2018 dan sesi Januari 2019 adalah sebanyak 6,039 permohonan. Daripada jumlah tersebut, sebanyak 2,468 permohonan bagi sekolah menengah dan 3,571 permohonan bagi sekolah rendah. Manakala sebanyak 7,337 permohonan pertukaran guru tidak diluluskan bagi sekolah menengah dan 9,116 permohonan pertukaran guru tidak diluluskan bagi sekolah rendah.

Bagi tahun 2019, permohonan pertukaran guru dibuka mulai 1 Februari 2019 hingga 27 Mac 2019 melalui modul atas talian e-GTukar. Permohonan tersebut adalah bagi sesi pertukaran Jun 2019 dan sesi pertukaran Januari 2020. Guru-guru yang tidak berjaya dalam permohonan pertukaran pada tahun 2018 telah membuat permohonan pertukaran bagi tahun 2019. Di samping itu, terdapat juga permohonan baru yang diterima pada tahun 2019. Sebanyak 9,233 permohonan diterima bagi sekolah menengah dan 12,033 permohonan diterima bagi sekolah rendah.

## **NO SOALAN: 123**

Bagi tahun 2019, sebanyak 681 permohonan pertukaran guru bagi sesi pertukaran Jun 2019 telah diluluskan bagi sekolah menengah dan 1,330 bagi sekolah rendah. Permohonan pertukaran guru yang tidak diluluskan bagi sesi Jun 2019 akan dipertimbangkan untuk pertukaran sesi Januari 2020.

KPM juga ingin memaklumkan bahawa kelulusan pertukaran guru juga bergantung kepada tiga perkara utama iaitu keperluan perkhidmatan, kekosongan jawatan dan keperluan opsyen di negeri yang dimohon.

Sekian, terima kasih.

**NO SOALAN: 124**

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN NEGARA  
MESYUARAT KEDUA 2019, PENGGAL KEDUA,  
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

**PERTANYAAN : LISAN**  
**DARIPADA : YB DR. NUIING JELUING**  
**TARIKH : 25 JULAI 2019**

**Dr. Nuing Jeluing** minta **MENTERI PERUMAHAN DAN KERAJAAN TEMPATAN** menyatakan pecahan bilangan Perumahan Rakyat mengikut negeri. Berapa bilangan rumah yang telah dibina dalam tempoh 5 tahun yang lalu dan berapa banyak yang akan dibina. Berapakah jumlah keseluruhan rumah yang akan dibina di bawah skim ini dan apakah kriteria yang layak untuk membeli rumah tersebut.

**JAWAPAN**

Yang di-Pertua,

1. Untuk makluman Yang Berhormat, bagi tempoh 5 tahun iaitu bermula Januari 2015 sehingga Julai 2019 sebanyak 29 projek (12,992 unit rumah) Program Perumahan Rakyat (PPR) telah siap dibina di seluruh negara. Manakala 41 projek (16,947 unit) masih dalam pembinaan dan 19 projek (8,181 unit) dalam pelbagai peringkat perancangan di seluruh negara. Status pelaksanaan PPR mengikut negeri adalah seperti berikut:

NEGERI	PROJEK SIAP		DALAM PEMBINAAN		DALAM PERANCANGAN	
	BIL. PROJEK	BIL. UNIT	BIL. PROJEK	BIL. UNIT	BIL. PROJEK	BIL. UNIT
PERLIS	0	0	0	0	2	650
KEDAH	3	600	4	1,916	2	1,000
PULAU PINANG	2	301	0	0	0	0
PERAK	1	99	1	260	0	0
PAHANG	2	245	6	700	1	500
KELANTAN	2	1,150	4	1,268	2	550
SELANGOR	0	0	3	1,048	0	0

**NO SOALAN: 124**

NEGERI	PROJEK SIAP		DALAM PEMBINAAN		DALAM PERANCANGAN	
	BIL. PROJEK	BIL. UNIT	BIL. PROJEK	BIL. UNIT	BIL. PROJEK	BIL. UNIT
TERENGGANU	0	0	1	500	2	750
MELAKA	2	1,100	1	55	1	120
NEGERI SEMBILAN	0	0	3	652	1	200
JOHOR	1	500	8	4,547	3	1,800
SABAH	11	5,773	7	4,650	3	1,650
SARAWAK	3	1,124	2	651	2	961
WPKL	2	2,100	0	0	0	0
WP LABUAN	0	0	1	500	0	0
<b>JUMLAH</b>	<b>29</b>	<b>12,992</b>	<b>41</b>	<b>16,947</b>	<b>19</b>	<b>8,181</b>

2. Antara kriteria pemilihan pemohon PPR yang ditetapkan adalah seperti berikut:
- i. Warganegara Malaysia;
  - ii. Berumur 18 tahun dan ke atas;
  - iii. Pendapatan isi rumah tidak melebihi RM3,000.00 sebulan;
  - iv. Menetap atau tinggal di tempat permohonan;

## **NO SOALAN: 124**

- v. Pemohon belum memiliki rumah; dan
  - vi. Mengikut syarat-syarat tambahan yang ditetapkan oleh Kerajaan Negeri.
3. Kementerian juga membuat semakan silang dengan Lembaga Hasil Dalam Negeri (LHDN) dan Unit Bantuan Sara Hidup, Kementerian Kewangan Malaysia untuk memastikan agar PPR ini ditawarkan hanya kepada golongan sasaran.

Sekian, terima kasih.

**NO SOALAN: 125**

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN NEGARA  
MESYUARAT KEDUA 2019, PENGGAL KEDUA,  
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

**PERTANYAAN : LISAN  
DARIPADA : YB PUAN BATHMAVATHI KRISHNAN  
TARIKH : 25 JULAI 2019**

**Puan Bathmavathi Krishnan** minta **MENTERI PEMBANGUNAN WANITA, KELUARGA DAN MASYARAKAT** menyatakan bilakah pindaan akan dibuat kepada Akta Orang Kurang Upaya 2008 (Akta 685) memandangkan terdapat beberapa bahagian yang perlu diperkukuhkan dan juga perlu dimasukkan aspek penalti terhadap ketidakpatuhan Akta tersebut.

**JAWAPAN**

Tuan Yang di-Pertua,

Akta Orang Kurang Upaya 2008 merupakan sebuah akta yang memperuntukkan hak Orang Kurang Upaya di Malaysia, selari dengan komitmen Malaysia terhadap Konvensyen Hak Orang Kurang Upaya yang telah diratifikasikan pada tahun 2010. Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat (KPWKM) melalui Jabatan Pembangunan Orang Kurang Upaya (JPOKU) akan mengadakan sesi libat urus dengan beberapa pihak berkepentingan untuk terus mendapatkan input dan maklum balas bagi mempertimbangkan cadangan pindaan terhadap akta tersebut. Penelitian lanjut, justifikasi yang kukuh serta cadangan yang rasional adalah diperlukan dalam membuat keputusan dasar untuk meminda Akta Orang Kurang Upaya 2008.

**NO SOALAN: 126**

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN NEGARA  
MESYUARAT KEDUA 2019, PENGGAL KEDUA,  
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

**PERTANYAAN : LISAN  
DARIPADA : YB DATO' CHAI KIM SEN  
TARIKH : 25 JULAI 2019**

**Dato' Chai Kim Sen** minta **MENTERI KOMUNIKASI DAN MULTIMEDIA** menyatakan adakah syarikat telco tidak mempunyai sebarang tanggungjawab apabila pengguna baharu yang menggunakan nombor telefon bimbit "recycled" diganggu oleh panggilan "harassment" dan atas prinsip keselamatan privasi.

**JAWAPAN**

Tuan Yang di-Pertua,

1. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat Senator, apabila penggunaan sesuatu nombor telefon bimbit ditamatkan, syarikat telekomunikasi tersebut tidak boleh menggunakan semula atau “recycle” nombor tersebut untuk tempoh selama enam (6) bulan.
2. Syarat ini telah ditetapkan oleh Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia Malaysia (SKMM) di dalam Pelan Penomboran dan Pengalamatan Elektronik atau “Numbering and Electronic Addressing Plan (NEAP)”.
3. Salah satu tujuan bagi mengenakan syarat ini adalah supaya pengguna baharu tidak akan menerima panggilan-panggilan yang tidak wajar yang boleh mengganggu ketenteraman pengguna yang baharu.

**NO SOALAN: 127**

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN NEGARA  
MESYUARAT KEDUA 2019, PENGGAL KEDUA,  
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

**PERTANYAAN : LISAN**  
**DARIPADA : YB DATO' HAJI MOHD SUHAIMI BIN**  
**ABDULLAH**  
**TARIKH : 25 JULAI 2019**

**Dato' Haji Mohd Suhaimi Bin Abdullah** minta **MENTERI BELIA DAN SUKAN** menyatakan usaha-usaha khusus pihak Kementerian dalam membanteras penyalahgunaan dadah dalam kalangan belia yang kini turut melanda golongan belia berpendidikan tinggi.

**JAWAPAN**

Tuan Yang di-Pertua,

1. Kementerian Belia dan Sukan memandang serius dan menyokong inisiatif dalam membentaras masalah penyalahgunaan dadah dalam kalangan belia. Antara program anti dadah yang dilaksanakan oleh Kementerian Belia dan Sukan ialah dengan melaksanakan Program Jatidiri Belia yang bertujuan memberi pendedahan, pemahaman dan kesedaran kepada golongan belia yang berisiko mengenai bahaya masalah sosial dan membangunkan potensi generasi muda menerusi penerapan aktiviti kerohanian dan kemahiran jati diri. Pada tahun 2019, KBS menyasarkan untuk melaksanakan enam program di peringkat negeri merangkumi kawasan gelandangan dan kawasan Felda yang terpilih dengan anggaran penyertaan seramai 480 orang peserta.
2. Selain itu, Kementerian turut melaksanakan Program Inspirasi Anak Muda (I AM) yang mana ia merupakan sebuah program yang bertujuan untuk membimbing anak muda supaya tidak terjebak dengan masalah sosial yang lebih teruk sejak dari awal dan memberi peluang kepada peserta untuk mengembangkan bakat melalui program dan aktiviti sedia ada di bawah Kementerian Belia dan Sukan. Program ini akan mengguna pakai modul *Super Skill for Life (SSL-A)* yang telah diaplikasikan di beberapa buah negara luar. Untuk permulaan, program I AM ini disasarkan kepada pelajar-pelajar sekolah menengah di beberapa buah sekolah terpilih dan Institusi Kebajikan di bawah

## NO SOALAN: 127

Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM) di tujuh (7) buah negeri terlibat iaitu Melaka, Kuala Lumpur, Johor, Terengganu, Pulau Pinang, Sabah dan Sarawak. Program ini dijangka akan dijalankan bermula Ogos 2019.

3. Kementerian Belia dan Sukan juga telah berkerjasama dengan AADK dalam menjayakan program *Skill for Youth A @AADK* bagi tahun 2018. Program ini bertujuan melatih Orang Dalam Tahanan dengan memberikan latihan kemahiran kepada mereka. Dalam pelaksanaan program ini, Kementerian menyediakan tenaga pengajar dalam bidang berkaitan bagi melatih peserta-peserta di pusat CCVC. Bagi tahun 2018 seramai 520 klien telah dilatih dalam program tersebut.
4. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, selain usaha-usaha yang dilakukan oleh Kementerian Belia dan Sukan, pihak Agensi Anti Dadah Kebangsaan (AADK) selaku badan Kerajaan yang bertanggungjawab dalam membantu menangani masalah anak muda yang terjebak dalam penagihan dadah telah melaksanakan beberapa program pencegahan melalui empat program berstruktur yang utama iaitu:
  - (a) Program Keluarga Bebas Dadah, khususnya program *Family on Alert* (FOA). Pengisian program ini terdiri daripada ceramah antidadah dan keibubapaan, pameran antidadah, aktiviti berkumpulan dan tayangan video;
  - (b) Program Institusi Pendidikan Bebas Dadah yang terdiri daripada Program Intelek Asuhan Rohani (PINTAR), *Tomorrow's Leader*

## NO SOALAN: 127

dan Program Sayangi Hidup Elak Derita Selamanya (SHIELDS) sebagai langkah pencegahan awal kepada pelajar-pelajar sekolah di peringkat rendah, menengah dan pengajian tinggi;

(c) Program Tempat Kerja Bebas Dadah (TEKAD) yang memberi fokus kepada golongan sasaran kakitangan awam dan swasta juga telah dilaksanakan; dan

(d) Program Sukses, Matang, Aktif, Rasional, Tanggungjawab (SMART) dilaksanakan untuk membimbing dan mendidik belia bagi meningkatkan kemahiran dan pengetahuan serta kesedaran tentang bahaya dadah dan cara hidup yang positif.

5. Langkah-langkah lain yang diambil oleh pihak AADK bagi meningkatkan usaha memerangi gejala penyalahgunaan dadah juga adalah seperti berikut:

(a) Program *Community Empowerment* yang berasaskan komuniti dilaksanakan dengan menggerakkan masyarakat setempat serta NGO dalam menangani permasalahan penagihan dadah menerusi peranan yang perlu dimainkan oleh masyarakat termasuk:

(i) Penerimaan, iaitu masyarakat bersedia menerima penagih dadah yang sedang menjalani pemulihan (*recovering addicts*);

## NO SOALAN: 127

- (ii) Membantu dalam menyediakan peluang pekerjaan kepada *recovering addicts*;
  - (iii) Sokongan sosial sama ada daripada keluarga, pemimpin komuniti dan masyarakat umum terhadap *recovering addicts*; dan
  - (iv) Menerima secara berterusan terhadap perjalanan kepulihan (*recovery journey*) *recovering addicts* supaya mereka tidak dipengaruhi oleh faktor-faktor pengulangan penyalahgunaan dadah (*relapse*).
- (b) Pendekatan Perkembangan (*Developmental Approach*) juga telah diguna pakai dalam program pendidikan pencegahan. Pendekatan ini adalah berasaskan teori bahawa perkembangan manusia pada setiap tahap adalah berbeza dari sudut psikologi, fisiologi dan emosi. Melalui pemahaman ini, strategi pencegahan dirangka mengikut keperluan kumpulan sasaran, faktor pelindung dan faktor risiko yang dihadapi. Pendekatan ini merupakan penambahbaikan kepada program pencegahan konvensional yang bersifat informatif iaitu memberi maklumat dalam ceramah, seminar, poster, pameran dan risalah. Pelaksanaan Pendekatan Perkembangan ini dilihat dapat memberi mesej pencegahan dadah yang lebih menepati keperluan kumpulan sasar dan membolehkan mesej anti dadah disampaikan dengan lebih berkesan.

## NO SOALAN: 127

6. Sesuai dengan kumpulan sasar iaitu golongan remaja atau pelajar sekolah, AADK turut menggunakan kehebatan media digital sebagai alat penyebaran maklumat pendidikan pencegahan dadah bagi meningkatkan kesedaran awam kepada semua lapisan masyarakat. Laman-laman internet dan media sosial seperti *Facebook*, *Twitter*, *Instagram*, *Youtube*, blog dan laman web pencegahan AADK dimanfaatkan bagi membolehkan mesej antidadah disampaikan kepada golongan muda ini.
  
7. Untuk memastikan masalah dadah di negara kita terus terkawal dan dapat ditangani dengan lebih berkesan, Kerajaan telah mempertingkatkan kerjasama strategik dengan badan-badan bukan Kerajaan dan masyarakat setempat.

Sekian, terima kasih.

**NO SOALAN: 128**

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN NEGARA  
MESYUARAT KEDUA 2019, PENGGAL KEDUA,  
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

**PERTANYAAN : LISAN  
DARIPADA : YB PUAN NURIDAH BINTI MOHD  
SALLEH  
TARIKH : 25 JULAI 2019**

**Puan Nuridah binti Mohd Salleh** minta **MENTERI KESIHATAN** menyatakan berkenaan sejauh mana prinsip EBM (Evidence Based Medicine) dipraktikkan di bahagian komplementari pusat kesihatan awam seperti urutan tradisional, akupunktur dan lain-lain.

**JAWAPAN**

**Yang di-Pertua,**

Misi Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) adalah untuk memastikan perkhidmatan PT&K adalah selamat dan berkualiti untuk manfaat rakyat Malaysia sejak pelancaran Dasar PT&K Kebangsaan pada tahun 2001 seperti urutan tradisional, akupuntur dan lain-lain di fasiliti kesihatan KKM.

Sehingga kini, perkhidmatan PT&K yang ditawarkan di fasiliti kesihatan Kerajaan adalah rawatanurut tradisional, akupuntur, Shirodhara, terapi *External Basti*, terapi Varmam dan terapi herba. Pembangunan perkhidmatan PT&K adalah berlandaskan konsep *evidence-based* dan berperanan sebagai pelengkap kepada perkhidmatan perubatan moden yang sedia ada di fasiliti berkenaan.

Pengenalan perkhidmatan PT&K adalah berdasarkan hasil laporan penilaian teknologi sebelum perkhidmatan tersebut ditawarkan di fasiliti kesihatan Kerajaan. Setiap perkhidmatan PT&K yang ditawarkan adalah berpandukan garis panduan amalan (*practice guideline*) yang dibangunkan oleh KKM di mana indikasi perkhidmatan, regim, prosedur kerja perkhidmatan dan sistem rujukan ditetapkan. Pembangunan garis panduan amalan tersebut adalah berdasarkan *literature search* yang dijalankan dengan menggunakan data elektronik seperti *Pubmed*, *Cochrane Database of Systemic Reviews (CDSR)* dan lain-lain yang merangkumi semua kajian yang berkualiti dan berkait dengan PT&K. Usaha-usaha ini adalah penting untuk memastikan perkhidmatan PT&K disokong oleh pembuktian yang kukuh

## NO SOALAN: 128

serta diberi pengiktirafan sebagai komponen yang penting dalam sistem penjagaan kesihatan kebangsaan mengikut saranan *WHO Traditional Medicine Strategy 2014 – 2023* terbitan Pertubuhan Kesihatan Sedunia.

KKM juga menjalankan penilaian berterusan ke atas perkhidmatan PT&K yang ditawarkan di fasiliti kesihatan Kerajaan untuk memastikan tahap keberkesanan serta penawaran perkhidmatan PT&K yang selamat dan berkualiti. Penilaian tersebut bukan sahaja melibatkan agensi atau institusi di bawah KKM tetapi juga badan bukan Kerajaan (NGO) dan agensi di bawah Kementerian-kementerian lain seperti Institut Penyelidikan Perhutanan Malaysia (FRIM), Institusi Pengajian Tinggi dan sebagainya.

Untuk makluman, pelaksanaan kajian-kajian yang berkaitan adalah berpandukan garis panduan daripada Pertubuhan Kesihatan Sedunia (WHO) seperti “*General Guidelines for Methodologies on Research and Evaluation of Traditional Medicine*” yang bertujuan memastikan hasil kajian tersebut adalah berkualiti dan berimpak tinggi. Adalah diharapkan lebih banyak kajian PT&K yang mempunyai *level of evidence* yang tinggi dapat dihasilkan pada masa akan datang supaya *EBM* boleh dipraktikkan dengan lebih meluas di Malaysia.

Sekian, terima kasih.

**NO SOALAN: 129**

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN NEGARA  
MESYUARAT KEDUA 2019, PENGGAL KEDUA,  
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

**PERTANYAAN : LISAN**  
**DARIPADA : YB TUAN ISMAIL BIN YUSOP**  
**TARIKH : 25 JULAI 2019**

**Tuan Ismail bin Yusop** minta **MENTERI PELANCONGAN, SENI DAN BUDAYA** menyatakan adakah keberadaan Malaysia sebagai destinasi pelancongan semakin berkurangan di negara-negara luar dan apakah perancangan terkini yang telah dilakukan oleh pihak Kementerian khususnya yang melibatkan pembangunan pelancongan yang progresif di negeri Perak yang kaya dengan warisan alam semula jadi.

**JAWAPAN**

Tuan Yang di-Pertua,

Kementerian Pelancongan, Seni dan Budaya (MOTAC) melalui pejabat-pejabat Tourism Malaysia (TM) di luar negara sentiasa aktif mempromosikan Malaysia melalui usaha-usaha berikut:-

1. Menyertai pameran-pameran pelancongan bertaraf antarabangsa seperti South Indian Travel & Tourism Exhibition (SATTE) New Delhi, India, India International Travel & Tourism (ITTT) Mumbai, India, Arab Travel Mart (ATM) Dubai, UAE, Asean Tourism Forum (ATF), International Tourism Borse (ITB) Berlin, Jerman dan World Travel Mart (WTM) London, United Kingdom;
2. Menganjur Program Lawatan Suaikenal MEGA untuk agensi -agensi pelancongan, media, dan bloggers antarabangsa ke Malaysia. Wakil media akan menerbitkan artikel mengenai Malaysia di majalah dan akhbar di pasaran, manakala wakil dari agensi pelancongan pula akan membangunkan pakej lawatan baru ke Malaysia;
3. Menjalankan kempen pengiklanan melalui media cetak, elektronik, papan tanda (billboard) serta pemasaran digital di pasaran-pasaran terpilih di luar negara;
4. Mengadakan kolaborasi dengan agensi-agensi pelancongan luar negara dengan membangunkan pakej-pakej menarik dan bersesuaian

## **NO SOALAN: 129**

serta mempromosikan pakej -pakej lawatan tersebut melalui peruntukan khas promosi dan pemasaran oleh Unit Perancang Ekonomi (EPU), Kementerian Hal Ehwal Ekonomi.

Tuan Yang di-Pertua,

Hasil usaha-usaha promosi yang berterusan oleh TM telah berjaya meningkatkan jumlah ketibaan pelancong asing ke negara ini dengan merekodkan peningkatan sebanyak 4.8 peratus iaitu dari 10,454,447 (Jan-Mei 2018) kepada 10,954,014 (Jan-Mei 2019). Pasaran yang menyumbang kepada peningkatan yang memberangsangkan ini adalah dari Indonesia, Korea Selatan, China dan India. Pencapaian ini menunjukkan bahawa TM sentiasa aktif mempromosikan Malaysia sebagai destinasi pelancongan di pasaran antarabangsa.

Tuan Yang di-Pertua,

MOTAC telah memperuntukkan sebanyak RM59.92 juta di bawah Rancangan Malaysia Kesebelas (RMKe-11) bagi projek-projek pembangunan di Perak. Kementerian sentiasa bekerjasama erat dengan Unit Perancang Ekonomi Negeri (UPEN) Perak dalam memberi perhatian kepada produk-produk pelancongan yang berpotensi untuk dibangunkan atau dinaiktarafkan. Sehubungan itu, Kementerian sangat mengalu-alukan cadangan daripada Yang Berhormat Senator demi memajukan produk-produk pelancongan di Perak.

Sekian, terima kasih.

**NO SOALAN: 130**

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN NEGARA  
MESYUARAT KEDUA 2019, PENGGAL KEDUA,  
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

**PERTANYAAN : LISAN**  
**DARIPADA : YB TUAN HAJI MUHAMAD BIN**  
**MUSTAFA**  
**TARIKH : 25 JULAI 2019**

**Tuan Haji Muhamad Bin Mustafa** minta **MENTERI KESIHATAN** menyatakan statistik bilangan pegawai perubatan pelatih dan pegawai perubatan dan mengapakah wujud jawatan pegawai perubatan pelatih berstatus kontrak.

**JAWAPAN**

**Yang di-Pertua,**

Berdasarkan rekod Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM), sehingga 31 Mei 2019, bilangan Pegawai Perubatan dan Pegawai Perubatan Siswazah di seluruh Malaysia adalah seperti berikut:

1. Pegawai Perubatan seramai 23,362 orang; dan
2. Pegawai Perubatan Siswazah seramai 11,583 orang.

Untuk makluman Ahli yang Berhormat, pelaksanaan perubahan dasar pelantikan graduan perubatan daripada pelantikan secara tetap kepada pelantikan secara kontrak mulai Disember 2016 adalah berdasarkan justifikasi berikut:

1. Membolehkan graduan perubatan menjalani latihan siswazah seperti mana ditetapkan oleh Akta Perubatan 1971 tanpa tertakluk kepada kekosongan jawatan, kekangan jawatan tetap, tanpa perlu ditemuduga oleh Suruhanjaya Perkhidmatan Awam tetapi hanya bergantung kepada kekosongan slot latihan di hospital latihan siswazah;
2. Membolehkan Pegawai Perubatan Siswazah lebih komited dan memberi tumpuan sepenuhnya sepanjang menjalani latihan siswazah;

**NO SOALAN: 130**

3. Memastikan Pegawai Perubatan yang bakal berkhidmat di Malaysia merupakan bakat terbaik dan berkualiti; dan
4. Secara tidak langsung, melalui kaedah ini juga, Kerajaan dapat membantu meningkatkan jumlah doktor di sektor swasta.

Sekian, terima kasih.

**NO SOALAN: 131**

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN NEGARA  
MESYUARAT KEDUA 2019, PENGGAL KEDUA,  
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

**PERTANYAAN : LISAN**  
**DARIPADA : YB LAKSAMANA PERTAMA (B) HAJI**  
**MOHAMAD IMRAN BIN ABD HAMID**  
**TARIKH : 25 JULAI 2019**

**Laksamana Pertama (B) Haji Mohamad Imran bin Abd Hamid** minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan pencerahan mengenai prestasi semua Kementerian setakat 30 Jun 2019 dalam membelanjakan peruntukan yang diluluskan seperti dalam Buku Anggaran Perbelanjaan Persekutuan 2019.

**JAWAPAN**

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, sebanyak RM259,850 juta bagi perbelanjaan mengurus dan RM54,044 juta bagi perbelanjaan pembangunan bersih telah diluluskan dalam Anggaran Perbelanjaan Persekutuan 2019.

Sehingga 30 Mei 2019, sejumlah RM106.5 bilion atau 41.0% telah dibelanjakan di bawah perbelanjaan mengurus. Manakala, sejumlah RM20.3 bilion atau 37.6% telah dibelanjakan di bawah perbelanjaan pembangunan bersih. Secara keseluruhannya, sejumlah RM126.8 bilion telah dibelanjakan oleh semua Kementerian setakat 30 Mei 2019.

**NO SOALAN: 132**

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN NEGARA  
MESYUARAT KEDUA 2019, PENGGAL KEDUA,  
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

**PERTANYAAN : LISAN**  
**DARIPADA : YB DATO' FAHARIYAH BINTI HJ MD**  
**NORDIN**  
**TARIKH : 25 JULAI 2019**

**Dato' Fahariyah Binti Hj Md Nordin** minta **MENTERI PELANCONGAN, SENI DAN BUDAYA** menyatakan berapakah bilangan pengusaha Airbnb yang telah berdaftar dan bagaimanakah kawalselia ke atas premis penginapan yang menawarkan kemudahan tempat tinggal khususnya melalui online dan media sosial kepada tetamu agar tidak timbul isu diskriminasi dan eksploitasi yang menimbulkan keresahan orang awam.

**JAWAPAN**

Tuan Yang di-Pertua,

Berdasarkan Jadual Kesembilan Perlembagaan Persekutuan, perkara berkaitan rumah tumpangan atau rumah pemalam (*boarding houses or lodging houses*) adalah di bawah bidang kuasa kerajaan negeri. Sehubungan itu, pelesenan dan pengawalseliaan premis penginapan adalah di bawah bidang kuasa Pihak Berkuasa Tempatan (PBT).

Berdasarkan Jadual Kesembilan Perlembagaan Persekutuan, perkara berkaitan rumah tumpangan atau rumah pemalam (*boarding houses or lodging houses*) adalah di bawah bidang kuasa kerajaan negeri. Sehubungan itu, pelesenan dan pengawalseliaan premis penginapan adalah di bawah bidang kuasa Pihak Berkuasa Tempatan (PBT).

Kerajaan mengambil maklum akan beberapa masalah dan cabaran yang dihadapi oleh pelbagai pihak yang berkepentingan dan juga rakyat melalui kewujudan premis penginapan secara atas talian ini. Susulan daripada itu, Kerajaan telah menubuhkan *Working Group on Home Sharing Economy* atau WGHSE bagi membangunkan *Roadmap for Regulatory Framework on Short Term Accommodations*. Di bawah WGHSE, sebuah Jawatankuasa Teknikal telah ditubuhkan dan dipengerusikan secara bersama oleh KPKT dan MOTAC. Jawatankuasa ini dianggotai oleh pelbagai kementerian dan agensi berkaitan bagi menyediakan dokumen panduan yang merangkumi perkara-perkara berkaitan pendaftaran,

## **NO SOALAN: 132**

keselamatan, kawalan kacau ganggu, kutipan cukai dan tempoh penginapan.

Pada masa yang sama, MOTAC juga menggalakkan semua pengusaha yang menawarkan perkhidmatan premis penginapan melalui *Airbnb* untuk berdaftar dengan MOTAC bagi membolehkan Kementerian ini meneliti dan memahami pelbagai model perniagaan sebegini. Sehingga 30 Jun 2019, kementerian ini telah menerima sebanyak 368 permohonan daripada pelbagai individu mahupun syarikat untuk didaftarkan di bawah MOTAC. Sehingga kini, pendaftaran adalah secara percuma.

Sekian, terima kasih.

**NO SOALAN: 133**

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN NEGARA  
MESYUARAT KEDUA 2019, PENGGAL KEDUA,  
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

**PERTANYAAN : LISAN  
DARIPADA : YB DATUK HAJI ISMAIL BIN IBRAHIM  
TARIKH : 25 JULAI 2019**

**Datuk Haji Ismail Bin Ibrahim** minta **PERDANA MENTERI** menyatakan bilangan terkini penjawat awam kategori Jawatan Utama Sektor Awam (JUSA) dan bagaimana Kerajaan memastikan semua kumpulan perkhidmatan awam menikmati kenaikan pangkat ke jawatan utama ini secara lebih adil.

**JAWAPAN**

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, bilangan terkini penjawat awam kategori Jawatan Utama Sektor Awam (JUSA) ialah 5,048 dengan pengisian seramai 4,040 orang. Memandangkan bilangan jawatan-jawatan tersebut adalah terhad maka proses pertimbangan pengisian perlu melalui proses pemilihan yang ketat berdasarkan merit, prestasi, kelayakan, kompetensi, daya kepimpinan, pengalaman, integriti dan kesesuaian penerimaan di peringkat Kementerian atau Jabatan.

Ini adalah bagi memastikan, pegawai yang mengisi jawatan-jawatan berkenaan adalah terdiri daripada pegawai yang kompeten dan berkebolehan. Kerajaan juga tanpa mengira kaum, bangsa dan agama sentiasa memberi ruang dan peluang yang saksama kepada penjawat awam untuk mengisi jawatan di peringkat pembuat keputusan dan strategik, termasuk jawatan Ketua Setiausaha Kementerian (KSU) dan Ketua Pengarah (KP) selaras dengan peruntukan di bawah Pekeliling Perkhidmatan Bilangan 7 Tahun 2010 - Panduan Pengurusan Pemangkuhan Dan Kenaikan Pangkat Dalam Perkhidmatan Awam.

Sekian, terima kasih

**NO SOALAN: 134**

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN NEGARA  
MESYUARAT KEDUA 2019, PENGGAL KEDUA,  
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

**PERTANYAAN : LISAN**  
**DARIPADA : YB DATUK JOHN AMBROSE**  
**TARIKH : 25 JULAI 2019**

**Datuk John Ambrose** minta **MENTERI PERUMAHAN DAN KERAJAAN TEMPATAN** menyatakan berapakah bilangan perumahan yang telah dibina, sedang dibina dan akan dibina untuk kakitangan Kerajaan. Untuk ini berapakah bilangan rumah yang sedang dibiayai oleh kakitangan Kerajaan, bilangan rumah yang kosong serta kos penyelenggaraan dan pembaikan rumah-rumah Kerajaan ini.

**JAWAPAN**

Yang di-Pertua,

1. Untuk makluman Yang Berhormat, Program Perumahan Penjawat Awam Malaysia (PPAM) adalah satu skim rumah mampu milik untuk penjawat awam yang merupakan inisiatif Kerajaan untuk membolehkan penjawat awam terutamanya yang berpendapatan rendah dan sederhana membeli rumah khususnya di bandar-bandar utama.
2. Sehingga 15 Julai 2019, status pembangunan perumahan mampu milik di bawah PPAM di seluruh negara adalah seperti berikut:

<b>BIL.</b>	<b>STATUS</b>	<b>BIL. UNIT</b>
1.	Siap dibina	13,207 unit
2.	Sedang dibina	20,505 unit
3.	Dalam perancangan	13,112 unit

3. Untuk makluman Yang Berhormat juga, status penjualan unit rumah PPAM yang telah dijual termasuk unit yang sedang dibiayai oleh kakitangan Kerajaan dan status kekosongan unit rumah PPAM adalah seperti berikut:-

**NO SOALAN: 134**

<b>STATUS</b>	<b>BIL. UNIT</b>
Status jualan PPAM <i>(termasuk unit yang masih dalam pembiayaan)</i>	20,236 unit
Bilangan unit rumah PPAM belum dijual (Kekosongan)  (Jumlah Unit Siap + Unit Dalam Pembinaan – Jumlah Jualan = Unit Belum Dijual) (13,207 unit + 20,505 unit – 20,236 unit = 13,476 unit)	13,476 unit

4. Untuk makluman Yang Berhormat, penyelenggaraan dan pembaikan rumah-rumah PPAM adalah menjadi tanggungjawab pembeli selaku pemilik rumah berkenaan.

Sekian, terima kasih.

**NO SOALAN: 135**

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN NEGARA  
MESYUARAT KEDUA 2019, PENGGAL KEDUA,  
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

**PERTANYAAN : LISAN**  
**DARIPADA : YB TUAN HAJI MUHAMAD BIN**  
**MUSTAFA**  
**TARIKH : 25 JULAI 2019**

**Tuan Haji Muhamad Bin Mustafa** minta **MENTERI KOMUNIKASI DAN MULTIMEDIA** menyatakan apakah status ketersediaan kelajuan Gigabait atau minima 500Mbps di ibu negeri Kelantan (Kota Bharu).

**JAWAPAN**

Tuan Yang di-Pertua,

1. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat Senator, Kerajaan sentiasa berusaha melaksanakan pelbagai inisiatif bagi memperluaskan liputan dan kualiti perkhidmatan jalur lebar di seluruh negara termasuk di negeri Kelantan.
2. Di antaranya adalah dengan menyediakan kemudahan jalur lebar berkelajuan tinggi di ibu negeri dan bandar-bandar utama di negeri Kelantan melalui projek Jalur Lebar Berkelajuan Tinggi (HSBB). Sehingga kini, terdapat sebanyak lebih 18 ribu sambungan telah tersedia melibatkan penaiktarafan 4 ibusawat di negeri Kelantan.
3. Turut dimaklumkan bahawa, pelaksanaan Pelan Gentian Optik dan Kesalinghubungan Negara (atau National Fiberisation and Connectivity Plan, ("NFCP")) adalah bertujuan untuk menambahbaik dan meningkatkan liputan jalur lebar seluruh negara bagi tempoh selama 5 tahun (2019-2023). Antara sasaran yang telah ditetapkan di bawah NFCP adalah liputan jalur lebar dengan kelajuan minima 500Mbps bagi premis di ibu negeri Kelantan menjelang tahun 2021.

**NO SOALAN: 136**

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN NEGARA  
MESYUARAT KEDUA 2019, PENGGAL KEDUA,  
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

**PERTANYAAN : LISAN**  
**DARIPADA : YB PUAN SOPIAH BINTI SHARIF**  
**TARIKH : 25 JULAI 2019**

**Puan Sopiah binti Sharif** minta **PERDANA MENTERI** menyatakan apakah tindakan Kerajaan terhadap anggota pentadbiran Kerajaan yang terlibat dengan kegiatan tidak bermoral dan di luar tabie. Adakah Kerajaan akan membuat siasatan mendalam ke atas sebarang tuduhan atau bukti bagi menjaga imej Kerajaan secara khususnya dan juga imej Negara amnya.

**JAWAPAN**

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Kerajaan sentiasa mempunyai pendirian yang tegas dalam semua isu termasuk isu jenayah seksual di kalangan Anggota Pentadbiran Kerajaan.

Dalam perkara ini, sekiranya terdapat bukti yang kukuh seseorang individu telah melakukan kesalahan di bawah mana-mana undang-undang, individu tersebut akan dikenakan tuduhan mengikut peruntukan undang-undang semasa. Dengan itu, prinsip *rule of law* akan dipastikan dipatuhi agar sebarang tindakan yang diambil dibuat dengan adil, berlandaskan teras integriti.

Sekian, terima kasih.